

**MALAYSIA  
DEWAN NEGARA**

**Rabu, 3 Mei 2000**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Tuan Ho Lim Teck** minta Menteri Kewangan menyatakan sejak penubuhan KWSP jumlah aduan yang telah diterima daripada orang awam atas sebab para majikan gagal memasukkan caruman pekerja walaupun potongan memang telah dibuat dari gaji pekerja dan apakah tindakan yang diambil oleh kerajaan untuk menjamin kepentingan pekerja dalam perkara ini.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]:**

Tuan Yang di-Pertua, sehingga akhir bulan Mac 2000, baki kes aduan terhadap majikan yang gagal mencarum sama ada potongan gaji telah dibuat atau tidak yang masih dalam penyiasatan ialah sebanyak 25,878 kes membabitkan 11,565 majikan. KWSP mengambil perhatian yang serius tentang semua aduan yang diterima mengenai majikan yang gagal mencarum. Semua kes aduan yang diterima daripada ahli terhadap majikan didaftar dan dipantau tindakan penyelesaian melalui sistem komputer. Melalui sistem maklumat berkomputer ini juga KWSP mengawas bayaran bulanan majikan yang berdaftar. Sistem ini dapat mengenal pasti majikan-majikan yang gagal mencarum dan seterusnya pemeriksaan KWSP akan menyiasat dan membawa majikan ke mahkamah jika perlu.

Sehingga akhir Mac 2000 daripada 305,257 majikan berdaftar didapati 19,105 majikan atau 6.26% telah gagal membayar sebulan caruman atau lebih. KWSP tidak bergantung kepada aduan semata-mata tetapi membuat pemeriksaan mengejut dari pintu ke pintu ke atas premis-premis perniagaan untuk memastikan majikan yang sepatutnya dicarum adalah berdaftar dengan KWSP serta membayar caruman dengan tepat bagi semua pekerja mereka.

Pada tahun 1999 KWSP telah memeriksa 140,109 premis perniagaan dan mendapati 1.12% atau 1,528 majikan tidak berdaftar dengan KWSP. Bilangan

majikan yang didakwa sepanjang tahun 1999 adalah 4,024 kes berbanding dengan 3,379 kes pada tahun 1998 dan 1,672 kes pada tahun 1997.

Dalam keadaan di mana potongan daripada gaji pekerja terbukti telah dibuat tetapi majikan gagal membayar caruman jumlah yang telah dipotong, jumlah tersebut akan dikreditkan ke akaun ahli menggunakan Hasil Am KWSP berdasarkan Seksyen 50(3) Akta KWSP 1991 bagi menjamin kepentingan pekerja. KWSP akan menuntut kembali amaun tersebut daripada majikan. Langkah-langkah dan tindakan tegas ini dilakukan kerana KWSP tidak sekali-kali berkompromi dalam usaha memelihara kepentingan masa depan para pekerja dan keluarga mereka.

**Tuan Tan Ek Huat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kerajaan berhasrat untuk menaikkan kadar potongan gaji untuk KWSP sebab banyak pihak telah buat rayuan supaya peratusan itu dinaikkan?

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Beberapa permohonan telah dibuat untuk menaikkan bukan sahaja caruman daripada pekerja, malahan juga caruman daripada majikan dan perkara ini sedang dikaji oleh pihak KWSP.

**Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah proses yang telah diambil terhadap majikan yang mencarum – tadi mungkin cerita berkenaan dengan pencarum sahaja. Tetapi kita mahu proses dan berapakah denda yang dikenakan kepada mereka ini dan bolehkah kerajaan menjelaskan kepada kita oleh keram ini terbabit dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan, dengan izin, criminal breach of trust. Terima kasih.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, yang pertama yang saya katakan tadi bahawa majikan berdaftar yang gagal mencarum dikenal pasti melalui komputer kita. Dan daripada situ kita akan dapat memerhatikan dan memantau berapakah tanggungan yang telah dibuat oleh majikan terhadap caruman-caruman bukan sahaja dari majikan tetapi juga daripada pekerja yang telah tidak diremitkan, dilepaskan atau diberikan kepada KWSP. Kes majikan yang tidak menjelaskan caruman yang tertunggak dalam tempoh satu minggu akan difailkan di mahkamah untuk didakwa di bawah Seksyen 43(2) Akta KWSP 1991 dan mahkamah akan menetapkan satu tarikh untuk menyebut kes itu dan semasa sebutan kes sekiranya majikan mengakui salah, mahkamah akan menjatuhkan hukuman kepada majikan dan memerintahkan majikan menjelaskan caruman yang tertunggak.

Pada lazimnya mahkamah atas permohonan majikan akan membenarkan majikan menjelaskan caruman yang tertunggak itu dalam lima atau enam kali ansuran. Dan sekiranya majikan tidak mengakui salah maka tarikh perbicaraan akan ditetapkan di mahkamah. KWSP akan mengawas pembayaran ansuran perintah mahkamah oleh majikan jika dalam sebutan tadi mereka mengakui bersalah dan mahkamah akan mengeluarkan waran atau melevi untuk melelong harta majikan sekiranya caruman tertunggak masih tidak dijelaskan oleh majikan. Dan kalau caruman tertunggak masih tidak dapat dipungut melalui tindakan pendakwaan, tindakan sivil berasingan akan diambil terhadap pengarah syarikat ataupun rakan kongsi itu.

Denda penalti yang akan dikenakan, Seksyen 43(2) Akta KWSP 1991 seperti saya katakan tadi menetapkan hukuman berikut terhadap majikan yang gagal mencarum dan jika sabit kesalahan di mahkamah iaitu di penjara selama satu tempoh yang tidak melebihi tiga tahun atau didenda tidak melebihi RM10,000 atau kedua-duanya sekali.

Masalah CBT yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, kita mendapati bahawa undang-undang berkaitan dengan pecah amanah jenayah ini adalah diperuntukkan di bawah Kanun Keseksaan di mana hukuman yang ditetapkan ialah penjara mandatori tidak kurang daripada satu tahun. Bagi kesalahan di bawah CBT elemen yang penting ialah orang yang melakukan kesalahan tersebut mendapat keuntungan bagi dirinya. Berbanding dengan kesalahan Akta KWSP, yang melakukan kesalahan adalah syarikat dan bukannya orang perseorangan. Oleh itu, perkara penting yang perlu ditentukan ialah siapa di dalam syarikat tersebut yang perlu bertanggungjawab bagi kesalahan itu dan mereka tidak mendapat keuntungan peribadi kerana tidak membayar caruman tetapi ialah majikan yang berkenaan mendapat keuntungan.

Jadi, memandangkan isu ini agak rumit dan boleh memberi implikasi yang agak besar kepada majikan serta melibatkan jabatan yang berkuasa ke atas Kanun Keseksaan, maka wajar perkara ini dibincangkan dengan Jabatan Peguam Negara dan syor Yang Berhormat akan saya kemukakan kepada Jabatan Peguam Negara dan Jabatan Perdana Menteri. Terima kasih.

2. **Puan Hajah Che Jam binti Haron** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan apakah kementerian mempunyai rancangan untuk meneruskan Skim Kontraktor Payung bagi menjalankan projek jalan kampung di seluruh Malaysia. Jika tidak, apakah langkah dan dasar kementerian sekarang bagi memastikan pembangunan infrastruktur penduduk kampung mendapat pembelaan yang sewajarnya.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar [Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]:** Tuan Yang diPertua pelaksanaan projek jalan kampung secara konsep payung telah dapat meningkatkan keberkesanan, pelaksanaan dan kualiti jalan yang dibina di samping pelaksanaan projek dapat dimulakan dan disiapkan dengan lebih cepat. Sungguhpun demikian, beberapa rungutan mengenai pelaksanaannya telah disuarakan oleh beberapa pihak. Kementerian ini telah membuat kajian dan memutuskan untuk memberhentikan pelaksanaan menurut konsep payung dan membuat beberapa pengubahsuaian kepada kaedah pelaksanaan projek jalan kampung bagi memperkemas dan memantapkan lagi pelaksanaan projek dalam projek jalan kampung.

Pengubahsuaian ini menekankan kepada peranan dan penyertaan dan tanggungjawab memimpin di peringkat negeri dan tempatan dan institusi pejabat daerah dalam aspek perancangan projek, pemilihan kontraktor, pelaksana dan pemantauan kemajuan projek. Selaras dengan penglibatan pelbagai pihak dalam pelaksanaan, maka pelaksanaan PJK akan dapat dibuat dengan lebih bersepadu.

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** Terima kasih Tuan Yang diPertua, soalan tambahan. Masih terdapat jalan-jalan di pedalaman kalau boleh diistilahkan masih diabaikan. Jadi, kepada siapakah permohonan dan rayuan itu harus dikemukakan, apakah melalui pegawai daerah ataupun wakil-wakil rakyat di kawasan itu?

**Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Terima kasih Tuan Yang diPertua. Terima kasih atas keprihatinan Yang Berhormat. Jadi, prosesnya masih sama iaitu wakil-wakil rakyat boleh memberikan senarai itu kepada pejabat daerah dan pejabat daerah akan mengemukakan kepada pejabat pembangunan negeri di mana senarai itu akan disampaikan ke Kementerian Pembangunan Luar Bandar untuk dipertimbangkan. Prosesnya masih sama kecuali konsep payung ini ada pengubahsuaian sedikit-sebanyak untuk memastikan bahawa banyak dari segi consultation dengan pemimpin-pemimpin di peringkat akar umbi.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sekarang ini kawasan luar bandar merupakan kawasan yang telah pun menghasilkan banyak hasil pertanian seperti kelapa sawit. Saya ingin tahu daripada pihak kerajaan kalau dahulunya dasar jalan-jalan kampung ini merupakan jalan yang nipis kalau ditar, selepas itu apabila ditender pun ditender secara jalan yang tidak boleh menampung keperluan trak-trak besar yang membawa seperti yang saya sebutkan tadi kelapa sawit dan sebagainya. Adakah pihak kerajaan hendak menukar paradigma sedikit di mana jalan-jalan kampung kerana wujudnya kawasan-kawasan pertanian yang luas akan dinaikkan taraf seperti jalan-jalan besar di luar kerana kalau tidak dari segi penyelenggaraannya akan meningkat dan orang-orang kampung sentiasa merungut - hendak sekat jalan supaya lori tidak boleh masuk kerana jalan itu akan rosak dan penyelenggaraan (maintenance) tak cukup untuk menentukan jalan itu diperbaiki.

Jadi, adakah pihak kerajaan akan menukar skop dan idea baru untuk menentukan jalan-jalan kampung di mana wujudnya kawasan-kawasan pertanian yang luas akan setebal jalan seperti jalan raya.

**Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya memang ini semua ada dalam piawaian untuk membuat jalan luar bandar. Jadi, apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat itu dikategorikan sebagai jalan R1 iaitu tahapnya dengan lebarnya memang membenarkan kenderaan yang besar seperti lori yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi. Jadi, memang ada tahap-tahap jalan dan ia 'dinaikgredkan' bermula daripada jalan kampung, mungkin pada masa itu belum ada banyak aktiviti ekonomi tetapi setelah mungkin banyak projek seperti ladang kelapa sawit dan sebagainya, jadi memang boleh dipohon untuk menaik taraf kepada kementerian melalui saluran yang sama juga.

3. **Puan Chew Poh Thoi** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan sama ada seorang pemimpin badan sukan yang telah dipecat daripada jawatannya oleh badan antarabangsa sukannya boleh menubuhkan sebuah badan sukan yang baru. Adakah kesesuaian seseorang pemimpin ini disiasat sebelum penubuhan badan baru itu diluluskan.

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Datuk Ong Tee Keat]:** Tuan Yang di-Pertua, pendaftaran badan-badan sukan di bawah Pesuruhjaya Sukan, Kementerian Belia dan Sukan adalah bagi memastikan perjalanan badan-badan sukan agar selaras

dengan Dasar Sukan Negara dalam pembangunan sukan. Dalam hubungan ini, pada dasarnya Akta Pembangunan Sukan 1997 tidak menghalang seseorang pemimpin badan sukan yang telah dipecat oleh sesebuah badan sukan antarabangsa untuk menubuhkan sebuah badan sukan yang baru selagi ia tidak mewakili jenis sukan yang sama di mana pemimpin berkenaan telah dipecat.

Walau bagaimanapun, Pesuruhjaya Sukan akan memberi segala pertimbangan sebelum sesuatu permohonan pendaftaran badan sukan itu diluluskan. Pertimbangan ini termasuklah pematuhan permohonan tersebut kepada peraturan-peraturan yang telah ditetapkan, objektif penubuhan badan sukan berkenaan serta kesesuaian pemimpin-pemimpin.

**Datuk Zainudin bin Maidin:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kementerian ini untuk memastikan agar tidak ada satu usaha yang berselindung di sebalik 'Malaysia Boleh' untuk menjadi penganjur-penganjur ataupun lebih merupakan sindiket untuk menganjurkan adventure seperti penerjunan dan sebagainya yang akhirnya lebih mempopularkan Malaysia dari segi kegagalannya dan bukan kerana kejayaannya.

**Datuk Ong Tee Keat:** Tuan Yang di-Pertua, kalau pun soalan tadi itu agak terkeluar dari perangkuman soalan asal tetapi saya sanggup jawab soalan yang bernas ini memandangkan peri pentingnya 'Malaysia Boleh' ataupun konsep 'Malaysia Boleh' ini tidak disalahgunakan oleh pihak yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya selepas berlakunya pertikaian mengenai Penerjunan Alaf Baru ataupun Millennium Jump, dengan izin, kementerian tetap mengambil iktibar daripada peristiwa yang berkenaan dan garis-garis panduan sedang dirancang oleh kementerian ini agar setiap ventures ataupun acara kesukanan yang melibatkan maruah negara akan ditapis dengan seketat mungkin oleh kementerian ini terlebih dahulu. Saya berharap garis panduan yang berkenaan akan dapat diumumkan tak lama lagi.

**Puan Chew Poh Thoi:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah jika seseorang pemimpin telah dipecat oleh badan sukan antarabangsa, itu bermakna dia telah membuat sesuatu yang salah, sebab itu saya merasa adalah sesuai kementerian ini menyiasat pemimpin ini sebelum pertubuhan ini diluluskan. Terima kasih.

**Datuk Ong Tee Keat:** Tuan Yang di-Pertua, pandangan Yang Berhormat tetap akan diambil kira dan untuk makluman Dewan yang mulia ini, sesungguhnya

Pejabat Pesuruhjaya Sukan bersama Jabatan Peguam Negara sedang menyediakan peraturan-peraturan berkaitan dengan kelayakan bagi seseorang untuk memegang jawatan dalam sesebuah badan sukan. Demikian juga garis panduan ataupun perkara-perkara yang akan menyebabkan seseorang itu hilang kelayakannya daripada memegang jawatan dalam sesebuah badan sukan juga akan digariskan dalam perancangan ini.

4. **Puan Safinah binti Jusoh** minta Perdana Menteri menyatakan rancangan jangka pendek dan jangka panjang bagi membantu meringankan bebanan ibu-ibu tunggal.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Barisan Nasional mengambil berat tentang isu ibu tunggal dan telah mengatur pelbagai program untuk membantu meringankan beban yang dihadapi oleh ibu-ibu tunggal dan anak-anak mereka. Jabatan Hal Ehwal Wanita telah menyusun beberapa program khas melalui Program Ibu Tunggal Waja. Aktiviti-aktiviti program ini antara lain adalah yang dilaksanakan oleh empat panel iaitu Panel Sokongan Kelompok dan Pembimbing, Panel Sokongan Guaman, Panel Sokongan Ekonomi dan Panel Sokongan Pendidikan.

Izinkan saya menjelaskan secara ringkas mengenai panel-panel ini:

- (i) Panel Sokongan Kelompok dan Pembimbing mengendalikan program latihan bagi membina motivasi, keyakinan dan harga diri agar ibu-ibu tunggal dan keluarga mereka lebih yakin dan positif menghadapi cabaran hidup;
- (ii) Panel Sokongan Guaman pula meliputi pelbagai aktiviti untuk memberi pendedahan kepada ibu-ibu tunggal mengenai hak-hak mereka di sisi undang-undang, cara berurusan di pejabat kadhi dan mahkamah, persediaan di dalam menghadapi perbicaraan dan sebagainya melalui sesi ceramah, bengkel serta penerbitan risalah;
- (iii) Panel Sokongan Ekonomi bertanggungjawab memberi khidmat nasihat kepada ibu-ibu tunggal yang ingin menceburi dalam bidang perniagaan dan keusahawanan;

- (iv) Panel Sokongan Pendidikan pula membimbing serta membantu anak-anak ibu tunggal agar lebih berjaya dalam hidup menerusi program peningkatan keterampilan psiko-sosial.

Pendekatan secara total ini diharap dapat meringankan masalah kekeluargaan dan perundangan yang dihadapi oleh ibu-ibu tunggal. Selain daripada program khusus yang diatur oleh HAWA, ibu-ibu tunggal juga boleh mendapat bantuan daripada program atau projek yang dijalankan oleh kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan lain seperti Program Pembasmian Rakyat Termiskin, Amanah Ikhtiar Malaysia dan juga kerjasama kementerian dan jabatan serta pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan. Terima kasih.

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah di antara program-program yang diatur termasuk membela nasib ibu-ibu tunggal terutamanya yang memiliki anak-anak yatim supaya mereka dikahwinkan dengan kaum lelaki yang kematian isteri ataupun duda dengan kesesuaian yang boleh hidup dalam kekeluargaan.

**Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kementerian tidak ada merancang program sebegitu rupa sebab kita percaya bahawa rezeki, ajal dan jodoh itu di 'tangan' Allah tetapi walau bagaimanapun, kalau program ini dimahukan oleh ibu tunggal kita boleh uruskan tetapi setakat ini memang tidak adalah.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya rasa kementerian sepatutnya lebih proaktif kerana kalau sekarang ini dia mempunyai empat panel sokongan, panel sokongan kelima yang saya hendak cadangkan tadi sebelum sahabat saya di seberang sana mencadangkan iaitu matchmaking. [Ketawa] Matchmakers menerusi komputer pun tidak ada. Jadi, sekarang ini kita baca dalam surat khabar Tuan Yang di-Pertua, jumlah ibu tunggal ini dalam surat khabar sebanyak 1.3 juta, ini memeranjatkan. Betul atau tidak betul, wallahu' alam – 1.3 juta. Lepas itu saya hendak tanya pula, ratio atau nisbah antara lelaki dengan wanita, marriageable age yang boleh berkahwin ini sudah pun luar biasa kalau dibandingkan dengan negeri-negeri yang lain. Saya difahamkan tiap-tiap empat wanita seorang lelaki di Malaysia. [Ketawa] Kalau dapat ini diperbetulkan.

Jadi, soalnya sekarang Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini saya terbaca United Arab Emirate membayar duit sehingga sampai USD20,000 untuk menentukan

perkahwinan antara rakyat asal dari Dubai kahwin dengan wanita Dubai yang banyak sekarang ini bercerai dan pelbagai kerana masalah baru-baru ini – kena bayar duit ini, digalakkan. Di Singapura ada galakan menghantar Love Boat supaya graduan-graduan yang belum berkahwin pergi naik bot, empat atau lima hari balik, kahwin [Ketawa] Jadi, dari segi Islamnya elok kita memberikan peluang kepada kementerian mengatur program ini. Hendak berikan bonuskah apabila dia kahwin atau mengaturkan apa-apa cara supaya kita tidak mahu ibu-ibu tunggal ini – saya hendak tahu berapa jumlah – terbiar begitu sahaja. Kehampaan hidupnya, keseorangan dan sebagainya.....[Sorak][Tepuk] Kerana ini amat penting, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Tuan Yang di-Pertua. Amboi, saya nampak Yang Berhormat seronok apabila dengar ada seorang lelaki untuk empat wanita ini. Saya tidak tahulah kita belum dapat kepastian tetapi insya-Allah melalui persatuan-persatuan ibu tunggal kita minta wanita-wanita yang didefinisikan sebagai ibu tunggal supaya register buat permulaan, supaya kita dapat angka yang tepat

Untuk makluman Yang Berhormat, setakat ini kita memang tidak adalah Program Love Boat atau apa bot pun tetapi mungkin kita akan introduce satu program. Nampak gaya dapat menarik perhatian, ya. Sebenarnya Yang Berhormat, program matchmaking ini bukanlah satu perkara yang baru. Kalau hendak ikut budaya kita orang Melayu, orang Malaysia dahulu pun memang matchmaking, ibu bapa kita pun kahwin matchmaking tetapi masa zaman dahulu, Tuan Yang di-Pertua, orang lakinya lain sedikit. Dia banyak tanggungjawab...Ha, ini matilah saya kalau kata macam itu tetapi memang betul, Tuan Yang di-Pertua. Sekarang ini.....

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Minta penjelasan Tuan Yang di-Pertua, [Ketawa] Ini satu 'kemaluan' kepada kaum lelaki. [Ketawa]

**Datuk Haji Karim Ghani:** Besarkah atau kecil? [Ketawa]

**Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Maknanya Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya hendak katakan ialah saya mintalah kepada kaum bapa supaya lebih bertanggungjawab kepada isteri dan anak-anak mereka terutamanya dalam proses perceraian atau gantung tidak bertali. Ini nasib baik ada kerajaan yang prihatin dan peka tentang isu wanita, sampaikan Program Ibu Tunggal pun kita ada tetapi kita tahulah ada satu, dua negeri itu tidak tahulah dia jaga atau tidak ibu tunggal dia tetapi insya-Allah Kerajaan Barisan Nasional kita jaga.

Ini sebab sudah kebetulan saya menjawab soalan, Tuan Yang di-Pertua, boleh atau tidak saya hendak memberitahu sedikit kepada semua yang ada sebab saya nampak banyak orang lelaki, definisi ibu tunggal ini sebenarnya termasuk kaum lelaki juga kalau ada yang ditinggalkan isteri tetapi sebenarnya definisi ibu tunggal ini:

- (i) wanita di mana suaminya meninggal dunia dan isteri terpaksa meneruskan tugas membesarkan anak. Kes macam ini Tuan Yang di-Pertua, tidak apalah, baik susah-susah, baik sudah tahu mati itu satu hallah, Tuan Yang di-Pertua;
- (ii) berlaku perceraian di antara suami dan isteri di mana ibu diberikan tugas membesarkan anak-anak. Ini kes yang begitu kritikal, Tuan Yang di-Pertua. Di sini saya hendak meminta kepada bekas-bekas suami ini jagalah isteri dan anak-anak. Kalau dia tidak menjaga siapa hendak menjaga, Tuan Yang di-Pertua;
- (iii) apabila suami tinggal berasingan dan berjauhan dan tidak boleh memainkan peranan yang aktif sebagai bapa dalam keluarga. Ini pun ramai, Tuan Yang di-Pertua. Orang politik ada atau tidak ada saya tidak tahulah; *[Ketawa]*
- (iv) isteri yang mempunyai suami yang uzur, Tuan Yang di-Pertua, ini pun ibu tunggal dan perlu dijaga rapi dan dalam keadaan ini sisuami tidak boleh membantu siisteri membesarkan anak-anak mereka. Ini pun mungkin ramai juga, Tuan Yang di-Pertua.

Ada juga kategori lain –

- (i) seorang wanita yang diberi tugas membesarkan anak orang lain tanpa pertolongan seseorang suami;
- (ii) wanita yang mempunyai anak bukan daripada hasil perkahwinan yang sah yang memilih untuk memelihara anak tersebut;
- (iii) wanita yang diabaikan tanpa nafkah iaitu gantung tidak bertali; Yang ini kes yang paling zalim Tuan Yang di-Pertua; dan akhirnya
- (iv) wanita di dalam proses perceraian.

Saya minta Ahli Yang Berhormat sebagai pemimpin di kawasan-kawasan buatlah program, banyak kursus – bukan hanya melalui HAWA tetapi LPPKN, ini Kursus Permata Kasihlah – sebelum kahwin pun kita ada program. Berilah kesedaran kepada kaum bapa supaya jangan sampai orang kata ‘hilang madu sepah dibuang’. Jagalah keluarga. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

**Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik hati sedikit tadi.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Sedikit sahaja?

**Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan:** Tertarik hati sedikit berkenaan dengan mencari jodoh ini. Saya rasa janganlah pandang kepada ibu tunggal. Perlulah tubuhkan Persatuan Bapa Tunggal. Bapa tunggal pun ramai di Malaysia ini. Kadang-kadang bapa-bapa tunggal dalam hati itu hendak kahwin, kadang-kadang anak tidak beri, kadang-kadang keluarga tidak beri. Sepatutnya bapalah tubuhkan satu Persatuan Bapa Tunggal untuk mencari jodoh, bukan ‘perigi mencari timba’, ‘timbanglah mencari perigi’. *[Ketawa]* Jadi diharap tubuhkan Persatuan Bapa Tunggal untuk mencari jodoh. Saya cadangkan supaya kita lihat hari ini banyak ibu-ibu tunggal kita, bapa-bapa tunggal pun banyak...

**Tuan Yang di-Pertua:** Keluar daripada tajuk ini. Ini ibu tunggal sahaja.

**Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan:** Ini soalan tambahan tentang ibu tunggal tadi. Saya ingin tahu adakah kementerian bercadang untuk menubuhkan pula Persatuan Bapa Tunggal? Itu sahaja soalan saya.

**Dato’ Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini tidak ada rancangan, sebab apa saya tahu ‘timba-timba’ ini dia pandai cari ‘perigi’. ‘Perigi’ yang susah hendak cari ‘timba’ Yang Berhormat tetapi kalau ada keperluan dan ini yang dimahu oleh rakyat, insya-Allah kita akan mengambil perhatian.

**Datuk Ghazi bin Haji Ramli:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya agak tertarik dengan jawapan dan penerangan dan ambil bahagian oleh Ahli-ahli. Saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana sejak dia memegang tugas mengenai ‘IT’ – Ibu Tunggal ini nampak hebat. *[Ketawa]* Saya melihat perbahasan ini sebagai satu peluang untuk kita membudayakan ICT. Menggunakan teknologi maklumat dengan mempamerkan maklumat-maklumat yang begitu banyak yang diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri dan memasukkan multimedia di dalamnya. Jadi, kita boleh appreciate dengan lebih,

audionya, suaranya, gambarnya, kita boleh appreciate – yang tua, yang susah, yang ada anak, yang muda, yang ditinggal dan sebagainya. Maklumat perlu, maka tergeraklah manusia-manusia yang ingin mengambil bahagian walaupun secara voluntary. Terima kasih.

**Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Tuan Yang di-Pertua, memang bernas cadangan Ahli Yang Berhormat. Kita akan mengambil maklum dan mungkin dalam website HAWA kita akan membuat perisian yang sewajarnya. Saya difahamkan bahawa Ahli Yang Berhormat adalah pakar multimedia, mungkin Ahli Yang Berhormat dapat memberi bantuan kepada pihak HAWA. Terima kasih.

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kita sama-sama dengar jawapan tadi, masalah jodoh, mati, kubur dan perkahwinan memang Allah yang menentukan tetapi saya masih bercakap di dalam neraca Islam bahawa di dalam lembaran Al-Quran juga Allah memberitahu sesuatu kaum itu mesti orang itu yang mengubah nasib. Jadi, dengan empat kementerian yang ada, saya sokong dengan Dato' Aziz tadi, kita wujudkan lagi satu kementerian ataupun apa bentuk institusi, agensi untuk mengemaskinikan soal masalah yang dihadapi oleh ibu tunggal dan anak yatim supaya ianya – sebab itu saya sebutkan diberi keprihatinan dengan mengubahsuaikan keadaan, boleh kita – bukan soal matchmaking ataupun coupling tetapi kita bercakap soal pembelaan nasib ibu tunggal kerana nature hidup, perasaan (feeling) itu diambil kira. Jadi, kalau ibu tunggal biar dengan ibu tunggal dia emosi, kadang-kadang dengan di pangkuan anak-anak yatim ini sebab itu saya sebutkan kesesuaian dengan kaum lelaki yang kematian isteri. Terima kasih.

**Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat. Memang teras perjuangan Kerajaan Barisan Nasional adalah membantu bangsa Malaysia untuk mengubah dari segi taraf kehidupannya daripada yang daif kepada yang lebih baik. Saya seronok mendengar apabila Ahli Yang Berhormat pun sama-sama bersetuju dan berkongsi pendapat ini dan insya-Allah selagi Barisan Nasional menjadi kerajaan, kita tidak abaikan. Bukan kata ibu tunggal dan anak yatim, isu wanita, isu keluarga dan lain-lain. Sama ada perlu ada kementerian atau tidak, itu kerajaan akan mengkaji tetapi saya berani cakap sebagai wakil rakyat Barisan Nasional sesiapa tidak boleh kata kerajaan tidak mengambil berat tentang isu wanita. Kerajaan lain Yang Berhormat, saya tidak tahulah macam mana tetapi insya-Allah kepada wanita Malaysia selagi ada Kerajaan

Barisan Nasional sama ada wanita atau anak yatim, kita akan mengambil berat. Terima kasih.

5. **Tuan S. Parasuraman** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh pihak kementerian untuk meningkatkan lagi sektor industri pelancongan tempatan terutamanya bagi penduduk di negara kita sendiri.

**Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Dr. Ng Yen Yen]:** Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Parasuraman ini adalah hampir sama dengan pertanyaan bagi Jawab Lisan daripada Yang Berhormat Puan Safinah binti Jusoh pada 17 April. Walau bagaimanapun, ingin saya nyatakan sekali lagi bahawa di antara tindakan yang telah dan akan diambil oleh kementerian saya secara berterusan untuk mempertingkatkan lagi industri pelancongan domestik termasuklah:

- (i) mengadakan kempen khusus bagi pelancongan domestik 'Cuti, Cuti Malaysia' terutamanya cuti hari Sabtu minggu pertama dan ketiga setiap tahun. Kempen yang dilancarkan pada 11 September 1999 bertujuan untuk menggalakkan rakyat Malaysia melancong dalam negara sendiri secara terancang;
- (ii) menganjurkan road-show pelancongan di beberapa ibu negeri yang dipilih seperti Pulau Pinang, Kuala Lumpur, Johor Bahru, Kuantan, Kota Kinabalu dan Kuching;
- (iii) penyebaran maklumat mengenai adanya tarikh dan tempat-tempat menarik melalui pusat-pusat penerangan pelancongan dan pengiklanan serta publisiti media massa;
- (iv) memberikan galakan kepada pengusaha-pengusaha pelancongan untuk membangunkan brochure dan pakej khas yang menarik dengan harga yang berpatutan khususnya kepada pelancongan domestik;
- (v) menyediakan insentif kepada pengusaha pelancongan dalam membangunkan dan menggalakkan pelancongan domestik yang di antaranya adalah seperti elaun cukai pelaburan kepada syarikat yang membangunkan projek penginapan murah, sederhana, bertaraf satu sampai tiga bintang. Pengecualian

cukai pendapatan bagi pembangunan kem perkhemahan, kem percutian serta pengusaha pelancongan yang menguruskan sekurang-kurangnya 1,200 orang pelancong melalui pakej lawatan dalam negeri secara berkumpulan.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Haji Gapar bin Gurrohu:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, bercakap tentang pelancong dalam negeri, adakah pihak kementerian memberikan penekanan terhadap tempat-tempat yang bersejarah yang berselerak di serata negara kita ini supaya dengan melawat ke tempat-tempat bersejarah ini khususnya anak-anak kita dapat meningkatkan semangat patriotik dan juga jati diri mereka sebagai bangsa Malaysia.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Tuan Yang di-Pertua, memang di dalam produk-produk pelancongan yang kementerian menggalakkan adalah termasuk tempat-tempat bersejarah. Jadi, semasa kita buat brochures untuk lawatan untuk pelancongan di dalam negeri, semua produk ini adalah digalakkan. Sekian.

**Datuk Haji Karim Ghani:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan kesan yang sangat positif kepada industri pelancongan, keputusan Kerajaan Barisan Nasional mengadakan cuti pada hari Sabtu minggu yang pertama dan minggu yang ketiga dan juga kesan yang sangat positif kepada pegawai-pegawai kerajaan, peniaga-peniaga kecil dan seterusnya, bilakah kerajaan akan mengadakan kerja lima hari iaitu cuti kepada dua minggu yang lain pada tiap-tiap bulan dan bilakah ini akan dilaksanakan?

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pada masa kerajaan memberi cuti pada hari Sabtu minggu pertama, kementerian ada membuat satu kajian bekerjasama dengan UKM. Kita ada membuat survey dengan lebih 2,000 orang yang lalu di PLUS tol. Jadi, kita dapat hampir 90% questionnaire yang disoalkan adalah pergi melancong. Jadi, kita akan membuat kajian semula selepas beberapa bulan selepas kita memberikan cuti pada hari Sabtu, minggu yang ketiga. Jikalau kita dapat sesuatu laporan yang begitu menggalakkan untuk kita memberikan lebih lagi satu atau dua hari Sabtu untuk semua bulan, kita akan mencadangkan kepada kerajaan. Sekian.

6. **Tuan N. Marimuthu** minta Perdana Menteri menyatakan bagaimanakah dokumen-dokumen rahsia kerajaan boleh diperolehi oleh orang-orang tidak berkenaan. Apakah tindakan yang diambil terhadap mereka yang dijumpai menyimpan dokumen-dokumen rahsia ini.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Puan Hajah Khamsiyah binti Yeop]:** Tuan Yang di-Pertua, dokumen-dokumen rahsia kerajaan boleh diperolehi oleh orang-orang yang tidak berkenaan melalui pelbagai cara yang bersalahan, bertentangan dengan peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88) dan Peraturan-peraturan Keselamatan yang ditetapkan oleh kerajaan.

- (i) bercakap mengenai perkara-perkara melalui telefon di tempat awam;
- (ii) menyampaikan maklumat kepada sahabat handai atau saudara mara yang tidak dibenarkan mengetahuinya, terperingkat yang bermaksud Rahsia Besar atau Rahsia Sulit dan Terhad;
- (iii) mengurus perkara-perkara terperingkat dengan cara-cara yang tidak dibenarkan, misalnya, gagal mematuhi sistem bagi menerima, memproses, menyimpan dan menghantar dokumen-dokumen terperingkat;
- (iv) menyimpan perkara-perkara dalam laci-laci yang tidak dibenarkan; dan
- (v) memusnahkan buangan-buangan terperingkat dengan cara-cara yang tidak dibenarkan atau cuai mengendalikannya.

Tindakan pendakwaan di bawah Akta Rahsia 1972 boleh diambil terhadap mereka yang dijumpai menyimpan dokumen-dokumen rahsia yang mana jika bersabit dengan kesalahan boleh dihukum dengan penjara selama tempoh tidak kurang daripada satu tahun.

**Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, perkara ini sudah ada peraturan tetapi kita hendak tahu dengan kerajaan, penjelasan daripada kerajaan. Sebelum pilihan raya ada beberapa pemimpin parti politik mendedahkan dalam akhbar bahawa mereka ada menyimpan fail-fail rahsia terutama sekali daripada Parti KeADILan kerana sebahagian daripada mereka asalnya adalah merupakan pemimpin-pemimpin dalam kerajaan.

Saya hendak dapat penjelasan daripada kerajaan apakah keadaan semasa berkenaan dengan dakwaan daripada pemimpin-pemimpin ini, apakah tindakan dan apakah keputusannya? Terima kasih.

**Puan Hajah Khamsiyah binti Yeop:** Tuan Yang di-Pertua, orang yang menghebohkan di dalam atau di luar negeri bahawa dia memiliki dokumen kerajaan yang dikelaskan Rahsia Sulit, Akta Rahsia Rasmi 1972, bergantung kepada keadaan setiap kes pertuduhan boleh dibawa jika bersabit satu kesalahan yang telah dilakukan di bawah Akta Rasmi orang itu boleh didakwa atas kesalahan yang dilakukan di negara ini. Bagi kesalahan yang dilakukan di luar negara atau orang itu boleh .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, soalnya lain sekali. Apakah soalnya yang sudah pun berlaku, adakah diambil tindakan.

**Puan Hajah Khamsiyah binti Yeop:** ...orang itu boleh didakwa di bawah Seksyen 25 akta itu atau kerana bersabit melakukan kesalahan di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972 yang bermaksud dengan Kanun Keseksaan .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Tindakan sudahkah diambil atau tidak? Soalnya, fahaman saya.

**Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan:** Kalau boleh kerajaan memberi seorang dua contoh, seperti contohnya Ezam, Ketua Pergerakan Pemuda KeADILan yang begitu lantang sebelum pilihan raya. Kita hendak tahu bagaimanakah pendirian kerajaan, kalau sudah siasat mungkin dia tidak salah, kita lepas tetapi bagaimanakah kedudukan itu kalau boleh? Terima kasih.

**Puan Hajah Khamsiyah binti Yeop:** Tuan Yang di-Pertua, dalam hal tersebut dalam siasatan kerajaan.

7. **Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor** minta Menteri Kewangan menyatakan sejauh manakah kejayaan penggabungan bank-bank yang telah dilaksanakan dan jumlah pekerja yang diberhentikan akibat dari penggabungan tersebut.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, kemajuan penggabungan bank-bank adalah memuaskan dan dijangka akan dicapai sepenuhnya pada akhir tahun 2000 ini. Program Penggabungan Bank bertujuan untuk membentuk 10 kumpulan perbankan tempatan dan pemilihan 10 buah bank teras tersebut berasaskan kepada keperluan untuk mengurangkan bilangan institusi

perbankan tempatan yang kini berjumlah 54 buah di samping untuk menstrukturkan kumpulan penggabungan supaya dapat meraih synergy maksimum dan memperbaiki tahap keuntungan.

Penggabungan akan mempertingkatkan kecekapan kumpulan perbankan berkenaan serta meningkatkan keupayaan dan daya saing di peringkat antarabangsa. Tiada kakitangan yang akan ditamatkan perkhidmatan menerusi pemberhentian perkhidmatan secara paksaan dan sebarang rasionalisasi kakitangan, sekiranya ada, akan hanya dibuat menerusi Skim Pemisahan Sukarela kerana dalam proses memantapkan sistem perbankan kita dalam era globalisasi ini kerajaan juga sentiasa mengambil kira dan sentiasa menjaga kepentingan rakyat, khususnya kepentingan kakitangan institusi-institusi perbankan yang terlibat. Terima kasih.

8. **Datuk Tee Thiong Hock** minta Perdana Menteri menyatakan disebabkan terdapat pembangunan yang begitu pesat di Kuala Lumpur, Putrajaya, Shah Alam dan bandar-bandar berdekatan seperti Petaling Jaya dan Rawang, adakah kerajaan berhasrat untuk menubuhkan badan koordinasi yang meliputi bandar-bandar di kawasan Lembah Klang dan sekitarnya supaya taraf hidup para penduduk di kawasan-kawasan tersebut tidak dijejas, sebaliknya ditingkatkan, serta juga supaya untuk memastikan bahawa pembangunan yang dijalankan akan menjadi lebih teratur dan efisien.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar]:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah menubuhkan Urusetia Perancangan Lembah Klang pada tahun 1981 untuk menyelaraskan perancangan dan pembangunan di Wilayah Lembah Klang.

Urusetia tersebut telah digabungkan dengan Bahagian Kemajuan Wilayah Persekutuan, Jabatan Perdana Menteri pada tahun 1996 dan dikenali sebagai Bahagian Kemajuan Wilayah Persekutuan dan Perancangan Lembah Klang. Jabatan Perdana Menteri. Terdapat dua peringkat penyelarasan perancangan di Wilayah Lembah Klang iaitu Majlis Perancangan Wilayah Lembah Klang dan Jawatankuasa Kerja Wilayah Lembah Klang.

Kerajaan juga sedang mengkaji iaitu melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk mewujudkan satu badan penyelarasan bagi Lembah Klang dan Multimedia Super Corridor agar pembangunan di MSC dan Lembah Klang dapat ditingkatkan penyelarasannya melalui suatu kuasa perundangan.

Sehubungan itu, pindaan kepada Akta Perancangan Bandar dan Desa akan dibuat bagi memperkukuhkan fungsi dan peranan badan tersebut dalam aspek pemantauan pembangunan di Wilayah Lembah Klang.

**Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, oleh kerana pembangunan Lembah Klang ini sedang pesat dibangunkan dan kita mengucapkan tahniah di atas penubuhan majlis tetapi di peringkat pelaksanaan sebagai contohnya, di Kuala Lumpur kita ada DBKL dan ada masalah-masalah emergency, dengan izin, seperti banjir kilat dan sebagainya masih tidak dapat dirancang dengan baik oleh DBKL. Apakah perancangan kerajaan dari segi jangka panjang untuk mewujudkan Dewan-dewan Bandaraya kerana akhirnya seluruh Lembah Klang ini akan terwujud sebagai sebuah bandaraya yang besar.

Jadi, apakah perancangan kerajaan, persediaan kerajaan sama ada untuk menubuhkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur ini ataupun diperbesarkan Dewan Bandaraya, Putrajaya dan sebagainya kerana kita tahu banyak masalah yang dihadapi di dalam pembangunan ini tidak dapat diselesaikan dari segi pengurusannya dari hari ke hari dari segi jangka panjangnya. Terima kasih.

**Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa kerajaan sangat prihatin tentang pembangunan yang berlaku di sekitar Wilayah Lembah Klang ini dan sebab itu Majlis Perancangan Wilayah Lembah Klang ini yang mana menetapkan dasar dan strategi berkaitan dengan perancangan dan pembangunan di Wilayah Lembah Klang ini iaitu termasuk juga DBKL yang mana majlis ini dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri, yang mana timbalannya adalah Menteri Besar Selangor dan juga ahli-ahli, ketua-ketua jabatan dan agensi Persekutuan dan negeri Selangor.

Jadi, ini memanglah dalam pandangan kerajaan kerana dengan pembangunan yang begitu pesat yang telah dijalankan ini yang melibatkan beberapa perkara yang telah menimbulkan sedikit sebanyak masalah, bukan sahaja di kawasan Kuala Lumpur itu sendiri bahkan di sekitar kawasan-kawasan di Lembah Klang. Terima kasih.

**Dato' Tee Thiong Hock:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Soalan tambahan. Terima kasih kepada Timbalan Menteri kerana menjawab soalan dan juga memberitahu akan mewujudkan satu badan berkoordinasi untuk membolehkan Greater KL Area yang begitu mustahak kerana pada masa ini dan masa hadapan

ditubuhkan Kuala Lumpur ada dianggap sebagai pusat business, banking dan juga trading, walaupun pusat administration kita dipindahkan.

Jadi, saya mahu tanya macam mana pada masa sekarang kita dapat mengatasi isu-isu yang kerap kali berlaku seperti congestion traffic dengan izin, dan baru-baru ini kita baca di surat khabar banjir kilat atau flash flood kerana kita tahu sungai kita bilangannya tidak akan bertambah. Kemajuan akan terus dijalankan dan juga polar cuaca tidak akan tukar. Jadi, flood issue is perpetual concern, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua..

Saya mahu tanya di sini kerana saya baca baru-baru ini, pagi ini ataupun semalam saya baca surat khabar, "*Kerana banjir kilat di Ampang kereta tenggelam di dalam air.*" Bila saya baca surat khabar saya tidak dapat nampak kereta itu, hanya air sahajalah. Saya ingat betul-betul tenggelam, kereta masuk dalam air [*Ketawa*] itu dianggap cukup serius dan juga penduduk-penduduk di Ampang, di tempat-tempat lain cukup takut bila waktu hujan kerana harta, nyawa akan terancam.

Selepas itu kita baca surat khabar Datuk Bandar dia kata, "*Kerana kerajaan, pihak swasta dan jabatan tidak kerja hand to hand.*" Itu yang saya rasa cukup hairan, why it should happen at all? It is the people who suffer, inefficiency of government and the people suffer, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Di sini saya mahu buat satu cadangan dengan pandangan yang positif, kita mesti mahu mengaku kalau kita mahu duduk di Kuala Lumpur, Petaling Jaya ataupun di Lembah Klang ini memang fenomena banjir kilat akan jadi selalu dan untuk menjamin orang luar tidak terperangkap pada waktu itu, terperanjat because it comes so fast (flash flood), dengan izin, bila saya nampak hujan saya masuk hotel. Saya buat speech Parlimen saya [*Ketawa*] salah satu cara saya avoid flood itu. Bolehkah saya buat satu cadangan di sini, DBKL dan juga PBT di kawasan berdekatan buat satu survey menentukan mana tempat yang selalu ada banjir kilat dan buat tanda amaran- 'This is the flood prone area', dengan izin, kawasan ini selalu ada banjir kilat.

Jadi, kita tidak akan masuk ke sana, orang pun tahu, cara ini cukup positif. Sampai masa kita boleh mengatasi isu ini, kita buang tanda amaran itu. Kalau cadangan ini dapat diterima, saya ucapkan terima kasih, kalau tidak beritahu saya mengapa. Thank you.

**Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang sebenarnya punca utama berlakunya kejadian banjir di kawasan di

sekitar Kuala Lumpur ini adalah dari kerja-kerja pembinaan Projek Lebuhraya Bertingkat iaitu Ampang-Kuala Lumpur yang dilaksanakan di dalam rizab Sungai Klang serta projek penyaluran Sungai Klang yang kini sedang giat dijalankan.

Halangan dari sekatan dari kerja-kerja pembinaan di dalam rizab sungai telah mengakibatkan paras air melimpahi tebingnya serta memecahkan beberapa bahagian di sungai tersebut, ini telah mengakibatkan beberapa kawasan yang berdekatan ditenggelami air. Kita tahu dan kita telah kesan beberapa kawasan di Kuala Lumpur ini yang selalu dilanda banjir apabila hujan lebat, itu adalah di sekitar Datuk Keramat, Jalan Gurney, Jalan Damai, Jalan Tun Razak, Jalan Yap Kwan Seng dan juga Kampung Bahru, ada lagi beberapa kawasan yang lain.

Apa yang telah disentuh oleh Yang Berhormat tadi berkaitan dengan satu statement yang dibuat oleh Datuk Bandar pada hari semalam, dengan adanya masalah sedikit sebanyak iaitu masalah dalaman. Saya tidaklah dapat hendak melanjutkan jawapan ini kerana ini adalah masalah dalaman, sudah tentu saya rasa saya akan bawa balik perkara ini kepada pihak Bandaraya atau Datuk Bandar itu sendiri. Dan kita akan mengambil berat tentang cadangan-cadangan apa yang telah disebut oleh Yang Berhormat tadi, untuk kita kaji dan membuat sesuatu kajian yang terperinci untuk meningkatkan pelaksanaan dari segi untuk hendak menyelaraskan semua masalah yang berlaku di dalam Bandaraya Kuala Lumpur. Sekian, terima kasih.

9. **Dato' Ting Check Sii** minta Menteri Penerangan menyatakan berapakah peratus filem-filem Cina dan Hindustan siaran RTM adalah diimport dan berapakah peratusnya adalah hasil tempatan. Apakah langkah-langkah kerajaan untuk menggalakkan dan meningkatkan lagi penghasilan filem-filem Cina dan Hindustan tempatan.

**Timbalan Menteri Penerangan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]:** Tuan Yang diPertua, semua filem Cina dan Hindustan siaran RTM adalah diimport. Untuk menggalakkan pengeluaran filem tempatan kerajaan telah memperkenalkan dasar membangunkan pasaran filem video tempatan pada 2 Mei 1997 sempena dengan pelancaran Dasar Perfileman Negara.

Walaupun demikian, RTM juga menyiarkan rancangan bercorak telemovie dan drama dalam bahasa Cina terbitan syarikat-syarikat tempatan mengenai masyarakat Malaysia. Rancangan-rancangan dalam kategori ini merupakan 21.05%

daripada keseluruhan rancangan-rancangan dalam bahasa Cina yang disiarkan oleh RTM. Terima kasih.

**Datuk Zainudin bin Maidin:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin dapat .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Maaf, nama salah ya, saya sebut salahkah nama ini.  
*[Ketawa]* Datuk Zainudin, ya betul lah ya.

**Datuk Zainudin bin Maidin:** *[Ketawa]* Tidak apa, Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon izin untuk membuat soalan tambahan. Saya ingin membuat pertanyaan kepada Menteri yang berkenaan, adakah Kementerian Penerangan telah menjalankan kajian untuk membuat rating penonton terhadap filem-filem dari Bollywood yang telah menampakkan suatu persaingan antara stesen-stesen TV di negara kita untuk mendedahkan filem-filem Hindustan ini kepada orang ramai dan pada pandangan saya secara ringkasnya bahawa menampakkan – dan saya juga ingin tahu jumlahnya daripada segi kaum - Melayu, Cina dan juga India yang meminati gambar-gambar Hindustan ini.

Pada pandangan saya dari segi Melayunya bahawa kita memberikan sambutan terhadap filem ini, memberikan gambaran bahawa orang Melayu tidak ke mana dari segi perasaan, dari segi emosinya kita kembali kepada tahun 50-an.

Jadi, RTM dalam soal ini juga turut memainkan peranan dalam menggalakkan emosi terhadap filem-filem yang seumpama ini yang kadang-kadang kelucuannya lebih hebat daripada gambar-gambar daripada Hollywood sendiri tetapi kita tidak merasakan kerana gambar-gambar itu gambar Asia dan kita menerimanya dengan baik, dengan tidak ada langsung perasaan kita terhadap sentuhan kepada identiti bangsa kita.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, TV2 menyiarkan cerita Hindustan ini pada hari Jumaat iaitu selama dua setengah jam daripada 2.00 hingga 4.30 petang dan ini merupakan 10.87% daripada keseluruhan waktu siaran kita dan kita senantiasa memantau setiap program yang kita ketengahkan. Bukan menjadi dasar RTM untuk hendak menonjol-nonjol atau mempopularkan filem-filem Hindustan.

Tinggal lagi dalam salah satu matlamat kita juga ialah kita kena juga mengetengahkan perkara-perkara yang suka diikuti oleh setengah-setengah penonton di negara kita ini. Dan, secara menyeluruh yang ramai mengikuti filem Hindustan ini ialah orang Melayu. Itu yang pelik sekali, ya. Namun demikian kita berusaha dan

berikhtiar juga untuk cuba dari satu masa ke satu masa mengisi ruang-ruang ini dengan filem-filem tempatan yang cuba kita ikhtiarkan dari satu masa ke satu masa. Saya sedar ini memakan masa sedikit. Namun demikian buat sementara waktu ini, penerbitan atau pengeluaran penyiaran filem-filem Hindustan itu hanyalah sekadar sebagai hendak mengisi ruang yang pada akhirnya saya percaya dapat kita isi dengan pengeluaran tempatan.

**Tuan Haji Gapar bin Gurrohu:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Sebagaimana yang kita maklum bahawa filem-filem Hindustan dan juga filem-filem Cina ini merupakan unsur-unsur hiburan belaka. Namun, kita dapati bahawa filem-filem dan drama tempatan nampak juga mengkhayalkan kita. Oleh itu satu ketika dulu ada rungutan yang telah dibuat boleh pengarah-pengarah filem kita sendiri terhadap filem-filem kita yang diarah oleh pengarah-pengarah drama dari luar negara yang langsung tidak dapat diterima oleh cita rasa rakyat kita. Dan, juga misi filem dan drama kita ini bukan sahaja perlu menghibur tetapi juga perlu diselitkan unsur-unsur jati diri, patriotisme dan sebagainya kerana ini merupakan harapan masa depan terutama bagi anak-anak kita supaya semangat inilah yang akan dapat kita selitkan melalui drama-drama yang diminati ramai ini dapat diterapkan dan tidak semata-mata unsur khayalan belaka atau hiburan. Ini merugikan dari segi mesej yang kita hendak bawa untuk generasi yang akan datang khususnya.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, saya suka jelaskan iaitu memang menjadi hasrat dan dasar Kementerian Penerangan untuk seboleh-bolehnya mengisi dan mencapai matlamat, cita rasa ataupun kehendak selera rakyat di negara kita ini sepanjang yang berkaitan dengan perkara-perkara yang disiarkan melalui RTM khususnya melalui program-program drama kita. Dan, kita telah pun meneliti keseluruhan keadaan dan suasana ini dan oleh kerana itu tidak berapa lama dulu suatu pendekatan yang baru telah pun mula dilaksanakan di mana semua skrip-skrip drama yang hendak disiarkan melalui televisyen Malaysia mestilah diteliti terlebih dahulu oleh ahli-ahli panel yang diadakan itu. Dan, di ketika itu kalau sekiranya perlu dibuat apa jua pindaan maka pindaan-pindaan dibuat mengikut keperluan, selera dan hasrat untuk mengisi apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi seperti soal jati diri, soal pendidikan, soal moral dan lain-lain.

Dan, sebenarnya saya percaya dalam sedikit masa lagi akan mula diterbitkan drama-drama yang berbentuk demikian selepas tindakan-tindakan awalan diambil

oleh pihak kementerian. Saya suka hendak beri jaminan bahawa dari segi kita, kementerian, kerajaan kita amat sensitif di atas setiap perkara yang disiarkan oleh RTM kita. Dan, kita sentiasa memberikan penekanan kepada soal-soal jatidiri, soal-soal pendidikan, soal-soal moral di samping kita memberikan hiburan kepada rakyat. Terima kasih.

**10. Dato' Charern Intachat** minta Menteri Pendidikan menyatakan bolehkah pelajar-pelajar dari kaum minoriti mempelajari bahasa ibunda mereka di sekolah-sekolah rendah dan menengah.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Abdul Aziz bin Shamsuddin]:** Tuan Yang di-Pertua, pengajaran bahasan-bahasa lain yang tidak diperuntukkan oleh Akta Pendidikan 1996 boleh diadakan di atas permintaan masyarakat tersebut dan dilaksanakan secara pentadbiran iaitu diajar di luar jadual waktu persekolahan. Langkah ini adalah selaras dengan pendekatan dan mengambil kira kepentingan dan sensitiviti semua kaum di negara ini. Dalam konteks ini, sesuatu kumpulan masyarakat boleh memohon kepada Kementerian Pendidikan untuk mengadakan pengajaran bahasa kaum tersebut di sekolah. Dan, ianya bergantung kepada keupayaan kerajaan dari segi keupayaan: kewangan; tenaga pengajar; dan operasi; bagaimana ia harus ditadbirkan. Sekian, terima kasih.

**Datuk Zainudin bin Maidin:** Tuan Yang di-Pertua, saya dengan segala hormatnya mohon izin untuk membuat satu soalan yang mungkin tidak begitu relevan dengan soalan induk tetapi ada kepentingannya dengan negara. Saya ingin tahu berhubung dengan tindakan seorang sasterawan negara, A Samad Said yang telah mengambil keputusan untuk berhenti dari menulis dan menghasilkan karya-karya sastra setelah begitu gigih mengisi kesusasteraan tanahair selama lebih 40 tahun. Dan, saudara Samad Said adalah satu-satunya penulis tanahair yang mencuba untuk hidup semata-mata di atas penulisan dan menghasilkan hasil-hasil sastra. Dan, ini adalah kali yang kedua. Pertama sekali ialah beliau telah mengadakan mogok.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, maaflah sudah terkeluar daripada tajuk.

**Datuk Zainudin bin Maidin:** Jadi, saya pendekkan. Dia telah menyalahkan birokrasi yang telah menyebabkan beliau berhenti menulis. Apakah fakta-fakta birokrasi ini yang telah menyebabkan berlaku hal ini, dan adakah pihak Kementerian

Pendidikan yang bertanggungjawab dalam soal ini telah membuat siasatan dan apakah tindakan yang akan diambil.

**Datuk Abdul Aziz bin Shamsuddin:** Tuan Yang di-Pertua, kepada Yang Berhormat Datuk Zainudin, Kementerian Pendidikan mengucapkan terima kasih. Kita sedar bahawa Samad Said adalah seorang karyawan yang unggul di dalam negara kita. Dan beliau telah menyumbangkan banyak penulisan yang berbentuk ilmiah dan juga pengajaran kepada masyarakat Malaysia. Dan, kita sangat menyanjung tinggi atas usaha-usaha beliau di dalam penulisan yang begitu kreatif seperti yang diperkatakan tadi, lebih daripada 40 tahun. Masalah yang timbul belum dapat dipastikan sama ada Kementerian Pendidikan melalui Dewan Bahasa dan Pustaka yang menyebabkan beliau merajuk tetapi sesungguhnya bagi pihak Kementerian Pendidikan kita akan membuat kajian terperinci supaya Samad Said akan terus menulis bagi kepentingan negara kita.

Dan, kita sangat bersimpati dengan apa yang beliau lalui mudah-mudahan perkara ini, Yang Berhormat Datuk Zainudin, kita dapat atasi semoga beliau dapat berkarya semula untuk kepentingan negara. Terima kasih.

**Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya berkenaan dengan bahasa ibunda. Saya hendak penjelasan daripada kementerian dan kerajaan berkaitan dengan bahasa ibunda tetapi ramai yang bercakap ianya dialek. Seperti dari segi bahasa betul Orang Asli umpamanya ada 18 suku kaum, kemudian bahasa ataupun boleh dikatakan sebagai dialek. Apakah ianya didefinisikan sebagai bahasa seperti bahasa Terengganu, bahasa 'Kelate', bahasa 'Pahé' - Pahang. Jadi, apakah ini pun akan dibuat secara pentadbiran oleh kementerian sekiranya ada permintaan. Kerana bahasa-bahasa ini walaupun ianya terlampau diperkecilkan di peringkat zon negeri-negeri, ianya boleh dipelajari di luar waktu sekolah. Apakah kementerian ingin menggalakkan sekiranya ada permohonan. Terima kasih.

**Datuk Abdul Aziz bin Shamsuddin:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih banyak kepada Yang Berhormat. Pada masa ini kita akan menggunakan bahasa standard, bahasa Malaysia. Kalau dikirakan untuk mengambil kira bagi semua dialek-dialek, di Sarawak sahaja saya ingat ada 30, di Sabah ada 48. Kalau ini semuanya kita ambil kira untuk menjadikan satu asas kepada pembentukan negara, kita akan

menghadapi masalah. Dan, sepatutnya kita meniru apa yang berlaku di Indonesia. Daripada 500 dialek itu telah disatukan untuk menjadi bahasa Indonesia.

Bukan pula kita meniru mereka, tetapi apa yang telah kita buat selama 42 tahun ini adalah satu kejayaan cemerlang. Contohnya kalau kita mendengar dua pemuda atau dua pemudi bercakap, kita seolah-olah berada dalam satu negara yang sama. Apabila kita buka mata, rupanya anak Cina sedang berbual dengan anak India. Dan, bahasa mereka sebulat macam bahasa yang kita pertuturkan sekarang. Inilah satu kejayaan, dan jangan kita ubah-ubah perkara ini. Tetapi bagi mereka yang ingin untuk mengadakan bahasa-bahasa dialek ini diperbaiki seperti yang diterangkan tadi boleh diusahakan dengan syarat tiga keupayaan yang ada pada kerajaan: kewangan; tenaga pengajar; dan cara mana kita harus operasikan untuk mengendalikan usaha yang dikehendaki. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan sudah pun selesai.

*[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 11 hingga 25 akan dijilid dalam buku berasingan]*

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2000**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2000 dibacakan kali yang kedua sekarang”. *[2 Mei 2000]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak ada yang hendak bercakap lagi? Ya, Yang Berhormat Datuk Haji Karim.

**11.17 pagi.**

**Datuk Haji Karim bin Ghani:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberikan saya kesempatan untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan ini. Saya sangat berbesar hati melihat suatu Belanjawan yang disediakan yang sungguh mengambil berat tentang keadaan masyarakat dan rakyat Malaysia. Tahniah harus

diberikan kepada Menteri yang memberikan input iaitu Tun Daim dan pegawai-pegawainya yang membolehkan suatu Belanjawan yang penuh dengan cadangan-cadangan mengembirakan rakyat Malaysia.

Kita tahu bahawa suatu negara yang mempunyai kerajaan yang baik seperti Barisan Nasional mempunyai rakyat yang sangat baik antara satu dengan lain, mempunyai pembangunan yang pesat adalah suatu kerajaan yang tidak mungkin ditumbangkan oleh parti pembangkang. Kita harus ingat bahawa sebagai parti pembangkang yang mana saya sendiri mempunyai pengalaman sebagai pembangkang selama 18 tahun di Sabah, untuk menumbangkan sebuah kerajaan, pembangkang haruslah membuat perkara-perkara yang tidak menstabilkan kerajaan itu, pembangkang harus membuat perkara-perkara pembangunan tidak berjalan dengan baik dan rakyat tidak senang. Tanpa itu kerajaan tidak boleh ditumbangkan. Dan, saya percaya pemimpin-pemimpin Barisan Nasional sedar tentang perkara ini dan akan membuat segala usaha untuk memastikan kerajaan ini tidak akan tumbang.

Dalam pengamatan saya, peruntukan-peruntukan haruslah dibuat lebih banyak supaya rakyat di Malaysia ini akan mendapat manfaat daripada rancangan-rancangan kerajaan. Alhamdulillah, dalam pengkajian saya, dalam pilihan raya yang akan diadakan pada tahun 2004 atau 2005 kerajaan Barisan Nasional telah pun memenangi pilihan raya itu. Alasannya ialah di Sabah dan Sarawak kita mempunyai jumlah kerusi sebanyak 48 dan di Labuan satu, berjumlah 49, di Semenanjung ini dari komponen kita MIC, Gerakan dan lain-lain mempunyai sekurang-kurangnya 50 kerusi lagi, ini jumlah keseluruhannya ialah 99, kerajaan itu boleh dibentuk dengan simple majoriti.

Saya percaya parti UMNO di Semenanjung, dengan pemilihan yang akan diadakan pada 11 haribulan nanti, pemimpin-pemimpin yang baik, pemimpin-pemimpin yang bersedia untuk menghadapi alaf baru ini dan dipandu oleh Perdana Menteri kita yang mempunyai pengalaman yang sebegitu banyak di dalam negara ini, kerajaan yang akan dibentuk dalam tahun 2004 atau 2005 itu nanti tetap berada di dalam tangan Barisan Nasional.

Untuk mempunyai satu negara yang baik, kerajaan mesti berjaya menyatupadukan rakyatnya. Untuk menyatupadukan rakyat, saya dapati parti UMNO ialah satu parti yang telah berjaya. Dalam tahun 1946 dulu, parti UMNO berjaya

menyatukan suku-suku kaum rumpun Melayu, Bugis, Mandaling, Rawa dan sebagainya ini untuk meMelayukan mereka sebagai satu bangsa yang kuat. Cuma sahaja barangkali pada ketika itu terlupa sedikit suku kaum proto Melayu yang dinamakan suku kaum Asli pada ketika ini mungkin tidak dibawa bersama. Kalau mereka dibawa bersama maka soalan Orang Asli tidak timbul lagi kerana perkataan Orang Asli ini sungguh mengelirukan kepada saya yang datang dari Sabah. Saya menganggap sebagai seorang bumiputera Sabah, saya juga seorang asli.

Suku-suku kaum lain bumiputera di Sabah seperti Dusun, Kadazan, Murut, Ubian dan sebagainya yang berjumlah lebih daripada 30 suku kaum itu adalah orang asli dan kami berbangga dengan nama orang asli itu. Tetapi untuk menyatukan satu bangsa kami telah keluar dari perkataan 'orang asli' kepada satu perkataan 'bumiputera' dan kami sudah mula keluar daripada perkataan bumiputera itu dengan memasuki parti UMNO yang mengatakan ahli UMNO itu adalah ahli rumpun Melayu. Kami telah balik asal kepada rakyat bumiputera di gagasan kepulauan Melayu ini.

Tuan Yang diPertua, perpaduan orang-orang Melayu nampaknya ada sedikit kegoncangan di Semenanjung ini. Di Sabah tidak ada masalah perpecahan di kalangan bumiputera rumpun Melayu ini. Perpecahan yang dikatakan di Semenanjung ini berpunca daripada kalau saya lihat bukan kerana perpecahan orang Melayu dari segi Melayunya kerana dari segi Melayunya orang Melayu tidak ada perbezaan. Orang Melayu di kampung dari segi ekonominya masih sama-sama lagi belum begitu maju.

Dari segi agamanya saya tidak nampak ada orang Melayu di sini yang mempersoalkan agama Islam, tetapi apa yang memecahkan di sini adalah dari segi politiknya terutama sekali tuduhan-tuduhan bahawa kerajaan ini tidak prihatin kepada perjuangan orang Islam dan juga tuduhan-tuduhan bahawa ada kumpulan-kumpulan dalam kempen-kempen politik seperti mengatakan mengundi kepada parti PAS masuk syurga Alhamdulillah, kita mempunyai seorang kawan, Yang Berhormat Ustaz Hassan Haji Shukri telah mengatakan dakwaan orang jika mengundi parti PAS masuk syurga itu adalah khurafat, jadi tolonglah kawan-kawan terutama sekali pemberita-pemberita memberitahu kepada seluruh rakyat Malaysia bahawa dakwaan mengundi PAS itu masuk syurga adalah kepercayaan khurafat.

Mudah-mudahan dengan penjelasan-penjelasan serupa ini akan berkuranganlah perpecahan orang Melayu. Saya baru-baru ini diberitahu ada lagi di peringkat bawahan parti-parti pembangkang membuat pantun, membuat arahan kepada budak-budak yang tidak perlulah dikatakan di sini, tetapi perkara ini dibuat hanya oleh pemimpin-pemimpin di peringkat bawahan, di peringkat atasan mereka tidak menggalakkan. Ini pun kita harus terangkan kepada masyarakat dan kepada rakyat bahawa perkara-perkara ini kalau kita di peringkat pemimpin menasihati pengikut-pengikut kita di peringkat bawahan supaya jangan membuat perkara-perkara serupa itu, saya percaya satu hari nanti, titik pertemuan semula akan berlaku akan dapat dicapai oleh orang-orang Melayu sehingga perpaduan akan kembali, dan soal ketuanan Melayu tidak lagi dipersoalkan oleh mana-mana pihak yang pada beberapa ketikanya bila kita membaca di akhbar, bila kita mendengar percakapan yang menyebabkan telinga kita panas, kononnya kerajaan kita ini tidak lagi didukung oleh orang-orang Melayu yang mana ketuanan Melayu itu menjadi puncanya.

Tuan Yang diPertua, apabila negara kita dapat bersatu padu, kita perlu satu pertahanan yang lebih kerana keselamatan itu adalah satu rahmat yang julung-julung kita nikmati di negara ini, kalau kita pergi melawat ke negara-negara lain di sekitar kita ini, keselamatan tidaklah sebegitu mantap, tetapi baru-baru ini satu insiden berlaku di Sabah, di Semporna di mana penculikan rakyat Malaysia dan bangsa asing telah berlaku yang menjejaskan, saya tahu beberapa pelancong yang datang ke Sabah.

Ini disebabkan mungkin pertahanan atau keselamatan berkurangan sedikit pada ketika itu di Semporna, malahan ada khabar yang tidak berapa senang kita dengar kononnya pegawai-pegawai keselamatan, yang menjaga keselamatan di Pulau Sipadan itu tidak mempunyai senjata yang canggih.

Apa yang berlaku ini, sangat membimbangkan, khabarnya yang membuat angkara itu adalah orang-orang dari Filipina berketurunan Sulu, sedangkan di Sabah pun ribuan orang yang berketurunan Sulu, ribuan pendatang-pendatang yang mempunyai izin untuk berada di Sabah dan juga yang tanpa izin berada di Sabah, sekiranya ada orang-orang Sabah yang diculik itu dibunuh, maka kesan kepada orang-orang Sulu, orang-orang Filipina yang berada di Sabah akan lebih besar lagi dan akan menyulitkan keadaan di Sabah dan juga mungkin di Filipina nanti.

Tuan Yang diPertua, saya memintalah supaya masalah penculikan itu diselesaikan dengan segera dan saya minta akhbar-akhbar di Malaysia ini jangan lagi

membesar-besarkan berita tentang penculikan itu kerana negara luar akan melihat apa yang berlaku di Sabah itu seolah-olah seluruh Malaysia ini telah diculik. Berita-berita yang membesar-besarkan perkara yang berlaku itu tidak mendatangkan faedah kepada sesiapa sekali pun di Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu bahawa Sabah dan Sarawak masih lagi terkebelakang kalau dibandingkan dengan negeri-negeri di Semenanjung ini. Kita lihat perhubungan selama ini antara Sabah dan Sarawak sangat berkurangan, malahan banyak kali rakyat kita di Sabah dan di Sarawak berjumpa di Kuala Lumpur, bukan berjumpa di Kota Kinabalu atau di Sarawak. Ini disebabkan perhubungan sangat berkurangan, jalan raya yang menghubungkan Sabah dan Sarawak juga belum secanggih atau sebaik yang ada di Semenanjung ini, malahan jalan raya yang ada di Sabah kebanyakannya kalau dibandingkan dengan jalan raya di kampung di Semenanjung ini lebih baik daripada jalan raya yang kita katakan highway di Sabah.

Saya percaya mutu jalan raya harus dipertingkatkan lagi, jalan raya di Sabah diberikan peruntukan yang lebih supaya perasaan kami yang 'dengki' dengan kecantikan, keindahan jalan raya di Semenanjung dapat diredakan. Barangkali perkataan itu yang lebih sesuai adalah perkataan 'cemburu', bukan dengki.

Tuan Yang di-Pertua, jadi, Sabah sebuah negeri yang indah memerlukan pembangunan. Perdana Menteri kita Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir, sangat tertarik dengan keindahan alam semula jadi di Sabah. Beliau telah pernah berjanji apabila Barisan Nasional memerintah Sabah semula, beliau akan berusaha membawa sekurang-kurangnya sejuta pelancong ke Sabah setahun. Kalau bukan insiden Pulau Sipadan ini, saya percaya beliau akan berjaya kerana pelancong datang ke Sabah dari angka yang sebegitu banyak akhir-akhir ini dan saya percaya target sejuta itu akan kita capai tidak berapa lama lagi.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi pelancongan bukan sahaja di Sabah, di Malaysia ini kadangkala kita terbaca berita bahawa pelancong-pelancong kita tidak mendapat layanan yang sangat baik. Dakyah serupa ini saya tidak percaya sama sekali kerana bangsa Malaysia, terutama sekali bangsa Melayu, sangat menghormati tetamu-tetamu yang datang ke rumah atau ke tempat mereka masing-masing. Tetamu yang dilayan dengan baik, yang merasa sangat di 'welcome' apabila melawat negara atau negeri akan kembali berterusan melawat negeri itu. Malaysia terkenal di luar negara mempunyai rakyat yang berbilang kaum, mempunyai adab, mempunyai

layanan yang baik terhadap pelancong, ini harus digalakkan untuk memastikan pelancong-pelancong itu terus datang ke Malaysia untuk memberikan sumbangan kepada perindustrian pelancongan kita di negara ini.

Dalam segi perdagangan juga, Sabah pada ketika ini sangat bergantung kepada Semenanjung untuk mendapat bekalan makanan, barang-barang perkilangan dan lain-lain. Barang-barang perkilangan dan makanan yang dibuat di Semenanjung kalau syarikat itu memindahkan kilang-kilang mereka ke Sabah, mungkin dari segi belanja transport, belanja menyelenggarakan akan lebih murah dan boleh membantu mengurangkan harga-harga di pasaran dan juga boleh membantu Sabah di mana pada ketika ini walaupun ekonominya sudah mual berkembang, kita sudah keluar daripada kegawatan ekonomi, tetapi kita memerlukan bantuan yang lebih daripada yang sudah-sudah.

Dari segi pertanian pula, saya lihat di Semenanjung masih mengimport sayur-sayuran dari luar negara, dari Indonesia, dari Hong Kong umpamanya, sedangkan barang-barang ini seperti sayur kubis dan sebagainya banyak di Sabah, cuma dari segi *transportation*nya mungkin tidak sebegitu canggih dan kos menghantar barang-barang dari Sabah ke Semenanjung lebih mahal daripada kos menghantar barang-barang dari Semenanjung ke Hong Kong dan sebagainya.

Mungkin dasar pengangkutan terutama sekali melalui MAS belum mengkaji di mana memberikan sumbangan supaya harga barang-barang dari Sabah ke Sarawak dan dari Sarawak ke Sabah dan Semenanjung dapat dikurangkan.

[Dato' Michael Chen Wing Sum *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Dato' Michael Chen Wing Sum:** Yang Berhormat, minta maaf sedikit ya, oleh kerana saya akan meminta Yang Berhormat Menteri-menteri menjawab pada pukul 11.45 pagi, saya harap Yang Berhormat Dato' tamatkan ucapan pada masa itu.

**Datuk Haji Karim Ghani:** Okay, terima kasih. Harga barang-barang yang diimport dari luar negara lebih murah oleh sebab mungkin kerana harga pengangkutan atau harga penerbangan. MAS umpamanya, mempunyai imej yang sangat gilang-gemilang di udara. Di dalam penerbangan MAS mendapat pujian yang tinggi sangat daripada mana-mana pelancong yang datang ke Malaysia atau yang menggunakan MAS, tetapi malangnya banyak sungutan yang kita terima di peringkat on the ground, MAS mesti menghadapi masalah-masalah yang tidak menyenangkan orang datang ke

Malaysia. Saya dapati umpamanya di Lapangan Terbang Kota Kinabalu di mana office MAS di situ, mesin untuk mengadakan photocopypun tidak ada. [Tepuk]

Saya dapati di lapangan-lapangan terbang atau di pejabat-pejabat MAS di luar negara ditempatkan dicorok-corok dengan persembahan perhiasan yang tidak menarik kalau dibandingkan dengan pejabat penerbangan MAS yang lain. [Tepuk]

Saya juga dapati bahawa untuk Sabah, kalau melancong ke Filipina lebih murah daripada datang ke Kuala Lumpur. Saya lihat b MAS kadangkala dari Sabah ke Kuala Lumpur menggunakan kapal terbang yang kecil, tidak mempunyai seats. Kalau menggunakan kapal terbang yang besar, lebih separuh tidak mempunyai passenger. Saya mintalah supaya MAS mengkaji schedule antara Sabah dan Sarawak, antara Sabah dan Kuala Lumpur dikaji. Mungkin tidak memerlukan kapal terbang yang kecil atau frequency yang terlalu banyak. Sekiranya kita gunakan kapal terbang yang lebih besar ia menjimatkan banyak kos, menjimatkan banyak pembayaran gaji, mungkin dengan cara itu, apa yang kami minta selama ini, apa yang kami impikan selama ini akan menjadi kenyataan iaitu tambang daripada Kuala Lumpur ke Sabah dan Sabah ke Kuala Lumpur dapat dikurangkan supaya dapat merapatkan lagi hubungan silaturahim antara Sabah dan Semenanjung, antara Sabah dan Sarawak.

Saya juga hairan kadang-kadang dasar tambang yang digunakan oleh MAS, umpamanya dari Kota Kinabalu ke Manila harga tambang lebih kurang RM600 lebih pergi dan balik, tetapi dari Manila ke Sabah dan balik ke Manila lebih RM1,200. Ini bererti orang-orang yang melancong ke Manila yang ingin melawat Sabah apabila melihat tambang yang sebegitu mahal, pelancong-pelancong ini tidak jadi datang ke Sabah. Bila ditanyakan kepada orang-orang MAS, mereka mengatakan bahawa sebenarnya dasar MAS bukan hendakkan pelancong dari Manila untuk tinggal di Sabah tetapi menghendakkan pelancong ataupun passenger dari Manila hanya transit di Kota Kinabalu terus ke Kuala Lumpur, kalau boleh terus ke Dubai. Dari segi ini, saya rasa Sabah merasa terkena diskriminasi dari segi tambang menambang.

Dari segi pertanian pula, Sabah, Sarawak dan juga Semenanjung ada mempunyai iklim atau climate yang sangat sesuai seperti di Cameron Highlands, Ranau dan Bakelalan mempunyai hawa temperate yang boleh mengeluarkan tanaman yang berhawa temperate, malangnya saya lihat dari segi research, dari segi pengkajian kita tidak menggunakan keadaan ini untuk meningkatkan pendapatan petani dan negara kerana selama ini nampaknya kita masih lagi menumpukan usaha-usaha untuk

menanam tumbuh-tumbuhan temperate yang mempunyai harga yang rendah seperti kubis dan beberapa sayur-sayuran dan buah-buahan yang lain.

Saya ingat dalam tahun 60-an dahulu, apabila kita makan anggur daripada Thailand, anggur itu kecil, masam dan tidak bermutu. Saya percaya oleh sebab research mereka, anggur daripada Thailand yang dijual di negara kita setaraf dengan anggur yang datang daripada Amerika, Australia dan sebagainya. Kalau kita mengadakan research yang lebih mendalam di Malaysia ini, saya percaya kita boleh mengadakan tumbuh-tumbuhan yang volumenya kecil, harganya mahal seperti anggur, apple yang ditanam di Sarawak dan mungkin buah-buahan persimmon dan yang lain-lain, yang akan mendatangkan hasil lebih banyak kepada para petani daripada menanam kubis atau menanam ubi kayu di tempat-tempat yang lain, yang mana volumenya banyak harganya murah, tenaga banyak digunakan tetapi hasilnya tidak sebegitu memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua, kami di Sabah dari segi pemakanan umpamanya, umbut kelapa sawit adalah satu makanan yang lebih enak kalau dibandingkan dengan umbut kelapa atau umbut nibung. Saya dapati di Semenanjung ini umbut kelapa sawit tidak dimakan mungkin kerana research tidak dibuat untuk mempersembahkan umbut kelapa sawit ini dengan masakan seperti gulai lemah cili padi, dibuat kerabu atau dibuat salad. Sekiranya umbut kelapa sawit dimakan juga di sini, berapa banyak pertukaran wang mungkin kita selamatkan daripada mengimport sayur-sayuran lain daripada negara asing?

Satu lagi yang saya ingin kita mengambil perhatian ialah dari segi perikanan dan hidupan-hidupan laut. Kalau di Sabah, kita menerima satu bala yang paling besar berkenaan perkara ini kerana banyak didapati di kalangan pendatang-pendatang menangkap ikan dengan cara menggunakan bom yang merosakkan bukan sahaja ikan tetapi juga tumbuh-tumbuhan lain seperti batu karang dan hidupan-hidupan di laut. Kalau ini dibiarkan berterusan saya tidak hairan dalam satu generasi atau dua generasi lagi, apa yang kita nikmati pada ketika ini akan pupus begitu sahaja.

Jadi, saya mintalah supaya pihak yang berkuasa memperhebatkan lagi langkah-langkah untuk mencegah orang-orang menggunakan bom untuk menangkap ikan dan mengadakan undang-undang yang lebih ketat sekiranya orang-orang didapati menangkap ikan dengan cara bom, hukuman yang lebih berat patut diambil, perkakas-perkakas seperti perahu, pukot dan sebagainya harus dirampas dan orang itu dijel

dengan hukuman yang lebih berat. Saya diberitahu bahawa di Filipina orang-orang yang menggunakan bom ini untuk menangkap ikan kalau didapati akan ditembak di laut begitu sahaja.

Kerajaan telah membuat keputusan di negara ini pegawai-pegawai bekerja lima hari seminggu pada minggu pertama dan minggu ketiga. Tiap-tiap bulan saya telah katakan bahawa produktiviti pegawai kerajaan telah meningkat, saya telah diberitahu bahawa pelancong dalam negeri telah bertambah, saya diberitahu bahawa kualiti time bersama keluarga telah juga bertambah. Saya dapati bahawa dua hari dalam sebulan pegawai kerajaan tidak bekerja pada hari Sabtu, kerajaan telah menjimatkan banyak wang dari segi elektrik, air, telefon, stationery dan sebagainya. Kita dapati juga bahawa spin-off seperti gerai-gerai makanan dan sebagainya bertambah, kita dapati juga bahawa saving daripada minyak untuk digunakan oleh pegawai-pegawai ini pada hari Sabtu dan seterusnya juga bertambah. Kalau inilah keadaannya yang sebenar, saya fikir tidak perlu lagi kita membuatkan research berterusan seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, tetapi saya mintalah supaya kerajaan membuat keputusan secepat mungkin supaya pegawai kerajaan akan terus bekerja lima hari seminggu tanpa bekerja hari Sabtu, tetapi hari mereka bekerja lima hari itu ditambahlah sekurang-kurangnya satu jam sehari. Ini untuk kita tidak membazirkan daylight hours yang pada ketika ini empat jam sehari kita bazirkan kerana di Malaysia daylight adalah 12 jam sehari sedangkan kita bekerja lapan jam sehari. Empat jam, dua jam pagi dan dua jam petang itu terlalu awal untuk berehat sebelah pagi, terlalu lambat untuk membuat pekerjaan sebelah petang, kalaulah kita bekerja lima hari seminggu maka daylight hours itu boleh kita gunakan dan dimanfaatkan dengan lebih baik lagi.

Oleh yang demikian, saya mintalah supaya kerajaan mempertimbangkan kakitangan kerajaan bekerja 5 hari seminggu walaupun bukan semestinya di private sector. Mereka juga harus bekerja 5 hari seminggu tetapi hari itu tidak perlulah disamakan pada hari Sabtu supaya membolehkan interaksi di antara pegawai-pegawai kerajaan dengan swasta membeli-belah dan melancong dan pegawai-pegawai swasta pula boleh berurusan dengan kerajaan di hari yang mereka tidak bekerja membayar lesen, membayar cukai dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, di Malaysia ini rakyatnya sangat bertuah. Tetapi adakalanya di Sabah saya rasa pembaziran wang kerajaan juga berlaku bukan kerana niat yang tidak baik tetapi mungkin kesilapan umpamanya apabila kita buat surau dan masjid belanja lebih besar, kita buat surau di kampung yang boleh mengisi 400-500 orang sedangkan orang ke surau tidak lebih 40-50 orang tiap-tiap kali. Saya dapati dalam lawatan saya ke Indonesia, surau-suru yang ada di kampung itu adalah kecil, mungkin dapat menampung di kalangan 50-60 orang sahaja tetapi masjid dibuat beberapa kilometer antara satu dengan lain supaya orang-orang yang menggunakan surau mempunyai tempat yang cukup tetapi di hari-hari yang tertentu seperti hari Jumaat dan Hari Raya mereka berkumpul di masjid. Kalau ini yang kita buat di Malaysia, saya fikir banyak wang akan kita selamatkan dan banyak lagi surau dan masjid dapat kita bina di kampung dan di daerah-daerah yang lain.

Pada ketika ini juga Tuan Yang di-Pertua, ada sungutan bahawa pegawai-pegawai kerajaan bermain golf di masa kerja kononnya supaya dapat berunding dan berbincang perkara-perkara berkenaan dengan kerja, mengadakan perjanjian, mengadakan perdagangan dan sebagainya. Tetapi ada juga yang saya dengar, entah betul atau tidak bahawa ketika bermain golf ini lebih dipentingkan kepada pertaruhan (betting). Kata Yang Berhormat Senator Ustaz Hassan Shukri, "itu perjudian". Kalau ini betul maka manfaat main golf untuk mengadakan exercise atau senaman dan sebagainya tidaklah sebegitu tepat, kita perhatikan perkara ini supaya janganlah padang golf itu pula dijadikan satu padang perjudian.

**Dato' Michael Chen Wing Sum:** Satu minit lagi.

**Datuk Haji Karim Ghani:** Akhir sekali rakyat di Malaysia ini memerlukan maklumat yang terkini. Maklumat yang terkini kita dapati kebanyakan melalui televisyen dan radio. Kalau boleh Tuan Yang di-Pertua, kita mintalah kerajaan mencari ikhtiar supaya setiap rumah di Malaysia ini dibekalkan satu TV supaya rakyat boleh mendengar penjelasan-penjelasan dan penerangan-penerangan daripada kerajaan, penerangan-penerangan yang tepat berkenaan pembangunan, keadaan politik, keadaan dunia semasa dan supaya rakyat di Malaysia ini tidak terdedah dengan propaganda-propaganda politik kampung yang menjadi punca perbelahan di antara orang-orang Melayu, khususnya dan orang bumiputera dan rakyat Malaysia amnya. Jadi, tolonglah supaya perkhidmatan TV diperbaiki supaya TV dapat dibekalkan di setiap rumah dan juga filem-filem Melayu dibekalkan dengan alih

bahasa, iaitu sub-titles kerana pada ketika orang-orang Melayu boleh memahami cerita-cerita Cina dan India kerana kebanyakan mempunyai alih bahasa tetapi saya difahamkan orang-orang India dan orang-orang Cina, mungkin orang Kadazan, Murut tidak dapat memahami filem-filem atau drama-drama Melayu kerana tidak ada alih bahasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih dan menyokong Belanjawan yang telah dibentangkan dan ingin sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Perdana Menteri kita yang memberikan suasana di mana Belanjawan yang begitu canggih, yang begitu sangat memuaskan hati rakyat, yang saya percaya akan mendatangkan kebaikan, kemajuan dan kesejahteraan kepada rakyat Malaysia di tahun-tahun yang akan datang. Sekian, terima kasih.

**Dato' Michael Chen Wing Sum:** Saya akan minta Menteri di Jabatan Perdana Menteri menjawab.

**11.47 pg.**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, Senator yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2000.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor, Yang Berhormat Senator Dato' Dr. T. Marimuthu, Yang Berhormat Senator Tuan Zainal bin Rampak, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Gapar bin Gurrohu, Yang Berhormat Senator Datuk Zainudin bin Maidin, Yang Berhormat Senator Datuk Norjan binti Khan Bahadar, Yang Berhormat Senator Puan Nosimah binti Hashim, Yang Berhormat Senator Dato' Charern Intachat, Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Chin Fook Weng dan Yang Berhormat Senator Dato' Abdul Abdul Aziz bin Abdul Rahman telah menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri. Sesungguhnya Jabatan Perdana Menteri menghargai pandangan, teguran dan cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor telah membangkitkan hasil penyiasatan Badan Pencegah Rasuah terhadap akuan berkanun Datuk Murad mengenai pemilikan akaun Dato' Seri Anwar Ibrahim di Bank Negara.

Untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, bahawa BPR masih menjalankan siasatan akuan berkanun Datuk Murad yang melibatkan Dato' Seri Anwar Ibrahim. Namun begitu, sebagai Yang Berhormat sedia maklum, Seksyen 21(4) Akta Pencegahan Rasuah 1997 yang telah dikuat kuasa mulai 8 Januari 1998, menyatakan, "sesuatu aduan yang dibuat di bawah subseksyen 1 hendaklah dirahsiakan dan tidak boleh didedahkan oleh mana-mana orang kepada mana-mana orang selain pegawai-pegawai Badan dan pendakwa raya sehinggalah orang tertuduh dipertuduh di mahkamah atas sesuatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis lain berbangkit daripada aduan itu".

Peruntukan itu jelas melarang sebarang pendedahan mengenai hasil siasatan dibuat kepada mana-mana orang selain daripada pegawai-pegawai badan dan pendakwaraya sehinggalah kes tersebut didakwa di mahkamah. Pada peringkat ini juga adalah masih terlalu awal untuk mengatakan aduan yang dibuat itu palsu kerana proses siasatan masih lagi berjalan. Sekiranya siasatan mendapati akaun berkanun tersebut palsu tindakan akan diambil mengikut peruntukan undang-undang yang sedia ada terhadap mereka yang berkenaan.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor juga membangkitkan isu pendaftaran pemilih baru yang dikatakan mengambil masa yang begitu lama. Terdapat nama-nama pemilih yang telah meninggal dunia dan pertindihan nombor kad pengenalan. Sehubungan dengan itu Yang Berhormat menyarankan supaya kajian ke atas kaedah proses pendaftaran pemilih dibuat dan melaksanakan pendaftaran pemilih sepanjang masa serta secara automatik apabila seseorang itu berusia 21 tahun. Untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini bahawa proses pendaftaran dan penyemakan daftar pemilih adalah mengikut aturan sebagai mana yang ditetapkan di dalam peraturan-peraturan pilihanraya pendaftar pemilih 1971. Peraturan ini melibatkan enam proses undang-undang yang perlu dipatuhi iaitu seperti berikut:

- (i) Penerimaan borang pendaftaran iaitu tempoh pendaftaran yang ditetapkan 42 hari;
- (ii) Pameran rang daftar pemilih iaitu masa 14 hari;
- (iii) Siasatan awam oleh pegawai pendaftar, tempoh masa tertakluk kepada bilangan kes bantahan dan tuntutan;

- (iv) Pengesahan daftar pemilih oleh pegawai pendaftar iaitu mengikut peraturan Borang G;
- (v) Pengesahan oleh Ketua Pegawai Pendaftar untuk semua kawasan pendaftaran di Malaysia; dan
- (vi) Pengwartaan.

Suruhanjaya Pilihan Raya sentiasa mengambil tindakan membersihkan dan mengemaskinikan daftar pemilih dengan mengeluarkan nama pemilih yang meninggal dunia. Pemotongan nama pemilih yang meninggal dunia adalah berdasarkan kepada pengesahan daripada Jabatan Pendaftaran Negara bagi memastikan pemilih yang benar-benar meninggal dunia sahaja dikeluarkan daripada daftar pemilih. Suruhanjaya Pilihan Raya juga sentiasa menyemak dengan pendaftaran negara rekod pemilih bagi memastikan tidak akan berlaku pertindihan nombor dan pengenalan sebagai mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat.

Dalam urusan pengesahan daftar pemilih tahun 1999 Suruhanjaya Pilihan Raya telah mengeluarkan 735,859 orang pemilih daripada daftar pemilih kerana sebab-sebab nama berganda seramai 60,681 pemilih, meninggal dunia seramai 103,641 orang pemilih dan hilang kelayakan atau bersara seramai 571,537 orang pemilih.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Dr. T. Marimuthu, Yang Berhormat Senator Tuan Zainal Rampak, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Gapar bin Gurrohu, Yang Berhormat Senator Datuk Zainuddin bin Maidin, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor dan Yang Berhormat Senator Datuk Norjan binti Khan Bahadar telah membangkitkan beberapa perkara berhubung bidang tugas Jabatan Perkhidmatan Awam.

Yang Berhormat Senator Dato' T. Marimuthu membangkitkan perkara mengenai pemberian biasiswa yang dikatakan bilangan penerimanya adalah sedikit dan tertumpu kepada pelajar-pelajar cemerlang sahaja. Yang Berhormat mencadangkan supaya kerajaan mengkaji semula pemberian biasiswa tersebut dan menambah lagi pemberian biasiswa terutama bagi memastikan perkembangan k-ekonomi.

Untuk makluman Yang Berhormat bagi sesi pengajian tahun 2000-2001, JPA akan meningkatkan bilangan tawaran biasiswa sekali ganda daripada 2008 biasiswa bagi sesi pengajian tahun 1999-2000 kepada 4000 biasiswa. Bilangan biasiswa juga

akan ditambah di masa-masa hadapan sejajar dengan pertambahan bilangan pelajar-pelajar di institusi pengajian tinggi tempatan serta pengenalan kursus-kursus baru yang diperlukan di negara.

Yang Berhormat Senator Tuan Zainal Rampak mencadangkan supaya kadar bayaran pencen yang diterima oleh pesara-pesara sekarang ini dinaikkan sekurang-kurangnya RM500 sebulan bagi kakitangan kumpulan sokongan. Untuk makluman Yang Berhormat bahawa pencen terendah yang dibayar sekarang kepada pesara yang telah berkhidmat tidak kurang daripada 25 tahun ialah sebanyak RM180 sebulan seperti mana yang diperuntukkan dalam Undang-undang Pencen. Pada masa ini kajian sedang dijalankan bagi menentukan kadar pencen terendah yang munasabah dengan mengambil kira kemampuan kewangan kerajaan.

Yang Berhormat Senator Tuan Zainal Rampak juga ingin tahu sama ada kerajaan bersetuju dengan cadangan meningkatkan umur persaraan pegawai dan kakitangan kerajaan daripada 55 tahun kepada 58 tahun ataupun 60 tahun. Seterusnya Yang Berhormat juga mencadangkan peningkatan umur persaraan tersebut hendaklah dibuat secara automatik dan bukannya berdasarkan sokongan ketua jabatan. Untuk makluman Yang Berhormat buat masa ini kerajaan belum ada cadangan untuk melanjutkan umur persaraan wajib anggota sektor awam daripada 55 tahun kepada 58 tahun ataupun 60 tahun.

Yang Berhormat Senator Tuan Zainal Rampak juga mencadangkan supaya kerajaan mengkaji kenaikan gaji anggota-anggota pasukan keselamatan bagi maksud-maksud meningkatkan taraf profesional dan menghargai khidmat yang telah diberikan. Untuk makluman Yang Berhormat kerajaan telah bersetuju memberikan kenaikan gaji sebanyak 10% berkuat kuasa pada 1 Januari 2000 kepada semua anggota perkhidmatan awam termasuk anggota-anggota pasukan keselamatan.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Gapar bin Gurrohu menyarankan supaya penjawat-penjawat awam menghayati kod etika pekerja dengan baik, memberikan perkhidmatan kaunter yang terbaik dan menghindarkan diri daripada rasuah. Yang Berhormat juga mencadangkan supaya penjawat-penjawat awam diberikan kaunseling bagi melahirkan ketahanan mental dan beretika.

Untuk makluman Yang Berhormat bahawa kerajaan memang sedar penjawat-penjawat awam perlu mempunyai ketahanan mental yang tinggi dan etika kerja yang baik bagi mewujudkan perkhidmatan awam yang cekap dan berkesan. Usaha dan

langkah-langkah menyediakan perkhidmatan kaunseling kepada penjawat awam dilaksanakan secara berterusan oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Awam, kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan.

Tuan Yang diPertua, Yang Berhormat Senator Datuk Zainudin bin Maidin menyeru semua pihak sama ada kerajaan dan kesatuan kerja tidak menggunakan isu cuti pada hari Sabtu sebagai permainan politik dan meminta kerajaan membuat kajian sekiranya ingin menambah lagi cuti pada hari Sabtu terutama dari segi kesannya kepada pentadbiran kerajaan dan swasta. Untuk makluman Yang Berhormat pengisytiharan cuti hari Sabtu pada minggu pertama dan ketiga setiap bulan adalah keputusan kerajaan selepas kajian dibuat bagi menentukan ia tidak menjejaskan produktiviti kakitangan kerajaan. Di samping itu, kerajaan tidak bercadang untuk menambah lagi cuti hari Sabtu pada masa hadapan.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor membangkitkan perkara mengenai kritikan sistem saraan baru dan mencadangkan supaya SSB dikaji semula kerana ramai kakitangan tidak berpuas hati, ia nya juga menjejaskan produktiviti. Untuk makluman Yang Berhormat, SSB mempunyai banyak kelebihan yang dinikmati oleh anggota-anggota perkhidmatan awam. Hanya elemen-elemen tertentu dalam SSB dikritik dan ia akan diambil kira dalam usaha menambahbaikkan SSB.

Yang Berhormat Senator Datuk Norjan binti Khan Bahadar menyatakan bahawa pelajar-pelajar kelulusan jurusan Undang-undang Syariah Universiti Islam Antarabangsa belum diiktirafkan oleh JPA untuk melayakkan mereka dilantik sebagai Peguam Syariah. Sehubungan itu, Yang Berhormat meminta kerajaan mengkaji segera perkara ini dan memberikan pengiktirafan kepada kelulusan Sarjana Muda Undang-undang Syariah UIA. Untuk makluman Yang Berhormat, JPA belum lagi menerima permohonan bagi mengiktirafkan ijazah Sarjana Muda Undang-undang Syariah UIA. Pertimbangan untuk mengiktirafkan ijazah ini akan dilaksanakan apabila permohonan diterima kelak.

Yang Berhormat Senator Datuk Norjan binti Khan Bahadar menyatakan hanya enam buah kerajaan negeri sahaja yang bersetuju dengan cadangan Kerajaan Persekutuan untuk menyeragamkan pentadbiran Islam di negara ini. Sehubungan itu, Yang Berhormat mencadangkan supaya kerajaan bertegas dalam perkara ini. Untuk makluman Yang Berhormat memang benar pada masa ini hanya enam buah

kerajaan negeri yang bersetuju memasuki perkhidmatan gunasama pegawai syariah. Pihak kerajaan telah pun melaksanakan pelbagai langkah dan akan terus mempergiatkan usaha supaya negeri-negeri lain turut memasuki perkhidmatan tersebut.

Bagaimanapun keadaan ini tidak menghalang usaha penyeragaman undang-undang berkaitan dengan undang-undang pentadbiran Islam bagi seluruh negeri di Malaysia kerana terdapat Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Agama Islam yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Jawatankuasa Kemajuan Hal Ehwal Agama Islam yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Persidangan Jawatankuasa Teknikal Undang-undang Syarak ataupun Sivil yang dianggotai oleh semua negeri yang membolehkan usaha penyelarasan dan penyeragaman itu dilaksanakan secara tersusun, lancar dan teratur.

Tuan Yang diPertua, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Gapar bin Gurrohu mengharapkan institusi-institusi pengurusan zakat di negara ini meningkatkan peranannya dan mencadangkan supaya institusi ini melaksanakan peranan-peranan berikut:

- (i) membantu golongan miskin untuk keluar daripada lingkaran kemiskinan;
- (ii) memberikan bantuan pendidikan hingga ke peringkat tertinggi;
- (iii) memberi bantuan anak-anak yatim sehingga berjaya; dan
- (iv) memberi bantuan bagi meningkatkan pengurusan dan hal ehwal masjid dan surau.

Untuk makluman Yang Berhormat bahawa institusi pengurusan zakat sentiasa berusaha meningkatkan peranan dan fungsinya. Pada tahun 1990 perubahan telah berlaku dalam sistem pengurusan zakat di negara ini apabila Wilayah Persekutuan menubuhkan Pusat Pungutan Zakat yang diuruskan secara korporat. Sistem ini kemudiannya telah diikuti oleh beberapa negeri lain antaranya Selangor, Pahang, Melaka serta Pulau Pinang. Hasil kutipan melalui sistem ini telah meningkat dengan begitu ketara. Melalui peningkatan hasil kutipan tersebut sistem agihan telah disusun dan dilaksanakan dengan teratur dan ada negeri-negeri yang melaksanakan secara berkomputer.

Di antara sistem agihan yang dilaksanakan ialah membantu golongan fakir miskin untuk keluar daripada lingkaran. Bantuan kepada fakir miskin diberikan

dalam dua bentuk iaitu agihan secara langsung dan agihan secara tidak langsung. Agihan secara langsung ialah bantuan yang dikeluarkan terus kepada individu atau agensi dalam pelbagai skim, manakala agihan secara tidak langsung adalah pemberian bantuan melalui pelbagai program yang boleh memberi kesan jangka panjang untuk faedah lapan asnaf terutama asnaf fakir, miskin, muafak dan fisabilillah.

Sistem agihan ini ditumpukan sedemikian untuk meningkat status sosio-ekonomi golongan fakir miskin dan melalui konsep ini adalah antara mereka telah kita keluar daripada lingkaran kemiskinan. Majlis Agama Islam negeri-negeri sentiasa memberi bantuan pendidikan kepada mereka yang layak daripada peringkat rendah hingga ke peringkat tinggi. Bentuk bantuan pendidikan yang diberikan ialah bantuan pelajaran institut pengajian tinggi dalam dan luar negeri, biasiswa peringkat sijil sekolah menengah dan rendah, bantuan tambang, yuran pendaftaran pengajian ataupun peperiksaan, bantuan basikal dan sebagainya.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, kebanyakan negeri telah dibina atau mewujudkan tempat perlindungan atau rumah anak-anak yatim. Bantuan yang diberikan kepada anak-anak yatim selain daripada bantuan persekolahan termasuk juga mengadakan kelas-kelas tambahan, program pendidikan IT kursus motivasi dan sebagainya. Hasil daripada bantuan ini ada di antara mereka yang berjaya dengan cemerlang serta menyambung pelajaran ke peringkat institusi pengajian tinggi.

Mengenai bantuan bagi meningkatkan pengurusan dan hal ehwal masjid dan surau, suka saya maklumkan bahawa adalah menjadi dasar bagi kerajaan negeri dan juga Kerajaan Persekutuan menyediakan peruntukan pembangunan berkaitan dengan institusi masjid dan surau. Namun begitu, institusi zakat juga memainkan peranan memberikan bantuan kepada institusi masjid dan surau. Bantuan-bantuan yang diberikan adalah dalam bentuk membaiki kerosakan-kerosakan, membiayai aktiviti-aktiviti dakwah, motivasi dan kecemerlangan remaja, hari-hari kebesaran Islam serta bantuan peralatan dan kemudahan-kemudahan beribadat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Christina Tibok Vanhouten meminta kerajaan supaya mengambil tindakan terhadap kebanjiran pendatang tanpa izin di Sabah yang dikatakan memberi kesan kepada sosioekonomi Sabah. Untuk makluman Yang Berhormat, pendekatan yang bersepadu dan menyeluruh telah pun dijana dalam merancang dan melaksanakan tindakan terhadap pendatang tanpa

izin dan golongan yang melindungi mereka. Ia merangkumi usaha-usaha di peringkat diplomasi dua hala. Pembangunan ekonomi Wilayah, operasi-operasi bersepadu oleh semua agensi keselamatan dan awam serta penggembleran dan penglibatan rakyat di peringkat akar. Usaha-usaha yang dibuat telah berjaya membendung kemasukan pendatang tanpa izin secara beramai-ramai dan mengawal kehadiran mereka di negeri Sabah.

Tuan Yang diPertua, Yang Berhormat Senator Puan Nosimah binti Hashim membangkitkan perkara mengenai isu murtad dan meminta kerajaan mengkaji secara terperinci bagi mengenalpasti punca-punca berlakunya dan Yang Berhormat juga mencadangkan supaya laporan mengenai isu murtad dibentangkan di Parlimen. Untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini bahawa satu kajian mengenainya telah pun dilaksanakan oleh kerajaan di seluruh negara. Dalam kajian berkenaan, kerajaan mengenalpasti punca sebenar mengapa seseorang itu menjadi murtad. Hasil kajian itu telah dibentangkan dalam Mesyuarat Ketua-Ketua Jabatan Agama Islam yang dihadiri oleh Pengarah-pengarah Jabatan Agama Islam Negeri dan juga Mesyuarat Jawatankuasa Kemajuan Islam Malaysia yang dianggotai oleh Yang Amat Berhormat Menteri-menteri Besar dan Ketua Menteri.

Satu pelan tindakan telah dirangka bagi mengambil tindakan-tindakan ke atas mereka yang ingin murtad yang melibatkan pelbagai agensi kerajaan. Antara tindakan yang telah diambil ialah menggubal undang-undang untuk mencegah penyelewengan akidah termasuk murtad yang pada masa ini masih dalam peringkat penggubalan oleh Jabatan Peguam Negara. Apabila siap kelak Rang Undang-undang itu akan dibentangkan di dalam Parlimen.

Untuk makluman Yang Berhormat bahawa tujuan akta ini adalah bagi mencegah dan memberi kaunseling kepada mereka yang ingin murtad sebelum ianya dibawa ke mahkamah untuk keputusan. Sebelum akta yang dicadangkan itu diluluskan, kerajaan telah pun mengambil tindakan-tindakan secara pentadbiran ke atas mereka yang ingin murtad, di antaranya ialah:

- mengadakan khidmat nasihat yang berterusan dan ramai di antara mereka telah berjaya dipujuk kembali.
- mengadakan gerak dakwah secara sepadu kepada mereka yang kurang berpengetahuan dalam Islam khususnya saudara-saudara baru yang baru memeluk agama Islam.

- Mengadakan program pendidikan asas kepada semua kanak-kanak Islam dan saudara-saudara baru melalui program kelas-kelas Al-Quran dan Fardu Ain.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor mencadangkan supaya pengurusan pungutan zakat hendaklah dibuat mengikut peraturan-peraturan yang telah ditentukan oleh syarak dan tidak menyeleweng. Untuk makluman Yang Berhormat bahawa kerajaan sentiasa mengambil berat tentang pentadbiran dan pengurusan zakat di negeri ini. Sejak Majlis-majlis Agama Islam menjalankan zakat segala peraturan yang berkaitan dengannya telah diperbaiki dari masa ke semasa termasuklah mengadakan fatwa-fatwa bagi perkara-perkara yang berkaitan khususnya perkara yang berkaitan pengagihan wang zakat.

Bagi memantapkan lagi pengurusan zakat, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan telah mempelopori dan berjaya menubuhkan Pusat Pungutan Zakat yang diuruskan secara korporat. Konsep pengurusan ini telah diikuti oleh beberapa buah negeri iaitu Selangor, Pulau Pinang, Pahang dan Melaka. Hasil dari pengwujudan PPZ ini, pengurusan dan pentadbirannya lebih kemas dan teratur serta berjaya meningkatkan hasil pungutan zakat bagi seluruh negeri melebihi 100%.

Dengan peningkatan hasil pungutan ini maka Majlis-majlis Agama Negeri telah memperkemaskan sistem agihannya yang rapi dan pada masa ini Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dalam proses mendapatkan Sijil ISO 9000 bagi pelaksanaan sistem agihan zakat Wilayah Persekutuan. Bagi memperkemaskan lagi peraturan dan undang-undang berkaitan dengan zakat, satu undang-undang sedang digubal dan akan dibentangkan di Parlimen tidak lama lagi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Charern Intachat mencadangkan supaya ditubuhkan unit atau jabatan kaum etnik di Jabatan Perdana Menteri bagi tujuan pembangunan untuk kaum etnik minoriti khususnya masyarakat Siam. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan tidak bercadang untuk menubuhkan sebuah unit atau jabatan khas di Jabatan Perdana Menteri untuk kaum minoriti tertentu kerana dalam perancangan serta pelaksanaan program dan projek pembangunan, semua aspek pembangunan sosio-ekonomi penduduk setempat telah diambil kira dan matlamat semua. Usaha kerajaan adalah bagi faedah semua rakyat tanpa mengira kaum.

Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Chin Fook Weng dan Yang Berhormat Senator Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman meminta kerajaan membuat kajian terperinci untuk meyakinkan rakyat bahawa sesuatu projek penswastaaan itu memberi faedah kepada rakyat dan memastikan syarikat-syarikat yang melaksanakan projek penswastaaan itu mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh. Untuk makluman Yang Berhormat, adalah menjadi amalan kerajaan untuk membuat kajian terperinci sebelum membuat keputusan untuk menswastakan sesuatu projek terutamanya jika projek berkenaan melibatkan kepentingan orang ramai.

Sekiranya didapati perlu, juruperunding luar akan dilantik untuk membuat kajian berkenaan. Dalam hubungan ini, keputusan untuk menswastakan sesuatu perkhidmatan hanya akan dibuat sekiranya penswastaaan perkhidmatan berkenaan berdaya maju, dapat meningkatkan kecekapan serta berfaedah kepada rakyat dan kadar caj yang dikenakan tidak membebankan pengguna.

Berhubung dengan pemilihan syarikat pula, sebelum pemilihan dibuat, maklumat mengenai kekukuhan syarikat dari segi keupayaan kewangan dan teknikal, pengalaman syarikat dalam bidang berkaitan serta track record akan diberi perhatian yang khusus. Ini bertujuan memastikan syarikat yang dapat projek penswastaaan berupaya untuk melaksanakan projek dengan jayanya.

Walau bagaimanapun, suka saya menjelaskan kepada Yang Berhormat bahawa terdapat projek-projek penswastaaan seperti projek infrastruktur yang memerlukan pelaburan permulaan yang tinggi sedangkan tempoh mendapat pulangan balik yang panjang kerana kadar caj yang dibenarkan adalah rendah, oleh yang demikian projek tersebut tidak berdaya maju. Projek-projek seperti ini memerlukan bantuan kerajaan dalam bentuk pinjaman mudah bagi menjamin daya maju dan kadar caj yang berpatutan kepada pengguna.

Mengenai cadangan Yang Berhormat Senator Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman supaya projek-projek yang menjadi tanggungjawab sosial tidak diswastakan, misalnya, hospital-hospital kerajaan, ianya akan diteliti sewajarnya kerana penswastaaan tidak bermakna kerajaan akan mengabaikan tanggungjawab sosial yang perlu dipikul oleh kerajaan. Dalam hubungan ini, sukalah saya jelaskan bahawa cadangan pengkorporatan hospital telah pun dibatalkan sebagaimana yang telah diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan pada tahun 1999.

Yang Berhormat Senator Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman juga mencadangkan supaya kerajaan menubuhkan Pusat Maklumat Kebangsaan kerana kesukaran untuk mendapatkan maklumat mengenai pembangunan negara. Yang Berhormat juga meminta kerajaan menggubal dasar-dasar maklumat kebangsaan bagi mengembangkan lagi k-ekonomi. Untuk makluman Yang Berhormat bahawa maklumat mengenai pembangunan negara ini dikumpulkan berasaskan keperluan kerajaan dan sebahagian besar daripadanya diterbitkan untuk kegunaan awam.

Walau bagaimanapun, terdapat permintaan daripada pengguna terhadap data di peringkat mikro yang setakat ini tidak terdapat atau dikumpul secara meluas oleh agensi-agensi kerajaan. Oleh kerana itu adalah sukar bagi agensi-agensi berkenaan untuk memenuhi permintaan tersebut. Pengumpulan data pada peringkat mikro sebenarnya mempunyai implikasi kewangan yang tinggi serta mengambil masa yang lama dan kerajaan perlu mempunyai senarai keutamaan jika hendak dikumpulkan.

Mengenai cadangan Yang Berhormat supaya kerajaan menubuhkan Pusat Maklumat Kebangsaan, suka saya memaklumkan bahawa pada masa ini, kerajaan berpendapat penubuhannya adalah tidak perlu. Walau bagaimanapun, kerajaan sentiasa peka terhadap keperluan pengguna awam tentang data yang lebih terperinci pada peringkat mikro dan akan berusaha mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk memperkemaskan dan menyelaras penyebaran maklumat kepada semua pengguna dengan cara yang lebih berkesan.

Tuan Yang diPertua, Yang Berhormat Senator Dato' Haji Ahmad bin Ismail menyarankan supaya mutawif-mutawif bagi jemaah haji dilantik di kalangan mereka yang berpengalaman dan meminta supaya tambang menunaikan haji ataupun umrah dikaji kerana didapati tinggi berbanding dengan tambang ke destinasi-destinasi yang lain. Begitu juga layanan yang diberikan dalam penerbangan didapati berbeza. Untuk makluman Yang Berhormat, dalam usaha Tabung Haji memberikan keselesaan dan perkhidmatan yang baik serta perbelanjaan haji yang berpatutan kepada jemaah haji, Tabung Haji telah pun bersetuju supaya mengadakan *negotiated tender*, dengan izin, bagi penerbangan sewa iaitu *chartered* haji dengan syarikat-syarikat penerbangan tempatan seperti MAS, Transmile Air dan Air Asia.

Tabung Haji telah memutuskan supaya urusan penerbangan sewa haji diberikan kepada Air Asia pada 1419H dan 1420H dan penerbangan Saudia di mana

mempunyai hak membawa 50% jemaah haji daripada kuota yang ditetapkan oleh kerajaan Arab Saudi.

Yang Berhormat Senator Dato' Haji Ahmad bin Ismail juga membangkitkan adanya pegawai-pegawai kerajaan yang tidak menyokong kerajaan. Akibatnya, pelaksanaan dasar-dasar kerajaan mengalami kegagalan. Yang Berhormat menyarankan supaya kerajaan mencari jalan mendampingi pegawai-pegawai kerajaan dan mencadangkan supaya diadakan majlis dialog di semua jabatan dan agensi-agensi kerajaan.

Kerajaan mengucapkan terima kasih di atas cadangan yang diutarakan oleh Yang Berhormat itu. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan akan meningkatkan usaha untuk mendampingi pegawai-pegawai kerajaan dengan mengadakan dialog dan pertemuan bagi menerangkan dasar-dasar kerajaan supaya difahami oleh mereka untuk dilaksanakan. Langkah-langkah juga akan diambil untuk meningkatkan sifat profesional di kalangan pegawai kerajaan supaya tidak mencampur-adukkan pendirian politik persendirian di dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan sebagai seorang penjawat kerajaan.

Yang Berhormat Senator Puan Jamilah binti Ibrahim meminta kerajaan memandang serius mengenai peranan "dwiwanita" iaitu sebagai ibu dan pekerja. Sehubungan dengan itu, Yang Berhormat mencadangkan supaya diadakan kursus-kursus kemahiran keibubapaan secara percuma atau dikenakan bayaran paling minimum. Mewujudkan pusat-pusat asuhan anak-anak di tempat kerja dan pekerja wanita hanya bekerja di siang hari. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan telah menyedari bahawa wanita mempunyai dua peranan yang sama penting untuk membangunkan masyarakat dan negara.

Bagi mengupayakan wanita supaya mencapai kecemerlangan dalam dua bidang tersebut, kerajaan melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara telah pun melaksanakan kursus kemahiran keibubapaan secara percuma. Kerajaan juga amat prihatin terhadap pentingnya peranan ibu-ibu yang bekerja di sektor awam dan kerajaan telah menyediakan peruntukan untuk membantu setiap kementerian ataupun jabatan menyediakan pusat asuhan kanak-kanak di tempat kerja. Bagi pihak swasta, HAWA sentiasa bekerja dengan Kementerian Sumber Manusia untuk menggalakkan agensi-agensi swasta supaya mewujudkan pusat asuhan kanak-kanak.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Siti Hawa binti Mohd Nor membangkitkan peranan dan fungsi HAWA. Sehubungan dengan itu, Yang Berhormat mencadangkan supaya khidmat Jawatankuasa Perunding Hal Ehwal Wanita diperkemaskan dengan mewujudkan Pusat Khidmat HAWA dengan kakitangan dan pejabat yang tetap di peringkat negeri dan daerah serta menambahkan peruntukan kepada Jabatan HAWA ini. Untuk makluman Yang Berhormat, bahawa kerajaan telah menyediakan peruntukan bagi mewujudkan pejabat Jawatankuasa Perunding Hal Ehwal Wanita dan Pusat Khidmat Wanita di setiap negeri.

Selain daripada itu, peruntukan untuk semua Jabatan HAWA juga akan ditambah. Pada tahun 1999, kerajaan telah membeli empat buah bangunan untuk dijadikan pejabat dan pusat khidmat wanita iaitu di Kedah, Sabah, Kelantan dan Pahang. Manakala bagi tahun 2000, tujuh buah bangunan akan dibina dan projek ini akan diteruskan pada tahun 2001.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Malek bin Haji Abdul Ghani meminta supaya kerajaan menubuhkan jawankuasa untuk mengkaji mengapa para pesara tidak berminat untuk aktif dalam badan-badan kebajikan dan mencadangkan supaya mereka diberi kaunseling yang sesuai.

Untuk makluman Yang Berhormat, bahawa kerajaan sedar, pesara-pesara memerlukan kaunseling supaya pengalaman dan kepimpinan mereka dapat digunakan secara produktif semasa persaraan. Ke arah ini, Jabatan Perkhidmatan Awam telah menganjurkan Program Persediaan Persaraan kepada bakal pesara sejak tahun 1999 bagi tujuan membantu mereka menghadapi alam persaraan dari segi psikologi, mental serta emosi. Mereka juga diberi taklimat tentang penjagaan kesihatan, pemakanan, peluang kerjaya selepas bersara serta penglibatan dalam badan-badan kebajikan dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan. Program ini adalah berterusan demi kebaikan dan kesejahteraan pesara.

Yang Berhormat Senator Dato' Ting Check Sii membangkitkan mengenai cuti hari Sabtu pada minggu pertama dan ketiga setiap bulan mengelirukan orang awam untuk berurusan dengan pejabat-pejabat kerajaan. Sehubungan dengan itu, Yang Berhormat telah mencadangkan supaya waktu bekerja pejabat hanya lima hari seminggu, Isnin hingga Jumaat. Untuk makluman Yang Berhormat, sekiranya hari kelepasan am jatuh pada hari rehat Sabtu, maka hari Sabtu pada minggu berikutnya dijadikan hari rehat. Ini adalah kerana waktu bekerja untuk hari Sabtu yang dijadikan

hari rehat, Sabtu itu telah diganti oleh anggota perkhidmatan awam pada hari-hari bekerja yang lain.

Kerajaan telah melaksanakan waktu bekerja berperingkat di Wilayah Persekutuan di mana pejabat dibuka pada hari Isnin hingga Jumaat dari jam 7.30 pagi hingga 4.45 petang. Manakala pada hari Sabtu, mulai jam 7.30 pagi hingga 1.15 tengah hari. Dengan perlaksanaan WBB ini, waktu pejabat bertambah panjang dan pejabat dibuka pada waktu rehat makan tengah hari. Pelanggan masih dapat berurusan dengan jabatan walaupun pada waktu rehat. Kerajaan belum membuat keputusan untuk melaksanakan WBB di seluruh negara. Kerajaan pada masa ini belum bercadang untuk melaksanakan waktu bekerja sebanyak 5 hari seminggu. Bagi jabatan yang banyak berurusan dengan orang ramai dan tidak melaksanakan WBB, Ketua Jabatan telah pun menetapkan waktu bekerja secara begitu bergilir-gilir untuk memastikan perkhidmatan kaunter diberi sepanjang waktu pejabat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Tan Ah Eng mencadangkan supaya waktu bekerja bagi wanita berkeluarga dibuat lebih awal termasuk waktu rehat tengah hari. Untuk makluman Yang Berhormat, peraturan sedia ada berhubung waktu bekerja tidak membezakan antara lelaki dan wanita. Dengan ini cadangan supaya waktu bekerja bagi wanita lebih awal tidak dapat diterima.

Yang Berhormat Senator Datuk Aziz Abdul Rahman mencadangkan supaya diperluaskan pemberian biasiswa ..... Mengenai cadangan Yang Berhormat supaya kerajaan menubuhkan Pusat Maklumat Kebangsaan, suka saya ... minta maaf..... Tuan Yang di-Pertua saya rasa itu sahajalah perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri yang sempat saya jawab dan mana-mana perkara yang tidak sempat dijawab perkara tersebut telah dicatat dan akan diambil tindakan sewajarnya oleh Jabatan Perdana Menteri. Sekian terima kasih.

**Dato' Michael Chen Wing Sum:** Saya minta Yang Berhormat dari Kementerian Dalam Negeri menjawab.

**12.32 tgh.**

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Chor Chee Heung]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang telah pun membahaskan Belanjawan 2000 dan mengenai perkara-

perkara yang menyentuh bidang kuasa dan tanggungjawab Kementerian Dalam Negeri akan saya memberikan penjelasan yang sewajarnya.

Datuk Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Nosimah binti Hashim ingin tahu sama ada pihak polis memberi kerjasama sepenuhnya dalam kes-kes di bawah Akta Keganasan Rumah Tangga yang telah dilaporkan. Untuk makluman Yang Berhormat, semenjak Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 dilaksanakan mulai 1 Jun 1996 pihak polis sememangnya memberikan kerjasama sepenuhnya dalam menguatkuasakan akta tersebut. Jumlah laporan kes keganasan rumah tangga yang diterima oleh pihak polis semenjak ianya mula dikuatkuasakan adalah sebanyak 17,155 kes dan dari jumlah tersebut sebanyak 1,893 kes telah diambil tindakan mahkamah dan begitu banyak masih dalam siasatan polis. Ini menunjukkan bahawa polis adalah sebuah pasukan yang profesional dan sentiasa memberikan komitmen mereka dalam menguatkuasakan sebarang akta yang telah pun diamanahkan kepada mereka.

Datuk Yang di-Pertua, hasrat untuk menubuhkan sebuah Majlis Media ataupun Press Council, dengan izin sebagaimana yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Zainuddin bin Maidin adalah sesuatu yang baik. Kementerian Dalam Negeri telah mengadakan satu mesyuarat pada 11 Ogos 1999 iaitu tahun lepas yang dihadiri oleh agensi-agensi kerajaan dan wakil-wakil pengaman media di negara kita termasuk Yang Berhormat Datuk Zainuddin bin Maidin bagi membincangkan cadangan penubuhan Majlis Media Kebangsaan. Mesyuarat tersebut telah pun bersetuju supaya beberapa ciri perlu ada dalam penubuhan Majlis Media yang mengandungi elemen-elemen berikut:

- (i) Ianya dikendalikan oleh pihak media sendiri
- (ii) Tiada campur tangan kerajaan.
- (iii) Meliputi media cetak dan media elektronik .
- (iv) Bukan bertujuan untuk menyekat kebebasan akhbar.
- (v) Menjaga kualiti industriewartawanan
- (vi) Perlu ada sebuah akta profesional media untuk keberkesanan pelaksanaan.

Datuk Yang di-Pertua, mesyuarat tersebut telah pun bersetuju melantik Institut Akhbar Malaysia menjalankan inisiatif bagi mengatur satu mesyuarat di kalangan pengamal media untuk membincangkan penubuhan Majlis Media Kebangsaan

berpandukan kepada ciri-ciri yang dinyatakan sebentar tadi. Untuk makluman Yang Berhormat setakat ini kementerian masih belum menerima sebarang maklum balas dari Institut Akhbar Malaysia.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Karim bin Salleh pula menyatakan kehadiran pendatang asing di negara ini menimbulkan berbagai masalah kepada rakyat. Beliau seterusnya mencadangkan supaya kerajaan mengambil langkah-langkah tambahan yang lebih tegas untuk mencegah kemasukan pendatang asing secara tidak teratur di negara kita. Mengenai cadangan Yang Berhormat itu, sukalah ditegaskan di sini bahawa peruntukan hukuman yang berat termasuk denda yang tinggi, hukuman penjara dan hukuman sebat memang ada termaktub di bawah undang-undang Imigresen yang telah diguna pakai iaitu Akta Imigresen 1959 (Akta 155).

Pada kesimpulannya Datuk Yang di-Pertua, sukalah saya menegaskan walaupun dengan mengadakan peruntukan hukuman yang berat termasuklah hukuman penjara atau sebat mandatori sekalipun ianya tidak akan memberikan kesan seperti yang diharapkan bagi membendung kemasukan pendatang asing secara tidak teratur sekiranya orang ramai masih tidak memberi kerjasama kepada pihak kerajaan untuk menangani masalah tersebut.

Kemasukan pendatang asing ke negara ini adalah disebabkan adanya permintaan yang lebih tinggi daripada majikan tempatan untuk mengambil mereka tanpa mengambil kira kepentingan negara. Mereka sanggup menggaji pekerja asing tanpa permit yang sah semata-mata untuk mengaut keuntungan. Di sini sukalah saya menyeru kepada semua pihak termasuk kepada Ahli-ahli Yang Berhormat juga supaya dapat menasihati orang ramai agar tidak mengambil pekerja asing secara tidak teratur ataupun pekerja asing yang haram. Orang-orang asing tidak akan datang ke negara ini dengan sanggup menghadapi pelbagai risiko sekiranya tiada orang yang akan memberi mereka pekerjaan dan percayalah sekiranya mereka tidak dapat mencari rezeki di negara ini mereka tidak akan datang.

Datuk Yang di-Pertua, Senator Tuan Haji Gapar menyeru kerajaan mengambil langkah-langkah tambahan dan usaha memerangi dadah. Mengenai perkara ini, masalah penagihan dadah memanglah berada di tahap yang membimbangkan tetapi ianya masih terkawal dan kita berupaya membendungnya. Langkah-langkah telah

pun diambil untuk meningkat dan memperkembangkan strategi utama untuk memerangi dadah iaitu aspek pencegahan, rawatan dan pemulihan serta penguatkuasaan.

Pendekatannya yang memberi penekanan kepada dua faktor utama iaitu pengurangan bekalan dan juga pengurangan permintaan telah pun disusun dan telah pun dilaksanakan ke arah matlamat melahirkan masyarakat bebas dari dadah.

Datuk Yang di-Pertua, bagi merealisasikan misi tersebut kerajaan telah pun melaksanakan program pendidikan pencegahan dadah mulai daripada tadika, sekolah rendah dan menengah hingga ke institusi pengajian tinggi melalui kurikulum dan juga kokurikulum dan mengenai program kesedaran melalui masjid-masjid kerajaan melalui JAKIM dan Majlis Islam Negeri-negeri telah pun mengadakan pembacaan khutbah bagi menyampaikan mesej antidadah di samping mengadakan ceramah-ceramah.

Pihak penguat kuasa juga sentiasa memberi perhatian yang serius tentang masalah yang diketengahkan dengan menjalankan operasi-operasi secara berterusan untuk menangkap dan memberkas pengedar dan penagih dadah. Sehubungan dengan itu kementerian ini amat berterima kasih kepada Yang Berhormat yang telah pun menyarankan betapa perlunya semua pihak seperti ibu bapa dan masyarakat bekerjasama memerangi masalah penagihan dadah. Kempen antidadah secara berterusan akan diadakan untuk menggerakkan lagi semua pihak memainkan peranan masing-masing termasuk pihak-pihak yang bertanggungjawab dalam aspek pendidikan rohani dan keagamaan.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, Senator Tuan Haji Gapar dan juga Yang Berhormat Senator Datuk Christina Tibok Vanhouten menyeru kerajaan memperkukuhkan lagi kawalan keselamatan di seluruh negara berikutan kejadian penculikan yang berlaku di Pulau Sipadan dan beberapa kejadian lain yang telah berlaku di kawasan-kawasan berhampiran Kudat, Lahad Datu dan Semporna di negeri Sabah.

Berhubung dengan perkara ini, pihak keselamatan sentiasa mengambil langkah-langkah keselamatan bersesuaian dengan keadaan setempat termasuklah bagi kawasan-kawasan di Sabah. Tindakan membanteras kegiatan-kegiatan seperti penculikan, keganasan, rompak bersenjata dan lain-lain berjalan secara berterusan. Pihak kerajaan tidak pernah mengabaikan mana-mana tempat awam yang memerlukan perlindungan dan sebagainya. Rondaan-rondaan diadakan di sepanjang

perairan Malaysia dengan negara-negara jiran. Ini kesemuanya adalah bagi memastikan keselamatan perairan negara ini terjamin dan bebas dari kegiatan lanun-lanun, penyeludupan dan lain-lain. Setakat ini kerjasama erat diberikan oleh negara-negara jiran yang turut menjalankan rondaan bersendirian ataupun secara bersama.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat perlu yakin bahawa tindakan-tindakan keselamatan yang diambil oleh pihak kerajaan setakat ini telah berjaya mengurangkan kegiatan-kegiatan yang tidak diingini itu. Kerajaan sentiasa memberi keutamaan kepada keselamatan rakyat supaya mereka dapat menjalankan aktiviti-aktiviti tanpa sebarang perasaan takut atau bimbang di mana-mana sahaja di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pandangan dan saranan Yang Berhormat Senator Datuk Joseph Balan Seling, tindakan melupuskan kad pengenalan yang telah siap dikeluarkan tetapi telah tidak diambil oleh pemiliknya selepas tempoh 18 bulan adalah diperuntukkan di bawah Peraturan 26 Peraturan-peraturan Pendaftaran Negara 1990. Walau bagaimanapun, Jabatan Pendaftaran Negara akan mengkaji dengan teliti sebelum tindakan pelupusan dibuat.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat agar dibolehkan pihak penghulu atau juga wakil rakyat mewakili pemohon untuk mengambil kad pengenalan yang telah siap, pihak Jabatan Pendaftaran Negara masih tidak dapat memersetujui cadangan ini. Ini adalah disebabkan atas alasan undang-undang yang tidak membenarkan kad pengenalan tersebut dipegang atau disimpan oleh orang lain kecuali pegawai-pegawai yang mempunyai kuasa.

Yang Berhormat Senator Mustaffa Kamal mahukan Polis Diraja Malaysia bekerjasama seerat-eratnya dengan polis antarabangsa (Interpol) untuk membawa balik ke negara ini tokoh-tokoh politik yang dikatakan melakukan jenayah untuk diadili. Berhubung perkara ini, PDRM sememangnya sentiasa komited dalam memerangi sebarang bentuk jenayah di peringkat antarabangsa, tidak kira sama ada jenayah kolar biru ataupun kolar putih. Jalinan kerjasama dalam memerangi jenayah di peringkat antarabangsa dengan negara-negara luar ini sememangnya sedia terjalin melalui jaringan Interpol. Kerajaan juga tidak teragak-agak untuk menghadapkan sesiapa sahaja ke muka pengadilan tanpa mengira status sama ada dianya adalah ahli politik, perniagaan ataupun rakyat biasa sekiranya terdapat bukti yang kukuh untuk mendakwa mereka di mahkamah.

Seperkara lagi juga mengenai Polis Diraja Malaysia, Yang Berhormat Senator Dato' Haji Ahmad bin Ismail menyeru PDRM mempertingkatkan lagi usaha untuk mengembalikan keyakinan rakyat terhadap pasukan polis. Untuk makluman Yang Berhormat, pihak polis sememangnya sentiasa berusaha untuk meningkatkan lagi imej pasukannya. Bagi mencapai tujuan tersebut berbagai-bagai usaha telah pun dijalankan seperti mengadakan Program Polis Mesra Rakyat yang merupakan satu elemen baru dalam PDRM untuk memberikan satu perkhidmatan yang mesra kepada rakyat. Walau bagaimanapun, pendekatan mesra yang diambil oleh PDRM ini tidak bermaksud polis akan berkompromi dengan sebarang perbuatan jenayah ataupun sebarang perbuatan yang boleh menggugat keselamatan dan keamanan negara serta menjejaskan profesionalisme mereka. Di samping itu, kerjasama di antara polis dan badan-badan bukan kerajaan juga kerap dijalankan untuk mewujudkan persefahaman bersama di dalam usaha membanteras kegiatan jenayah dan mengembalikan keyakinan semua peringkat rakyat terhadap pihak PDRM.

Berkenaan kos bagi mendapatkan perkhidmatan pembantu rumah asing yang dikatakan tinggi oleh Yang Berhormat Senator Dato' Haji Ahmad bin Ismail, sukalah saya memaklumkan iaitu para majikan boleh mengambil pembantu rumah asing terus daripada negara sumber sekiranya ingin menjimatkan kos ataupun melalui agensi pembantu rumah. Di antara agensi-agensi pembantu rumah ini pula ada yang mengenakan bayaran yang tinggi dan ada yang berpatutan. Oleh itu, majikan adalah bebas menggunakan budi bicara sendiri untuk mengambil agen yang mereka mampu.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini kerajaan tidak menetapkan dasar membenarkan seorang sahaja pembantu rumah bagi seorang majikan. Walau bagaimanapun, sekiranya majikan berkenaan berkemampuan dan bercadang untuk menggunakan lebih daripada seorang pembantu rumah atas sebab-sebab yang munasabah, permohonan bolehlah dibuat kepada Kementerian Dalam Negeri untuk mendapatkan persetujuan ataupun kelulusan Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri.

Yang Berhormat Senator Puan Chew Poh Thoi membangkitkan perkara mengenai kesulitan yang dihadapi oleh wanita asing yang berkahwin dengan rakyat negara ini. Untuk makluman Yang Berhormat, mengikut undang-undang di negara ini sama ada undang-undang perkahwinan Islam ataupun bukan Islam, tidak menghalang warganegara berkahwin dengan warganegara asing. Bagi mereka yang telah berkahwin dan menetap di negara luar, kemudahan untuk menetap dan sebagainya

tertakluk kepada negara tersebut. Bagi isteri yang berkahwin dengan suami yang bertaraf warganegara akan diberikan kemudahan untuk tinggal di negara ini kecuali mereka yang ada bukti menunjukkan yang mereka tidak sesuai menetap di negara ini.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Chew Poh Thoi juga meminta kerajaan mengatasi masalah kelewatan menguruskan kemasukan pelancong dari negara China di pintu-pintu masuk ke negara ini seperti mana yang beliau nyatakan telah berlaku di Johor. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan ada menyediakan kemudahan Imigresen yang diberikan khusus kepada pelancong-pelancong warganegara Republik Rakyat China di pintu-pintu masuk tertentu di negara ini tanpa mereka perlu mendapatkan visa Malaysia di Pejabat Perwakilan Malaysia di luar negeri terlebih dahulu. Kemudahan ini, Tuan Yang di-Pertua, adalah yang dikenali sebagai visa on arrival, dengan izin, dan boleh diberikan dengan syarat pelancong-pelancong berkenaan mempunyai visa untuk Negara Ketiga terutamanya negara-negara jiran seperti Thailand dan Singapura. Antara syarat yang ditetapkan bagi mendapatkan kemudahan visa on arrival ialah:

- (i) penganjur mengemukakan permohonan dengan menyertakan butir-butir pelancong berkenaan sekurang-kurangnya 24 jam sebelum kemasukan pelancong tersebut;
- (ii) masuk melalui pintu-pintu masuk tertentu sahaja iaitu Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Kota Kinabalu, Kuching, Langkawi dan laluan darat di Tambak Johor, Tanjong Puteri. Laluan Kedua Johor, Padang Besar, Bukit Kayu Hitam, Pengkalan Hulu dan Rantau Panjang;
- (iii) masuk secara berkumpulan iaitu sekurang-kurangnya dua orang dan dijemput di pintu masuk oleh pihak penganjur iaitu agensi pelancongan yang berdaftar di Kementerian Dalam Negeri;
- (iv) bayaran visa dijelaskan di pintu masuk; dan
- (v) pelancong berkenaan tidak tergolong sebagai imigran larangan.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja penjelasan saya dan sekiranya masih terdapat perkara-perkara lain yang tidak disentuh pihak kementerian akan mengambil perhatian dan tindakan sewajarnya. Sekian.

**Dato' Michael Chen Wing Sum:** Saya minta Yang Berhormat dari Kementerian Pengangkutan menjawab.

**12.47 tgh.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor, Yang Berhormat Datuk William Lau Kung Hui, Yang Berhormat Dato' Lee Pit Chern, Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad bin Ismail, Yang Berhormat Haji Gapar bin Gurrohu dan Yang Berhormat Datuk Haji Karim Ghani yang telah menyentuh mengenai bidang kuasa Kementerian Pengangkutan semasa berucap di sesi perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tahun 2000 ini. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk memberikan penjelasan ke atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh semua Ahli Yang Berhormat tersebut.

Yang Berhormat Senator Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor telah membangkitkan mengenai tumpahan minyak di Selat Melaka dan beliau bertanya sama ada kerajaan perlu menanggung segala kos pembersihan serta tahap keseriusan masalah tersebut setakat ini. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, Malaysia telah meratifikasikan Civil Liability Convention (CLC) 1969 dan Fund Convention (FUND) 1971 sejak 6 April 1995 di mana kedua-duanya merupakan convention International Maritime Organization (IMO). Konvensyen ini membolehkan Malaysia membuat tuntutan akibat kerosakan pencemaran minyak ekoran sesuatu insiden. Di bawah CLC 1969, Malaysia boleh menuntut sehingga US\$20 juta daripada pihak insurans kapal sementara di bawah FUND 1971 pula, Malaysia boleh menuntut sehingga US\$85 juta daripada Tabung Pampasan Tumpahan Minyak.

Malaysia juga sedang dalam tindakan untuk meratifikasikan CLC 92 dan Fund 92 di mana had pampasan lebih tinggi iaitu USD84 juta dan USD190 juta masing-masing. Masalah pencemaran minyak tidaklah serius di mana belum ada pelanggaran kapal tangki di perairan Selat Melaka. Kos bagi insiden-insiden lepas yang melibatkan insiden di perairan negara-negara jiran tetapi minyaknya mengalir masuk ke dalam perairan Malaysia tidak dapat ditentukan dengan muktamad.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk William Lau Kung Hui pula ingin tahu mengenai kejadian kebakaran di pejabat JPJ, Sibul dan bertanya sama ada kawalan keselamatan di pejabat berkenaan mencukupi dan jenis anggota keselamatan yang ditempatkan sama ada swasta atau kerajaan serta jika dia ada kaitan

dengan dua orang pengawal JPJ, Sibuj yang ditangkap dalam kes pemalsuan dokumen berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya maklumkan bahawa pada masa ini kawalan keselamatan di Pejabat JPJ, Sibuj adalah dikontrakkan kepada sebuah syarikat swasta. Perkhidmatan kawalan keselamatan yang diberikan oleh pihak syarikat itu adalah mencukupi di mana ianya merupakan kawalan secara 24 jam yang melibatkan lima orang anggota keselamatan pada setiap hari secara bergilir-gilir.

Berhubung dengan punca kejadian kebakaran di Pejabat JPJ, Sibuj yang dikatakan ada kaitan dua orang pegawainya yang ditangkap dalam kes pemalsuan dokumen, sukalah saya maklumkan kepada Yang Berhormat bahawa masih terlalu awal untuk mengesahkannya kerana kejadian tersebut masih lagi berada dalam siasatan pihak polis.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk William Lau Kung Hui dan Yang Berhormat Datuk Haji Karim Ghani ada mencadangkan supaya penerbangan MAS ke Sabah dan Sarawak ditambah sebagai satu usaha untuk meningkatkan integrasi nasional.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini MAS mengadakan sebanyak 49 penerbangan seminggu secara terus di antara Kuala Lumpur dan Kota Kinabalu dan 61 penerbangan secara terus antara Kuala Lumpur dan Kuching. Dalam hal ini, MAS sentiasa memantau pengaliran trafik antara Semenanjung Malaysia dan Sabah-Sarawak dan sekiranya perlu akan menambah penerbangan-penerbangan berjadual. Dalam keadaan-keadaan tertentu, MAS juga bersedia untuk mengadakan penerbangan-penerbangan tambahan bergantung kepada permintaan.

Di samping itu, untuk meningkatkan integrasi nasional, MAS telah memperkenalkan pelbagai pakej tambang istimewa dan diskaun bagi perjalanan antara Semenanjung Malaysia dan Sabah-Sarawak. Misalnya, tambang group trees dengan potongan sebanyak 50%, tambang naik tourist dengan potongan sebanyak 30% dan tambang excursion dengan potongan sebanyak 21%.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Haji Karim Ghani dan juga Yang Berhormat Senator Datuk William Lau Kung Hui seterusnya ada mencadangkan supaya tambang penerbangan ke Sabah dan Sarawak dikurangkan dan beliau berpendapat untuk mengkaji cadangan tersebut disoalkan supaya satu jawatankuasa

ditubuhkan yang dianggotai oleh Kementerian Pengangkutan, Pegawai Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak pegawai MAS. Dato' Lee Pit Chern pula mencadangkan tambang kapal terbang untuk sektor domestik dikurangkan dan cukai lapangan terbang domestik juga dihapuskan.

Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya memaklumkan di sini bahawa cadangan Yang Berhormat tersebut supaya tambang penerbangan domestik dikurangkan termasuk bagi Sabah dan Sarawak. Kerajaan sebenarnya telah pun meminta pihak MAS mengemukakan cadangan-cadangan bagi memperbaiki keadaan ini dan kerajaan akan menimbangakan struktur tambang yang bersesuaian.

Mengenai cadangan Yang Berhormat Senator Dato' Lee Pit Chern supaya kadar tambang untuk sektor domestik dikurangkan dan cukai lapangan terbang domestik pula dihapuskan, untuk makluman Dewan yang mulia ini, pada masa sekarang kerajaan tidak ada cadangan untuk menghapuskan cukai lapangan terbang bagi penerbangan domestik. Kadar RM5 seorang yang dikenakan sekarang adalah minimum dan munasabah.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk William Lau Kung Hui juga mencadangkan supaya aero-bridge yang berada di Terminal Satu, Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang dipindahkan bagi kegunaan KLIA.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, KLIA tidak memerlukan sebarang aero-bridge tambahan dan dengan demikian soal untuk memindahkan aero-bridge dari Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang bagi kegunaan KLIA seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat Senator William adalah tidak berbangkit.

Walau bagaimanapun, untuk makluman Yang Berhormat aero-bridge yang berada di Terminal Satu, Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang telah ditanggalkan atau dismantled dengan izin, dan dipasangkan untuk digunakan di Lapangan Terbang Kuching, Labuan, Sibuan dan dua lagi di Sandakan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad bin Ismail telah membangkitkan bahawa tambang MAS ke Mekah adalah tinggi berbanding dengan destinasi lain yang lebih panjang perjalanannya. Begitu juga tahap perkhidmatan dan layanan dari segi sajian adalah tidak sama taraf dengan penerbangan biasa. Layanan business class bagi penerbangan ke Mekah adalah sama dengan kelas ekonomi. Sehubungan dengan itu, beliau MAS dan Kementerian Pengangkutan mengkaji dan

menimbang semua kadar tambang yang dikenakan bagi penerbangan ke Mekah serta juga makanan yang disajikan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penumpang-penumpang dari Malaysia yang ingin membuat perjalanan ke Mekah pada masa sekarang hendaklah membuat demikian melalui penerbangan ke Jeddah. Dalam hal ini, tambang ekonomi rasmi penerbangan Malaysia MAS bagi sektor Kuala Lumpur-Jeddah adalah RM3,111 sehalu. Bagi sektor antarabangsa, tambang pesawat biasanya adalah lebih rendah dari tambang rasmi kerana dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti under cutting of fares dengan izin, oleh syarikat-syarikat penerbangan yang bersaing di atas sektor-sektor berkenaan.

Memandangkan yang demikian, mungkin terdapat keadaan-keadaan di mana tambang pasaran destinasi-destinasi tertentu yang lebih jauh perjalanan mungkin lebih rendah berbanding dengan tambang di antara Kuala Lumpur dan Jeddah.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini adalah tidak benar sajian kelas bisnes MAS atas sektor Kuala Lumpur-Jeddah sama dengan kelas ekonomi. Tahap perkhidmatan MAS dalam kelas bisnes adalah sama bagi semua destinasi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Gapar ada membangkitkan mengenai penglibatan orang tengah dalam urusan kaunter di pejabat-pejabat kerajaan seperti sekolah-sekolah memandu yang membuat urusan secara berkelompok untuk klien mereka dan ini menyebabkan isu queue yang panjang oleh klien secara individu. JPJ diminta untuk menyediakan kaunter berasingan untuk sekolah-sekolah memandu dan klien individu tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini setiap pejabat JPJ negeri dan cawangan telah pun mengadakan perkhidmatan kaunter yang mengambil kira keperluan dan kepentingan semua para pelanggannya, tidak kira sama ada yang berurusan secara individu ataupun yang berurusan secara berkelompok atau pelanggan yang tertentu. Bagi memastikan perkhidmatan yang disebutkan itu dapat memenuhi keperluan pihak-pihak yang terlibat, JPJ telah menyediakan kaunter dengan jumlah yang mencukupi. Dalam hal ini, kaunter khas yang disediakan untuk urusan secara berkelompok atau berkumpulan itu juga turut menerima urusan yang berkaitan dengan sekolah memandu dan hal-hal yang berkaitan dengan pendaftaran serta insurans kenderaan secara berkelompok daripada agensi-agensi yang berkenaan. Justeru itu,

tidak timbul masalah individu terpaksa beratur panjang ketika mendapat perkhidmatan yang diperlukan di mana-mana pejabat JPJ.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja penjelasan saya berhubung dengan perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan. Sekiranya masih terdapat perkara-perkara yang tidak jelas, maka Ahli-ahli Yang Berhormat dijemput berhubung terus dengan saya dan saya berjanji akan memberi penjelasan secara bertulis jika perlu dari masa ke semasa. Sekian, terima kasih.

**Dato' Michael Chen Wing Sum:** Ahli-ahli Yang Berhormat, majlis ini ditempohkan sehingga pukul 2.30 petang ini.

*Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.*

*Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.*

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Kerja Raya menjawab.

**2.32 ptg.**

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh mengenai tanggungjawab Kementerian Kerja Raya semasa membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2000.

Yang Berhormat. Senator Zainal Rampak telah membangkitkan soal bayaran tol yang tidak seharusnya begitu tinggi dan membebankan rakyat. Beliau juga mahu supaya kerajaan tidak memperbaharui perjanjian konsesi dengan mana-mana syarikat apabila tamat tempohnya. Beliau juga meminta kerajaan mengambil alih peranan mengutip tol dengan tujuan untuk mengurangkan kadar bayaran tol.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat mengenai soalan bayaran tol yang terlalu tinggi dan kekerapan kenaikan bayaran tol di beberapa lebuhraya yang lain, kerajaan bersetuju supaya kadar tol dan terma-terma konsesi dikaji semula dan telah mengadakan rundingan dengan beberapa syarikat konsesi seperti PLUS Bhd untuk Lebuhraya Utara-Selatan, Besraya Sdn Bhd. untuk Lebuhraya Sungai Besi dan MTD Sdn. Bhd. untuk Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak. Hasilnya, syarikat-syarikat konsesi tersebut telah bersetuju untuk tidak menaikkan kadar tol dengan meminda struktur tol, tambahan tempoh perjanjian konsesi dan berkongsi hasil tol syarikat konsesi dengan kerajaan. Kerajaan masih di peringkat perundingan

dengan syarikat-syarikat konsesi yang lain seperti Elite Sdn. Bhd. untuk Lebuhraya Utara-Selatan Hubungan Tengah dan Link Kedua Sdn. Bhd. untuk Lebuhraya Laluan Kedua Malaysia-Singapura bagi menstrukturkan semula kadar tol.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, pada masa ini kerajaan tidak bercadang untuk menilai semula kadar tol di Jalan Pahang dan Jalan Kuching. Bagi jalan Pahang, perjanjian konsesi di antara Dewan Bandaraya dengan Tetuan Metramac Corporation Sdn. Bhd. yang bermula pada 1 Ogos 1995 akan tamat pada 31 Mac 2004. Kutipan tol hanya dikenakan sehala iaitu jalan masuk ke pusat bandar atas kadar cuma 50 sen sahaja.

Bagi jalan Kuching, tempoh kutipan tol akan tamat pada 7 Januari 2003. Projek ini telah diswastakan pada 15 April 1985. Tempoh konsesi asal bagi projek penswastaaan jalan Kuching ini sepatutnya telah tamat pada 7 Januari 1996. Walau bagaimanapun, Kerajaan telah memutuskan untuk melanjutkan tempoh konsesi dengan mengarahkan syarikat konsesi iaitu Kamunting Corporation Bhd. melaksanakan kerja-kerja tambahan di luar skop asal perjanjian konsesi. Kerja-kerja tambahan yang dilaksanakan ialah memperbaiki dan mempertingkatkan jalan Kuching dan pembinaan persimpangan bertingkat di bulatan Kepong. Kos kerja-kerja tambahan ini ialah sebanyak RM14,591,914.19. Tempoh konsesi telah dilanjutkan selama 7 tahun bagi membolehkan syarikat konsesi mendapat kembali perbelanjaan melaksanakan kerja-kerja tambahan tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kadar tol di jalan Kuching ialah secara kadar tetap di sepanjang tempoh konsesi iaitu cuma 50 sen untuk kenderaan ringan dan RM1 untuk kenderaan berat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Joseph Balan Seling telah membangkitkan perkara mengenai pembinaan trunk road di negeri Sarawak terutamanya di antara Miri-Limbang dipercepatkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sememangnya cuba mempercepatkan pelaksanaan penyediaan kemudahan infrastruktur terutamanya jalan raya di negeri Sarawak. Bagi permohonan supaya pembinaan trunk road di antara Miri-Limbang dipercepatkan, kementerian akan meneliti permohonan tersebut. Secara jangka panjang, kerajaan mempunyai rancangan untuk membina jalan baru dari Beluru di Miri ke Nanga Medamit di Limbang sepanjang 178 kilometer. Pada masa ini projek pembinaan jalan adalah di sebelah Miri iaitu di antara jalan Beluru ke

Long Teru dan Long Lama sahaja. Kerajaan akan mempertimbangkan untuk mempercepatkan pelaksanaan projek ini dalam Rancangan Malaysia akan datang tertakluk kepada jumlah peruntukan yang diberi kepada kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Christina Tibok Vanhouten telah membangkitkan perkara mengenai pembinaan jalan-jalan baru di negeri Sabah serta mencadangkan kerajaan memperbaiki dan menyelenggarakan jalan-jalan sedia ada di Sabah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya sedang membina beberapa jalan baru di negeri Sabah di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh dan akan terus membina jalan-jalan baru di negeri tersebut di bawah Rancangan Malaysia Kelapan dan berikutnya. Untuk makluman, kementerian ini bukan sahaja membina jalan-jalan baru malah juga melaksanakan projek-projek membaiki pulih dan menaik taraf jalan di negeri Sabah.

Jumlah peruntukan yang disediakan oleh kementerian ini untuk projek-projek jalan di negeri Sabah di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh adalah melebihi RM1.3 bilion dan kini kementerian ini sedang dalam proses menyediakan senarai projek-projek yang hendak dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kelapan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara-perkara seperti yang telah dibentangkan tadi. Juga, bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengan kementerian ini tetapi tidak sempat dijawab, kementerian saya akan memberi perhatian sepenuhnya. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia.

**2.40 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia**

**[Tuan Chia Kwang Chye]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berucap dan membangkitkan beberapa perkara atau isu-isu serta cadangan yang menyentuh bidang tugas Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia semasa perbahasan Belanjawan 2000 di Dewan Negara yang mulia ini.

Setengah dari isu-isu yang dibangkitkan itu telah pun diberi penjelasan semasa sesi soal jawab di Dewan ini, meski pun demikian, sukacita saya memberi penjelasan lanjut berhubung dengan perkara-perkara dasar yang telah dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang diPertua, saya mengucapkan terima kasih kepada saranan Yang Berhormat Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan yang menggesa kerajaan dan pengendali telefon bimbit agar lebih prihatin tentang bayaran access sebanyak RM60 yang membebankan pengguna. Beliau juga mencadangkan supaya amalan NCB, dengan izin, diguna pakai agar bayaran access mungkin dikurangkan sehingga RM10.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian ini memang berhasrat untuk mengkaji semula kadar sewaan telefon bimbit supaya ianya tidak membebankan pihak pengguna. Walau bagaimanapun, kementerian ini terlebih dahulu akan mengkaji mekanisme yang akan digunakan untuk memastikan penyelesaiannya tidak akan membebankan mana-mana pihak sama ada pemberi perkhidmatan mahu pun pihak pengguna. Kementerian ini akan meneliti implikasi cadangan tersebut memandangkan ianya akan membawa kesan penurunan hasil secara menyeluruh kepada pengendali-pengendali komunikasi.

Dalam masa yang sama juga, kementerian akan memastikan supaya ia tidak akan menjejaskan pelaksanaan pelan rancangan pembangunan perkhidmatan yang disediakan. Kajian semula terhadap peraturan ATUR 1986 akan dibuat dalam jangka masa terdekat ini, bayaran kadar maksimum access sekarang iaitu RM60 akan diberhentikan dan dasar penempatan kadar mengikut pasaran akan dikuatkuasakan.

Mengenai cadangan agar pengendali telefon bimbit digabungkan supaya mereka lebih kompetitif, kementerian ini ingin memaklumkan bahawa cadangan penggabungan telah pun dikemukakan kepada syarikat-syarikat pengendali komunikasi utama supaya bergabung sejak tahun 1996 lagi. Walau bagaimanapun, cadangan tersebut telah tidak diteruskan memandangkan syarikat-syarikat pengendali mempunyai pendirian sendiri kerana mereka menyediakan dan menggunakan sistem dan teknologi komunikasi yang berbeza-beza.

Kementerian ini juga mengambil maklum untuk memastikan wujudnya satu keadaan persaingan yang sihat di kalangan pengendali-pengendali komunikasi bagi mengurangkan kos yang akan ditanggung oleh pihak pengguna, di samping memastikan kualiti perkhidmatan yang diberikan tidak terjejas.

Tuan Yang diPertua, mengenai isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman iaitu tentang jurang digital di antara bandar dan luar bandar serta antara negeri-negeri di Malaysia yang semakin hari semakin bertambah, sukacita dijelaskan bahawa antara lain, matlamat dasar kebangsaan bagi

industri komunikasi dan multimedia yang dinyatakan dalam Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 iaitu Akta 588 adalah untuk memastikan penyediaan perkhidmatan sama rata yang mampu dibayar pengguna.

Sehubungan dengan ini, antara langkah yang diambil oleh kerajaan adalah seperti berikut:-

(a) **Program Perkhidmatan Sejagat –**

Program ini akan menyediakan perkhidmatan sejagat, dengan izin, universal service provision, industri komunikasi dan multimedia ke kawasan-kawasan terpencil dan luar bandar. Untuk tujuan ini, di bawah Belanjawan 2000 sebanyak RM318 juta telah diperuntukkan untuk membiayai pelaksanaan kemudahan sistem *wireless in local loop will*, dengan izin, yang akan memberi manfaat kepada lebih kurang 120,000 pelanggan di kawasan luar bandar dan pedalaman.

(b) **Projek E-Community –**

Projek e-community ini bertujuan untuk memperkenalkan dan membudayakan teknologi maklumat dan komunikasi kepada masyarakat luar bandar atau kawasan terpencil supaya dapat memanfaatkan maklumat berkaitan ekonomi pendidikan dan sebagainya melalui kemudahan komunikasi iaitu Internet dan telefon. Antara projek perintis e-community yang telah dijalankan adalah Projek Desa Amanah Ikhtiar Malaysia (Desa AIM) di Pendang, Kedah dan Kota Semarahan, Sarawak serta projek e-Bario di Sarawak.

(c) **Insentif Kemudahan Pemilikan Pembelian Komputer Peribadi -**

Kerajaan dalam Belanjawan 2000 telah mengumumkan bahawa pencarum-pencarum KWSP akan dibenarkan untuk mengeluarkan caruman KWSP untuk pembelian komputer peribadi.

(d) **Pusat Multimedia Luar Bandar –**

Projek Pusat Multimedia Luar Bandar bertujuan mempertingkatkan capaian dan menubuhkan komunikasi dan multimedia di kawasan luar bandar.

Kementerian ini telah memulakan operasi projek perintis, Program Pusat Internet Desa di luar lokasi iaitu pertamanya di Kampung Sungai Air Tawar, Selangor pada 1 Mac 2000 dan keduanya, di Kanowit, Sarawak pada 15 Mac 2000. Model projek perintis ini akan dilaksanakan di lain-lain daerah bagi setiap negeri di Malaysia. Kementerian ini percaya bahawa program ini boleh membawa kepada penyediaan perkhidmatan dan pembangunan kandungan bagi melengkapkan masyarakat luar bandar untuk aktiviti di k-ekonomi dan e-dagang.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh kebimbangan seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Ghazi bin Haji Ramli, tentang niat pihak Barat terhadap projek MSC, sukacita dijelaskan di sini bahawa MSC adalah merupakan inisiatif Kerajaan Malaysia untuk membangunkan industri IT dan multimedia tempatan sebagai enjin pertumbuhan ekonomi negara yang baru. Ianya merupakan response Malaysia terhadap globalisasi di mana tahap penguasaan teknologi tinggi akan menentukan daya saing, dengan izin, competitiveness, sesebuah negara di masa akan datang.

Sehubungan dengan itu, MSC perlu dilihat sebagai langkah bijak dan penting untuk mengelak daripada terjunam ke lembah penjajahan ekonomi oleh pihak Barat. Di antara manfaat yang diperolehi dengan pelaksanaan MSC adalah seperti berikut:-

- (i) Membolehkan pemindahan teknologi dan pengetahuan di dalam bidang IT dan multimedia daripada syarikat-syarikat antarabangsa dibuat ke atas syarikat-syarikat tempatan melalui usaha sama yang dijalankan. Pemindahan teknologi ini akan dibuat melalui latihan dan pendidikan di dalam penggunaan dan pembangunan teknologi yang terkini untuk mewujudkan pekerja berpengetahuan tempatan, dengan izin, *local knowledgeable workers*.
- (ii) Pengwujudan peluang-peluang pekerjaan bagi knowledge workers tempatan di dalam industri IT dan multimedia yang sedang berkembang pesat.

Hasil daripada meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan IT, terutamanya di kalangan golongan muda, program-program pengajian IT dan kejuruteraan yang ditawarkan di institusi-institusi tinggi awam dan swasta pada

masa ini adalah, dengan izin, *in demand*. Hasilnya adalah dianggarkan bahawa pada tahun 2005 akan terdapat seramai lebih kurang 108,000 knowledgeable workers dalam pasaran buruh.

- (iii) Penglibatan syarikat-syarikat gergasi IT dan multimedia Barat seperti Microsoft, IBM dan HP di dalam projek MSC akan membuka peluang-peluang perniagaan bagi syarikat-syarikat IT dan multimedia tempatan dan sederhana tempatan bagi menawarkan penglibatan perkhidmatan sokongan serta, dengan izin, *out sourcing*. Ini akan meningkatkan kemahiran pengetahuan dan kebolehan syarikat-syarikat tempatan dalam mengendalikan perniagaan mereka dalam bidang IT dan multimedia.

Tuan Yang diPertua, menyentuh perkara yang dibangkitkan mengenai MSC dan negara Arab, sukacita dinyatakan bahawa Multimedia Development Corporation, iaitu MDC telah mengadakan kerjasama dengan beberapa negara Arab. Antara kerjasama ini termasuk menandatangani MOU dengan Atman University of Science and Technology of UAE untuk membentuk program kerjasama di dalam membangunkan Intelligent Centres atau Zones dan kerjasama di dalam bidang sekolah bestari, teleperubatan, e-commerce dan cyber loss di UAE dan Mesir. Baru-baru ini MDC juga telah diminta memberi input di dalam membangunkan Dubai Internet City di UAE. MDC akan meneruskan usaha-usaha untuk membentuk kerjasama dengan lebih banyak negara Islam supaya faedah-faedah yang dapat diperolehi dari information, revolution juga dapat dinikmati oleh seluruh umat Islam.

Tuan Yang diPertua, mengenai kemungkinan projek E-Village, dengan izin, *just another Disneyland*, pihak kementerian ingin menjelaskan bahawa sungguhpun projek E-Village pada permulaannya melibatkan pembinaan kompleks studio untuk filem dan TV serta taman tema, yang lebih mustahak, implikasi projek ini terhadap pembangunan industri kreatif di Malaysia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, industri kreatif ini lebih memfokuskan kepada bidang filem dan TV. Sepertimana matlamat MSC, penggunaan teknologi bagi mewujudkan isi kandungan atau dengan izin, content

untuk filem TV ect, PC game, software internet dan lain-lain adalah tujuan projek E-Village yang sebenar.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Minta laluan sedikit, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Ahli Yang Berhormat, saya tidak fahamlah bagaimana E-Village juga berperanan untuk membangunkan industri perfileman dan televisyen kerana pada masa yang sama kerajaan mewujudkan satu badan yang bernama Finas yang bertanggungjawab mengikut aktanya membangunkan perfileman di negara kita. Jadi, apakah wujud percanggahan antara akta yang mewujudkan Finas yang bertanggung untuk membangunkan perfileman negara dengan apa yang hendak dibuat oleh Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia menerusi E-Village ini. Saya hendak tahu kedudukannya.

**Tuan Chia Kwang Chye:** Tuan Yang di-Pertua, perkampungan pembuatan filem adalah setakat ini sangat maju. Training adalah melalui penggunaan komputer dan software dan khasnya melalui cara multimedia. Jadi, dengan penggunaan komputer, multimedia dan software adalah diharapkan bahawa isi kandungan yang dibangunkan ini boleh digunakan di lain-lain media termasuk internet dan digunakan dalam pengeluaran filem-filem yang sekarang, yang termoden dan menggunakan teknologi komputer dan multimedia. Pendek kata, projek E-Village adalah satu projek yang boleh membawa industri kreatif di negara ini ke tahap yang lebih gemilang, lebih-lebih lagi kalau kreativiti itu dihasilkan dengan menggunakan nilai-nilai murni masyarakat di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai penglibatan bumiputera dalam dunia information, communication technology (ICT), kerajaan dan MDC sentiasa menggalakkan penglibatan syarikat-syarikat IKS tempatan, terutama syarikat bumiputera untuk menceburkan diri di dalam projek MSC. Memandangkan bahawa IKS bumiputera mempunyai modal serta kemahiran perniagaan yang terhad, maka kerajaan telah menubuhkan satu pusat inkubator di dalam kawasan MSC, iaitu MSC Central Incubator (MCI) berhampiran dengan University Multimedia. Kesemua ruang pejabat yang disediakan di MCI telah diduduki. Kini terdapat 57 syarikat yang beroperasi di MCI. Daripada jumlah ini, 38 syarikat atau 80% adalah milik bumiputera. Di samping menyediakan ruangan pejabat kos rendah, MCI juga sedang giat mempelopori pelbagai program untuk membantu dan membimbing syarikat IKS ini untuk maju.

Di antara inisiatif-inisiatif MCI, ialah khidmat bimbingan di mana syarikat inkubator diasuh selama beberapa tahun melalui beberapa peringkat.

Peringkat pertama ialah untuk mengenal pasti jenis dan potensi perniagaan, jati diri usahawan dan struktur serta strategi perniagaan.

Peringkat kedua ialah untuk mengkategorikan syarikat-syarikat ini ke dalam beberapa kategori seperti yang lemah, yang mampu berdikari dan yang bersedia memulakan operasi. Khidmat bimbingan akan diperhebatkan kepada kumpulan fokus, iaitu syarikat-syarikat yang dikelaskan sebagai lemah. Seterusnya syarikat-syarikat ini dibimbing sehinggalah maju dan layak untuk disenaraikan di bursa saham tempatan. Inisiatif MCI ini disokong pula dengan pelbagai kemudahan seperti dana pembiayaan R&D, misalnya geran R&D Multimedia (MGS) yang bernilai RM100 juta telah disediakan untuk kemudahan syarikat-syarikat bertaraf MSC.

Dengan penerangan ini, Tuan Yang di-Pertua, maka jelaslah bahawa kerajaan amat peka dengan penglibatan kaum bumiputera di dalam dunia ICT terutama di dalam projek MSC dan telah pun mengambil langkah-langkah tertentu untuk memastikan syarikat-syarikat IKS ini dibantu supaya dapat mencapai kejayaan.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini penjelasan yang dapat saya beri atas perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tersebut. Sekiranya terdapat perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat lain, yang saya tidak sempat menjawabnya, saya memohon maaf kepada Ahli Yang Berhormat berkenaan. Saya berjanji bahawa Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia akan mengambil perhatian terhadap sebarang teguran dan pandangan yang membina dan seterusnya mengambil tindakan yang sewajarnya untuk menangani masalah yang berkenaan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

**3.00 ptg.**

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Kerk Choo Ting]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi teguran, cadangan dan pandangan yang membina semasa membahaskan perbahasan ke atas Belanjawan tahun 2000 mengenai perkara-perkara yang menyentuh bidang kuasa Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Izinkan saya memberi jawapan ke atas perkara-perkara dan isu-isu penting yang dibangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Abdul Aziz Abdul Rahman mengulas tindakan-tindakan negara maju untuk membincangkan dasar sumber manusia dan alam sekitar dalam WTO dan bukan dalam forum seperti ILO. Kerajaan sememangnya akan terus menentang usaha mana-mana pihak untuk membincang dasar sumber manusia dalam WTO kerana telah diputuskan bahawa ianya adalah dalam bidang kuasa ILO. Kita juga akan memastikan WTO tidak digunakan untuk menguatkuasa pelaksanaan dasar-dasar berkaitan sumber manusia dan alam sekitar.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad bin Ismail menyarankan agar MITI membekukan proses meluluskan lesen untuk membuka kilang pengeluaran cakera optik yang baru buat sementara waktu dalam membanteras aktiviti cetak rompak yang kian berleluasa. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jemaah Menteri sememangnya telah memutuskan supaya semua lesen pengilang untuk membuka kilang pengeluaran cakera optik yang baru itu dibekukan.

Sekianlah sahaja penjelasan yang ingin saya beri kepada isu-isu penting yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh bidang kuasa kementerian saya. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih di atas teguran, pandangan yang tidak sempat dijawab pada kali ini dan perkara tersebut akan diambil perhatian sewajarnya terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Pertanian.

### **3.03 ptg.**

**Timbalan Menteri Pertanian [Datuk Seri Mohd. Shariff bin Omar]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi perhatian serta membangkitkan perkara-perkara yang berkaitan dengan bidang tugas Kementerian Pertanian atau di bawah kawalan dan tanggungjawab Kementerian Pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Jamilah Ibrahim dan Yang Berhormat Senator Tuan Rosli Mat Hassan telah membangkitkan isu berkaitan kajian dan penemuan teknologi baru di dalam sektor pertanian perlu ditingkatkan untuk melahirkan imej baru kepada para petani dan juga akan melahirkan usahawan-usahawan baru dalam sektor pertanian. Ahli-ahli Yang Berhormat juga telah mengesyorkan agar perhubungan baik di antara petani dan pegawai kementerian perlu diwujudkan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian melalui jabatan dan agensi seperti MARDI, Jabatan Perikanan dan Jabatan Perkhidmatan Haiwan telah berjaya menghasilkan penemuan dan teknologi baru yang boleh digunakan oleh golongan sasar untuk meningkatkan pengeluaran dan mutu hasil pertanian mereka. Penemuan penyelidikan yang dihasilkan antara lain merangkumi variety dan klon tanaman serta baka ternakan yang bermutu tinggi. Rumusan makanan baru untuk ternakan dan akuakultur, penemuan spesies dan kaedah baru membiak dan menternak ikan, udang serta kerang, pengeluaran vaksin untuk ternakan dan teknik baru seperti sistem integrasi ternakan lembu dalam ladang kelapa sawit serta teknik kawalan serangga.

Di antara variety dan klon tanaman yang dihasilkan termasuk variety padi MR159, MR167, MR84, MR185, MR211, klon betik eksotika dan eksotika dua, klon durian – MDUR78, 79 dan 88, nanas Josephine, limau bali masmelo dan hybrid baru pisang yang rintang kepada penyakit.

Tuan Yang di-Pertua, penemuan-penemuan ini dipindahkan kepada petani, usahawan-usahawan tani dan syarikat-syarikat swasta melalui seminar, latihan teknikal, khidmat nasihat, perundingan, program anak angkat, perlesenan teknologi dan penjualan teknologi. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pegawai pengembangan dari Kementerian Pertanian sentiasa berdamping rapat dengan golongan sasanya iaitu petani. Pegawai pengembangan sedar bahawa perhubungan baik yang wujud dengan petani merupakan faktor yang penting bagi mempengaruhi para petani menerima teknologi pertanian yang disyorkan. Kementerian Pertanian sedang berusaha meningkatkan imej para petani sebagai pengusaha-pengusaha komersial yang moden dan berkesan. Petani tradisional digalakkan untuk menukar cara operasi dan pengurusan ladang kepada perladangan komersial berskala besar. Di samping itu, beberapa program latihan telah dilaksanakan untuk melahirkan usahawan-usahawan baru. Sebagai contoh, latihan belia ke Jepun, latihan usahawan pemprosesan makanan, latihan belia di institut pertanian sehingga memperolehi sijil pertanian dan latihan belia di pusat latihan kejuruteraan pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan matlamat Dasar Pertanian Negara Ketiga dan wawasan pertanian, kerajaan berhasrat untuk mengubah sektor pertanian kepada satu sektor yang moden, dinamik dan berdaya saing. Pembangunan sektor pertanian akan diberi penekanan selari dengan sektor-sektor lain. Program-program terperinci untuk meningkatkan pengeluaran makanan dalam negara dan

mengurangkan import makanan telah pun diatur sehingga tahun 2000. Kementerian Pertanian sedang giat melaksanakan program-program ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat juga telah menyatakan bahawa pengimportan bahan makanan semakin bertambah dan mencadangkan supaya sektor pertanian diberi penekanan supaya selari dengan sektor-sektor lain dan akan membantu mengurangkan pengimportan bahan makanan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian Pertanian sedang berusaha meningkatkan pengeluaran bahan makanan. Antara langkah-langkah yang telah diambil untuk meningkatkan pengeluaran bahan makanan ialah:

- (i) melalui pendekatan mewujudkan pertanian moden berskala besar seperti yang akan dibuat di negeri Johor dan Sarawak seluas kira-kira 10 ribu hektar;
- (ii) pemulihan tanah-tanah terbiar;
- (iii) mengzonkan taman kekal pengeluaran makanan, contohnya di negeri Johor, Selangor dan Terengganu;
- (iv) tanaman di bawah high-tension wire Tenaga Nasional Berhad;
- (v) integrasi lembu dalam ladang, contohnya Yayasan Pelajaran Johor telah mengenal pasti 78,760 hektar dan kini keluasan sebanyak 56,865 hektar di Mersing dan Segamat telah diusahakan dengan ternakan lembu sebanyak 33,825 ekor;
- (vi) ternakan ikan dalam sangkar secara komersial di laut terbuka seperti yang dilaksanakan di Langkawi dan dalam lagun di Setiu, Terengganu; dan
- (vii) pengendalian ladang secara berkelompok untuk meningkatkan produktiviti dan pendapatan. Misalnya di Perlis dan Kedah yang melibatkan 657 kelompok dengan keluasan tanah sejumlah 13,182 hektar dan melibatkan 15,815 petani.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha untuk meningkatkan pengeluaran makanan ini, teknologi moden yang telah diterima pakai dengan izin, tested technology daripada luar negara dan disesuaikan untuk keperluan tempatan di samping teknologi inovatif tempatan akan digunakan untuk menghasilkan produk yang bermutu tinggi. Usaha mendapatkan bekalan alternatif yang lebih murah akan dibuat melalui

pelaburan berbalik di luar negara bagi tanaman-tanaman seperti bawang dan cili kering, beras dan kentang.

Sektor swasta akan digalakkan untuk melabur di dalam dan luar negara bagi menambahkan sumbangan mereka dalam pembangunan sektor pertanian negara. Satu seminar secara besar-besaran untuk menarik minat sektor swasta ke arah ini telah dibuat baru-baru ini. Sambutan sektor swasta adalah amat menggalakkan. Yang Berhormat Senator Nosimah Hashim mencadangkan supaya pihak Kementerian Pertanian memberi galakan dan tumpuan kepada para belia supaya melibatkan diri dalam sektor pertanian moden. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kementerian Pertanian mengucapkan terima kasih di atas cadangan Ahli Yang Berhormat supaya tumpuan diberi kepada belia untuk melibatkan diri dalam pertanian moden. Kementerian melalui jabatan dan agensi telah pun menyediakan kursus mengenai pertanian moden bagi melengkapkan para belia lulusan SPM, SPVM di institut-institut latihan pertanian yang sedia ada.

Di samping itu, institusi-institusi pengajian tinggi tempatan seperti Universiti Putra Malaysia akan juga mengadakan kursus-kursus mengenai pertanian moden campuran bagi melahirkan graduan-graduan yang dapat menjadi pengurus ladang profesional dengan menggunakan kemudahan teknologi moden dan sumber-sumber bahan pertanian yang berteknologi tinggi. Di dalam kursus yang telah pun dimulakan oleh Universiti Putra Malaysia elemen pengurusan ladang secara bersepadu yang meliputi juga cara-cara pemasaran, pengendalian lepas tuai dan lain-lainnya telah diambil kira. Dalam usaha untuk transformasi dengan izin, sektor pertanian kepada sektor yang moden, dinamik dan berdaya saing, salah satu langkah yang diambil oleh Kementerian Pertanian adalah menggalakkan para belia terlibat dalam sektor pertanian moden ini.

Para belia diberi peluang untuk memperolehi kemahiran dalam pertanian moden melalui beberapa program. Sebagai contoh, di bawah Jabatan Pertanian para belia diberi peluang mengikuti latihan-latihan seperti berikut:-

- latihan di Jepun;
- latihan usahawan pemprosesan makanan
- latihan peringkat sijil pertanian di institut pertanian;
- latihan pengurusan ladang termasuk pemasaran juga diberikan melalui bimbingan Jabatan Pertanian dan FAMA.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Haji Abdul Malek bin Haji Abdul Ghani telah menyarankan agar sektor pertanian di modenkan untuk memaksimumkan pengeluaran pertanian melalui sistem ladang bersepadu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Dasar Pertanian Negara Ketiga yang telah diluluskan oleh kerajaan merupakan dasar pembangunan pertanian sehingga tahun 2010. Dalam dasar ini sememangnya industri pertanian moden menjadi tumpuan pendekatan bagi mewujudkan pertanian yang berskala besar di mana petani-petani akan dapat menikmati hasil ekonomi bidang, dengan izin economy of skill. Melalui pendekatan pertanian secara ini petani akan juga digalakkan untuk menanam tanaman secara campuran supaya hasil pertanian yang berbagai ini dapat meningkatkan pertanian mereka.

Pertanian moden berskala besar ini juga akan menggunakan teknologi tinggi yang mudah digunakan oleh petani. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, satu projek perintis pertanian moden akan dijalankan di Air Hitam Johor. Konsep pertanian moden ini akan juga mengetengahkan konsep perladangan integrasi yang akan meliputi aktiviti-aktiviti pengeluaran, pemprosesan dan juga pemasaran di satu tempat. Dengan cara ini petani-petani akan dapat mengatasi masalah orang perantaraan bagi mengurangkan profiteering, dengan izin dan memberikan pendapatan yang lebih kepada para petani.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Dasar Pertanian Negara Ketiga matlamat kerajaan adalah untuk meningkatkan produktiviti dan pendapatan petani. Salah satu strategi adalah untuk membangunkan usahawan moden yang menggunakan teknologi tinggi seperti mekanisasi dan automasi; pengeluaran tanaman makanan di bawah struktur perlindungan hujar, pengawalan perosak tanaman menggunakan kaedah pengurusan perosak bersepadu, dengan izin integrated pest management (IPM); dan pembajaan berpandukan, dengan izin diagnosis documentation integrated system.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Christina telah mengesyorkan Kementerian Pertanian untuk menjalankan kajian mengenai tanah-tanah terbiar milik golongan miskin serta melaksanakan program-program yang khusus bagi membantu golongan ini untuk meningkatkan pendapatan mereka. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pertanian melalui Jabatan Pertanian sedang mengumpul maklumat tanah-tanah terbiar yang dimiliki oleh petani. Setelah

maklumat ini diperolehi program pembangunan semula tanah-tanah terbiar akan diadakan.

Tuan Yang diPertua, Yang Berhormat Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan telah mencadangkan agar kementerian memajukan sektor pertanian kerana ianya adalah penggerak sektor ekonomi masyarakat luar bandar. Beliau juga telah memohon kerajaan menumpukan perhatian kepada pekebun serta nelayan kecil dan memastikan segala bantuan sampai kepada golongan sasaran. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sememangnya sedar bahawa sektor pertanian patut dimajukan kerana kepentingannya sebagai penggerak ekonomi masyarakat luar bandar. Oleh itu, kerajaan sedang melaksanakan Dasar Pertanian Negara Ketiga dan wawasan pertanian yang bertujuan mengubah sektor pertanian kepada sektor yang moden, dinamik dan berdaya saing.

Di samping menggalakkan pertanian berskala besar pengeluaran makanan oleh pekebun kecil atau nelayan terus diberi perhatian. Umpamanya, projek berkelompok yang dijalankan oleh Jabatan Pertanian adalah projek berskala besar oleh pekebun-pekebun kecil. Jawatankuasa Pengurusan Projek Berkelompok dilantik oleh petani sendiri di kalangan peserta projek. Sehingga pertengahan tahun 1999 terdapat 4,500 projek berkelompok yang melibatkan 159,500 petani mengusahakan 194 ribu hektar kawasan pertanian. Kerajaan akan terus memberi bantuan kepada projek kelompok khususnya bagi penyediaan infrastruktur asas seperti sistem pengairan dan sistem saliran; pekebun kecil juga menikmati bantuan baja padi; bekalan benih bermutu pada harga minima; dan khidmat nasihat kepada ejen pengembangan.

Kementerian Pertanian juga sedang bekerjasama dengan kerajaan-kerajaan negeri bagi membangunkan taman kekal pengeluaran makanan. Pekebun kecil individu juga digalakkan untuk menyewa tanah di taman tersebut untuk pengeluaran makanan.

Tuan Yang diPertua, dalam sektor perikanan pula nelayan tradisional masih lagi merupakan penyumbang utama kepada pengeluaran ikan di negara ini iaitu kira-kira 80% dari jumlah keseluruhan pengeluaran ikan negara dan bilangan nelayan tradisional di seluruh negara adalah seramai 45,762 orang iaitu kira-kira 57.9% dari jumlah keseluruhan bilangan nelayan tempatan di seluruh negara. Kerajaan sentiasa memberi bantuan dalam pelbagai bentuk, kepada penternak kecil dan juga

nelayan pantai. Bentuk bantuan yang diberikan termasuklah penyediaan insentif; skim pembiayaan pertanian; kursus latihan; bantuan khidmat nasihat teknikal; pengenalan dan pemindahan teknologi kepada golongan sasar dan lain-lain lagi bentuk bantuan yang telah disediakan oleh kerajaan. Malahan melalui aktiviti pengembangan, Jabatan Perikanan juga pada tahun 1999 sebanyak 317 kursus, demonstrasi, latihan, sesi penerangan dan juga lawatan sambil belajar telah diberikan kepada 7,440 orang nelayan tempatan di seluruh negara. Kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM885,575.24 sen bagi tujuan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Long bin Jidin telah membangkitkan isu berkaitan dengan penanaman padi bukit. Beliau telah mencadangkan agar MARDI mengambil beberapa sample padi bukit dan menjalankan kajian untuk memperkenalkan hybrid padi bukit yang baru agar dapat dimajukan industri padi bukit.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebagaimana yang termaktub di bawah Dasar Pertanian Negara Ketiga pengeluaran beras berkualiti tinggi serta beras istimewa termasuk padi bukit dan wangi akan dipertingkatkan. Pada ketika ini permintaan tempatan bagi beras istimewa adalah kira-kira 6%. Dengan peningkatan yang kian meningkat dan harganya yang tinggi potensi untuk penanaman padi jenis ini adalah baik. Oleh itu, penanaman padi jenis ini akan terus digalakkan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat MARDI tidak menjalankan kajian terperinci untuk membangunkan padi bukit. Walau bagaimanapun, kajian-kajian berkaitan padi bukit telah dijalankan oleh Jabatan Pertanian Sarawak. MARDI akan menyimpan baka-baka padi bukit yang terpilih dalam gene bank MARDI di Seberang Prai untuk kegunaan masa hadapan. MARDI akan berurusan dengan Jabatan Pertanian Sarawak untuk memenuhi keperluan ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang sudi memberikan sokongan, teguran, cadangan dan nasihat berhubung dengan perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian Pertanian Malaysia. Jika ada di antara teguran, cadangan dan nasihat itu yang tidak sempat dijawab oleh saya pada hari ini, insya-Allah Kementerian Pertanian akan terus memberi perhatian dan akan mengambil tindakan yang sewajarnya. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

**3.21 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Wong Kam Hoong]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ke atas Belanjawan tahun 2000 terutamanya kepada Yang Berhormat Puan Nosimah binti Hashim, Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Malek bin Haji Abdul Ghani dan Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad bin Ismail kerana telah membangkitkan isu-isu yang berkaitan dengan bidang tugas Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna semasa perbahasan Belanjawan 2000.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Puan Nosimah binti Hashim membangkitkan persoalan bahawa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna perlu bertindak lebih berkesan untuk mengawal kenaikan harga barangan sewenang-wenangnya oleh peniaga-peniaga yang bertujuan mengaut keuntungan berlebihan dan dengan itu membebankan rakyat terutamanya bagi kawasan luar bandar. Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum negara kita mengamalkan dasar ekonomi bebas yang bermakna harga barangan ditentukan oleh kuasa-kuasa pasaran iaitu bekalan dan permintaan. Pada masa ini hanya beras tempatan dikawal harga melalui penguatkuasaan undang-undang dan sebelas jenis barangan lain seperti tepung gandum, gula, ayam, minyak petrol dan simen dikawal harga secara pentadbiran.

Walaupun demikian, kementerian telah mengambil pelbagai langkah bagi menstabilkan harga barangan seperti memantau 233 jenis barangan kegunaan harian dan menjalankan pemeriksaan secara konsisten termasuk di kawasan-kawasan luar bandar untuk menentukan tidak berlaku penyelewengan seperti mencatut, menipu dalam timbang dan sukat dan tidak meletak tanda harga atau mempamerkan tanda harga yang mengelirukan.

Mulai 1 April tahun ini kedudukan harga bagi 26 jenis barang tertentu telah dihebahkan melalui televisyen iaitu di TV1 pada setiap hari Jumaat, Sabtu dan Ahad untuk memudahkan pengguna mengetahui kedudukan aliran harga barang-barang

berkenaan. Maklumat berkenaan juga boleh diperolehi menerusi laman web kementerian.

Ahli Yang Berhormat Puan Nosimah binti Hashim turut membangkitkan persoalan penguatkuasaan penjualan pita dan VCD lucah di pasaran. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tindakan untuk membanteras pengedaran bahan lucah ini sentiasa dijalankan oleh pihak berkuasa sama ada secara bersepadu yang melibatkan pelbagai agensi yang berkaitan mahupun secara berasingan. Secara khususnya tindakan-tindakan ini dibuat di bawah Akta Filem (Penapisan) 1952 yang dikuatkuasakan oleh pihak Kementerian Dalam Negeri dan Polis. Pada masa yang sama pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna mengambil tindakan dari aspek pelabelan ke atas bahan-bahan lucah tersebut.

Tindakan untuk membanteras pengedaran bahan-bahan lucah ini memerlukan komitmen dan kerjasama semua pihak. Dalam hubungan ini, seramai 190 pegawai penguatkuasa kementerian saya telah diberi kuasa oleh Kementerian Dalam Negeri untuk mengambil tindakan berkaitan bahan-bahan lucah di bawah Akta Filem (Penapisan) 1952.

Yang Berhormat Haji Abdul Malek bin Haji Abdul Ghani pula mengulas mengenai Program Pendidikan Kepenggunaan di mana beliau mencadangkan supaya program bersiri diadakan pada masa yang sesuai bagi memudahkan rakyat mengikutinya. Beliau turut menyarankan supaya akta yang berkaitan dengan kepenggunaan seperti Akta Perlindungan Pengguna 1999, Akta Sewa Beli dan Tribunal Tuntutan Pengguna disebar seluas-luasnya melalui persatuan-persatuan pengguna dan meminta supaya Jabatan Hal Ehwal Pengguna Negeri menubuhkan kelab-kelab pengguna di peringkat daerah serta di taman-taman perumahan melalui sektor-sektor Rukun Tetangga untuk memberi kefahaman kepada pihak pengguna dan peniaga mengenai hak-hak serta tanggungjawab mereka.

Tuan Yang diPertua, suka saya memaklumkan bahawa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna bertindak dengan serius untuk meningkatkan kesedaran pengguna mengenai hak dan tanggungjawab mereka dan termasuklah melalui Program Pendidikan Pengguna. Program ini dilaksanakan sepanjang masa di seluruh negara melalui media massa dan secara bersemuka melalui ceramah, seminar serta bengkel dengan penglibatan setiap lapisan masyarakat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, penjelasan mengenai peruntukan akta-aka tertentu seperti Akta Perlindungan Pengguna 1999, Akta Sewa Beli dan sebagainya turut diberi penekanan dalam Program Pendidikan Kepenggunaan kementerian. Bagi Akta Perlindungan Pengguna 1999 yang baru dikuatkuasakan pada 15 November 1999 serta Tribunal Tuntutan Pengguna yang ditubuhkan di bawahnya, kementerian kini sedang menjalankan *road show* bagi memberi penjelasan kepada orang ramai berhubung dengan penubuhan kelab-kelab pengguna di peringkat daerah seperti di taman-taman perumahan melalui sektor-sektor Rukun Tetangga. Kementerian ini akan terus memperluaskan penubuhan kelab-kelab pengguna ke peringkat daerah dan kampung.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad bin Ismail mengetengahkan persoalan tentang perlunya dipertingkatkan kerjasama antara agensi-agensi kerajaan dalam memastikan pengguna mendapat perlindungan yang menyeluruh. Suka saya memaklumkan bahawa kerjasama antara agensi-agensi kerajaan memang sering berlaku dan dipertingkatkan, umpamanya semasa isu pencemaran toksin dalam produk-produk makanan yang berasaskan daging, telur dan produk-produk tenusu dari negara-negara Eropah pada tahun lepas, pelbagai pihak seperti Kementerian Kesihatan, Jabatan Perkhidmatan Haiwan, Pihak Berkuasa Tempatan dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna bersama-sama mengambil tindakan menangani isu tersebut.

Seterusnya, Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad bin Ismail membangkitkan mengenai Akta Cakera Optik yang akan dibentangkan di Parlimen pada bulan Julai tahun 2000 ini. Akta ini digubal dengan tujuan untuk membolehkan kementerian mengatasi masalah cetak rompak yang berleluasa dengan lebih berkesan lagi.

Akta ini akan memberi kuasa kepada pegawai-pegawai penguatkuasa dalam menjalankan tugas-tugas penguatkuasaan khususnya dalam membuat pemeriksaan di premis-premis yang mengeluarkan cakera optik. Di samping itu, akta ini akan membolehkan pegawai-pegawai penguatkuasa mengenal pasti pengeluar tiap-tiap cakera optik yang dijual di pasaran melalui kod-kod tertentu yang boleh digunakan oleh tiap-tiap pengeluar. Malahan, akta ini mengenakan denda yang lebih berat kepada individu dan syarikat-syarikat yang didapati mengeluarkan cakera optik cetak rompak, denda yang lebih berat ini sudah tentu akan melemahkan kegiatan cetak rompak tersebut.

Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad bin Ismail juga membangkitkan tentang kegagalan pihak kementerian mengambil sebarang tindakan terhadap peniaga VCD cetak rompak di Jalan Petaling dan Chow Kit dan juga di kawasan-kawasan perumahan termasuk di pasar-pasar malam. Tindakan pemeriksaan dan penguatkuasaan sering dilakukan di tempat-tempat tersebut dan juga di kawasan-kawasan lain yang dikenal pasti sebagai pusat pengedaran barang-barang cetak rompak. Tindakan yang dijalankan itu bukan sahaja dibuat mengikut Akta Hak Cipta 1987, malah juga meliputi aspek undang-undang lain seperti Akta Perihal Dagangan 1972 dan Akta Kawalan Harga 1946.

Sebagai usaha menyekat aktiviti pengedaran bahan-bahan cetak rompak ini secara menyeluruh, tindakan penguatkuasaan dijalankan secara bersepadu yang melibatkan pelbagai agensi kerajaan dan juga pemilik atau wakil pemilik hak cipta melalui pasukan petugas khas hak cipta yang dipengerusikan sendiri oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Sungguhpun tindakan penguatkuasaan sering dijalankan, kita mendapati bahawa peniaga-peniaga masih meneruskan aktiviti yang tidak sihat ini kerana perniagaan ini tidak memerlukan modal yang besar dan amat menguntungkan.

Kementerian berpendapat Undang-undang Cakera Optik 2000 yang dijangka diluluskan pada bulan Julai ini akan membolehkan kementerian bertindak dengan lebih berkesan untuk membanteras pengeluaran bahan cetak rompak, dengan izin, at-source. Adalah benar jika tidak ada pengeluar, maka tidak ada pengedar dan pembeli. Begitu juga sebaliknya. Selagi ada pembeli atau permintaan terhadap bahan-bahan cetak rompak, selagi itulah ada pihak yang membuat dan mengedarnya. Selaras dengan itu, selain daripada tindakan penguatkuasaan, kementerian juga mengambil pendekatan berbentuk pendidikan dan kesedaran awam tentang kesan penggunaan bahan-bahan cetak rompak. Dalam hubungan ini, sokongan dan komitmen yang berterusan daripada semua pihak termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat dan pengguna sendiri adalah perlu untuk membanteras gejala ini.

Berhubung dengan cadangan supaya kementerian mengawal pengimportan bahan mentah yang digunakan untuk mengeluarkan cakera optik seperti *poly carbonate* dan menjadikannya sebagai barang kawalan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961, sukacita saya memaklumkan bahawa perkara ini memang di dalam perancangan kementerian dan kajian mengenainya sedang dijalankan.

Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ke atas Belanjawan Negara 2000 dan memberi pandangan serta cadangan ke atas perkara-perkara di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Bagi perkara-perkara yang secara tidak sengaja tidak diberikan jawapan sewajarnya di Dewan yang mulia ini, sukacita saya memaklumkan bahawa perkara-perkara yang berkaitan itu akan diambil perhatian oleh kementerian ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Pendidikan.

**3.35 ptg.**

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Abdul Aziz bin Shamsuddin]:**

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan di atas minat Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil perhatian dalam perbahasan Belanjawan 2000 di Dewan yang mulia ini, khususnya yang menyentuh pelbagai perkara di bawah bidang kuasa Kementerian Pendidikan. Dalam masa yang terhad ini, tidak mungkin saya dapat memberi penjelasan sepenuhnya kepada semua isu yang dibangkitkan. Oleh itu, izinkan saya menumpukan penjelasan kepada perkara-perkara spesifik khususnya isu pendidikan. Semoga dengan ini tidak lagi menimbulkan kekeliruan dari mana-mana pihak.

Tuan Yang di-Pertua, isu guru lepasan Program Pendidikan Jarak Jauh atau PJJ. Masalah yang dihadapi oleh guru lepasan Program Pendidikan Jarak Jauh telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor, Yang Berhormat Tuan Abdillah bin Abdul Rahim dan Yang Berhormat Tuan Lim Eng Kok. Kementerian Pendidikan prihatin terhadap masalah ini dan izinkan saya memberi penjelasan terhadap senario yang sebenarnya. Untuk makluman semua Ahli Dewan, guru lepasan program PJJ tidak pernah dijanjikan sebarang kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (PPPS) atau DG3 secara automatik.

Perkara ini sudah dinyatakan dengan jelas dalam syarat yang ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 11/1974 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan digunakan oleh semua kementerian semenjak Program Pengajian Luar Kampus diperkenalkan di Universiti Sains Malaysia pada tahun 1971. Dan kemudian, di IPTA yang lain mengendalikannya PJJ tersebut iaitu PJJ ini ialah satu program

sambilan. Berasaskan peraturan ini juga, Kementerian Pendidikan mengeluarkan surat pekeliling dari masa ke semasa bagi menjelaskan syarat kepada guru atau pegawai perkhidmatan pendidikan bukan siswazah yang berhasrat menambah ilmu pengetahuan melalui kaedah PJJ ini.

Saya ingin menjelaskan juga bahawa jawatan DG3, adalah jawatan baru dan pengisiannya bergantung kepada kekosongan. Proses perlantikan ke jawatan tersebut terpaksa melalui beberapa prosedur yang ditetapkan iaitu antaranya memaklumkan kekosongan jawatan melalui iklan. Disebabkan jawatan tersebut merupakan jawatan terbuka, maka guru yang lulus PJJ dan graduan Diploma Pendidikan dari IPTA turut layak memohon jawatan yang sama. Memandangkan keperluan guru pada ketika ini lebih tertumpu kepada beberapa mata pelajaran tertentu yang kritikal khususnya Sains dan Matematik, mereka yang memilih kelulusan dalam bidang berkenaan akan diberi keutamaan untuk ditawarkan jawatan tersebut.

Kementerian akan menyediakan bahan-bahan rujukan kepada guru mengenai bidang pengajian kritikal yang mempunyai lebih banyak kekosongan dalam jawatan DG3. Guru yang berkelulusan dalam bidang pengajian yang tidak kritikal pula, tetap berpeluang untuk memohon mengisi kekosongan jawatan DG3 tetapi akan mengambil masa dan bergantung kepada adanya kekosongan nanti.

Sehubungan itu ini tidak bermakna Kementerian Pendidikan berniat meluntur atau melemahkan semangat guru-guru yang ingin meningkatkan kelulusan akademik mereka. Untuk makluman Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Wahid bin Syed Ghani, kementerian akan terus dengan dasar menggalakkan warga gurunya melanjutkan pelajaran dengan memberi kemudahan seperti cuti tanpa rekod, biasiswa penuh, gaji separuh serta kelonggaran pengesahan dalam jawatan. Selain dari menyediakan program seperti Program Khas Pensiswazahan Guru ataupun PKPG dan guru dalam Program PJJ atau pekerjaan sambilan diberi kelulusan cuti tanpa rekod selama 30 hari setahun untuk membolehkan mereka mengikuti kursus, kuliah, tutorial, bengkel, seminar dan latihan amali berkaitan dengan keperluan kursusnya.

Tan Sri Yang diPertua, isu program matrikulasi. Satu lagi isu terkini yang menjadi bahan perbincangan ialah program matrikulasi sebagaimana yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Datuk Norjan binti Khan Bahadar yang telah menggesa agar syarat kemasukan untuk program tersebut dikaji semula dengan

diperketatkan untuk memastikan agar pelajar-pelajar yang benar-benar cemerlang sahaja ditawarkan untuk mengikuti program ini.

Untuk makluman Yang Berhormat semua, mulai tahun ini kemasukan pelajar program matrikulasi adalah melalui satu peperiksaan yang dipanggil Peperiksaan Kemasukan Program Matrikulasi ataupun PKPM. Ambilan pertama dijalankan pada bulan Januari yakni sebelum keputusan SPM diumumkan. Ambilan kedua pula pada bulan Jun selepas keputusan SPM. PKPM adalah satu cara yang standard untuk memilih pelajar. PKPM hanya ditawarkan kepada pelajar-pelajar mengambil subjek Matematik Tambahan, Fizik, Kimia, Biologi dan Perakaunan dalam peperiksaan SPM.

Soalan bagi peperiksaan ini .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada Yang Berhormat bangun.

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** Terima kasih Tan Sri. Saya ingin tumpang bertanya sedikit sahaja apabila Dato' menyebutkan tadi akan wujudkan peperiksaan dalam kemasukan Matrikulasi, saya nak tahu peperiksaan itu menggunakan Bahasa Inggeris ke atau Bahasa Malaysia. Terima kasih.

**Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin:** Tan Sri Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat, ia diadakan dalam Bahasa Malaysia.

Soalan bagi peperiksaan ini digubal oleh guru-guru pakar dan ditapis sebanyak tiga kali serta dibuat pra uji terlebih dahulu. Daripada 45,000 pelajar yang menduduki PKPM hanya seramai 12,000 pelajar sahaja yang terpilih mengikuti rangking-rangkingnya. Pelajar-pelajar pula perlu memenuhi syarat minimum SPM yang ditentukan sekiranya mahu dikekalkan terus mengikuti Program Matrikulasi ini. Ertinya Tan Sri Yang di-Pertua, apabila mereka menduduki peperiksaan ini mereka tidak ada sijil SPM dan kalau mereka mempunyai 4 syarat kredit, barulah mereka boleh meneruskan kursus Matrikulasi itu.

Daripada 12,000 pelajar tersebut, seramai 10,500 pelajar berjaya meneruskan pengajian dalam program Matrikulasi tersebut. Pelajar-pelajar yang tidak berjaya telah dinasihatkan mengisi borang UPU untuk memasuki mana-mana IPTA. Pelajar dan ibu bapa sudah dimaklumkan terlebih dahulu akan implikasi sekiranya tidak memenuhi syarat minimum SPM sewaktu mendaftar menduduki PKPM dan dalam surat tawaran juga ada menerangkan syarat-syarat ini sebelum mereka menandatangani perjanjian untuk memasuki program tersebut.

Dalam hubungan ini sebenarnya pelajar-pelajar ada mempunyai pilihan iaitu di antara mahu atau ingin masuk pada bulan Januari ataupun pada bulan Jun. Namun demikian, kementerian akan terus mengkaji cara lain yang lebih sesuai untuk mengenalpasti calon yang benar-benar berpotensi sahaja diambil pada bulan Januari. Dengan cara ini mudah-mudahan dapat meminimumkan bilangan yang diberhentikan kerana gagal memenuhi syarat minimum dalam SPM.

Tan Sri Yang di-Pertua, pembiayaan pendidikan pelajar IPT. Yang Berhormat Senator Puan Norsimah Hashim membangkitkan isu kos pengajian yang tinggi di IPT dan mencadangkan skim biasiswa kepada pelajar IPT yang miskin. Yang Berhormat, langkah memberi pinjaman adalah untuk memberi peluang kepada lebih ramai pelajar mendapatkan pembiayaan pendidikan pada masa akan datang. Memandangkan jumlah pelajar yang memerlukan pembiayaan sentiasa bertambah dari tahun ke tahun, kerajaan tidak mungkin dapat membiayai sepenuhnya maka dengan itu diadakan skim pinjaman. Maka pelajar dikehendaki membayar balik wang yang diberikan kepada mereka dalam bentuk pinjaman ini bagi membolehkan satu dana pusingan diwujudkan. Bayaran yang dibayar balik oleh pelajar itu akan digunakan pula untuk membiayai pelajar-pelajar lain yang ingin melanjutkan pelajaran.

Namun demikian untuk makluman Yang Berhormat dan Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman yang mencadangkan agar pelajar yang mendapat kelulusan cemerlang tidak perlu membayar pinjaman. Sebenarnya kerajaan masih menyediakan pembiayaan dalam bentuk biasiswa melalui Jabatan Perkhidmatan Awam dan beberapa agensi kerajaan yang lain di samping badan-badan swasta.

Biasiswa ini ialah untuk pelajar yang cemerlang dan mengikuti kursus-kursus dalam bidang-bidang kritikal seperti perubatan, pergigian, farmasi, dan bidang-bidang kejuruteraan dan teknologi maklumat. Berhubung isu penghantaran pelajar ke luar negara yang juga ditimbulkan oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman dan Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Wahid bin Syed Ghani, pihak kerajaan dan agensi-agensi kerajaan yang menaja pelajar-pelajar memang masih meneruskan program tajaan ke luar negara. Namun perlaksanaannya dibuat secara selektif dengan tumpuan kepada bidang-bidang kritikal dan diberi kepada keutamaan untuk pelajar-pelajar cemerlang khususnya di universiti-universiti terkemuka dengan izin, American top universities dan juga British top universities.

Tan Sri Yang diPertua, berhubung dengan cadangan Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Wahid bin Syed Ghani agar bayaran pinjaman PTPTN yang memberikan wang pendahuluan RM1000 ke RM1500 lebih awal kepada pelajar, kementerian ini akan berusaha agar bayaran tersebut dapat diberikan sebaik sahaja pelajar menerima surat tawaran memasuki IPT. Mengenai jenis-jenis kursus yang melayakkan pelajar mendapat pinjaman, untuk makluman Yang Berhormat, pinjaman PTPTN diberikan kepada pelajar tanpa mengira bidang pengajiannya.

Tan Sri Yang diPertua, isu pemantauan dan kualiti IPTS. Yang Berhormat Tuan Haji Karim Salleh, Yang Berhormat Datuk Ahmad bin Ismail, Yang Berhormat Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi dan Yang Berhormat Hajah Hunaizah Mohd. Nor telah menyentuh isu pemantauan dan kualiti institusi pengajian tinggi swasta ataupun IPTS.

Sebagaimana yang pernah disebutkan dalam Dewan yang mulia ini, kementerian sentiasa memastikan agar IPTS yang telah diberi lesen beroperasi menepati tahap piawaian yang ditentukan. Antaranya, kementerian melakukan lawatan ke premis-premis tersebut untuk menentukan adanya kemudahan-kemudahan asas yang lengkap dan selaras dengan peringkat pengajian yang ditawarkan. IPTS juga perlu mempunyai dana yang mencukupi untuk beroperasi dan ianya dikehendaki mendapat pengesahan daripada tiga agensi sebelum mereka beroperasi iaitu Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Kesihatan dan Majlis Perbandaran supaya keselamatan dan kesesuaian premis tersebut terjamin demi keselamatan anak-anak kita. Pemantauan secara berterusan dijalankan oleh Jabatan Pendidikan Swasta dan Lembaga Akreditasi Negara melalui lawatan-lawatan berkala ataupun lawatan khas juga dibuat jika ada aduan yang berasas diterima.

Mengenai isu penyelewengan sebuah IPTS di Johor Bahru yang memperdaya beberapa pelajar dari negara China yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor, walaupun ini mungkin kes terencil dan belum ditentukan kesahihannya, Kementerian Pendidikan memang memandang serius terhadap kes tersebut dan sedang membuat siasatan. Sekiranya benar-benar berlaku sudah pasti tindakan sewajarnya akan diambil.

Berhubung dengan sama ada kelulusan IPTS diiktiraf oleh negara-negara lain, ia bergantung kepada dasar negara tersebut, sebagaimana juga kita untuk menentukan pengiktirafan terhadap Ijazah dari institusi-institusi pengajian daripada luar negara.

Bagaimana mereka begitulah kita. Dimaklumkan juga bahawa sijil, diploma, ijazah hasil program kolaborasi dengan universiti luar negara sememangnya mendapat pengiktirafan. Namun demikian, kementerian sentiasa menjalankan pemantauan secara berterusan dan mengambil langkah-langkah sewajarnya. Ini diletakkan di bawah pengawasan Lembaga Akreditasi Negara (LAN).

Tuan Yang di-Pertua, isu pengangguran siswazah. Isu pengangguran di kalangan siswazah telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. T. Marimuthu, Yang Berhormat Tuan Abdillah bin Abdul Rahim dan Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman. Bagi pihak Kementerian Pendidikan saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada saranan-saranan untuk mengatasi masalah tersebut. Sebenarnya isu siswazah tidak mendapat pekerjaan sebaik sahaja menamatkan pengajian bukanlah fenomena baru. Ia telah beberapa kali berlaku terutamanya apabila berlaku keadaan yang tidak dapat diduga seperti apabila negara dilanda masalah kegawatan ekonomi. Dalam hubungan ini, institusi-institusi pengajian tinggi tetap berperanan melatih graduan mengikut keperluan negara. Terpujanglah kepada graduan untuk memilih bidang kerjanya, kerjaya yang bersesuaian apabila tamat pengajiannya nanti. Dengan keadaan ekonomi yang semakin pulih sekarang ini Kementerian Pendidikan berkeyakinan masalah pengangguran ini akan dapat diatasi dengan baiknya, insya-Allah.

Masalah gengsterisme di sekolah. Isu gengsterisme di sekolah yang mendapat liputan meluas sekarang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. T. Marimuthu, Yang Berhormat Puan Sita Hawa binti Mohd. Nor, Yang Berhormat To' Puan Wan Seri Asiah binti Ahmad dan Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad bin Ismail. Walaupun pada hakikatnya masalah gengsterisme di sekolah hanya melibatkan 0.8% pelajar, Kementerian Pendidikan tidak memandang ringan perkara ini. Kerjasama akan terus ditingkatkan khususnya dengan pihak polis. Kementerian Pendidikan berpandangan istilah "gengsterisme" ini agak kurang sesuai digunakan untuk kes-kes salah laku di kalangan pelajar.

Dalam hubungan ini juga, kementerian ini amat bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Dato' Dr. T. Marimuthu bahawa keadaan persekitaran memainkan peranan yang menyumbang kepada masalah-masalah disiplin dan salah laku pelajar. Sehubungan itu juga, di samping usaha-usaha pencegahan pihak sekolah, Kementerian Pendidikan mengalu-alukan kerjasama daripada komuniti setempat bagi

menghindar masalah tersebut supaya jangan berleluasa. Oleh itu, peranan PIBG khususnya dalam hal ini sangatlah diharapkan. Oleh itu, semua ibu bapa diseru melalui PIBG membantu pihak sekolah dalam hal mewujudkan masyarakat yang harmoni di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, perancangan pendidikan. Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat Dato' Dr. T. Marimuthu agar satu suruhanjaya pendidikan 2000 ditubuhkan untuk menyemak semula kokurikulum dan laporan terperinci perkembangan pendidikan Kementerian Pendidikan, Kementerian Pendidikan menghargai pandangan tersebut. Kami mengalu-alukannya. Sebenarnya Yang Berhormat, kementerian ini sedang mengambil langkah-langkah tersebut dan menyediakan, dengan izin, satu blue-print bagi perancangan dan hala tuju pendidikan untuk 10 tahun akan datang yang meliputi pembangunan fizikal dan juga sumber manusia.

Mengenai dasar 60-40 iaitu Sains-Sastera yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman, kementerian sedar sasaran tersebut belum lagi tercapai. Justeru itu, pelbagai usaha telah dijalankan untuk mencapai matlamat tersebut. Antaranya, semua sekolah berasrama penuh hanya menawarkan mata pelajaran elektif Sains sahaja mulai 1995 dan juga 1996, Program Gerak Gempur Sains dan Matematik bagi meningkatkan prestasi pelajar dalam Peperiksaan SPM dan SPM(V) bagi mata pelajaran Sains dan Matematik. Selain itu, Kementerian Pendidikan dengan kerjasama Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar mewujudkan Program Pelan Tindakan Pembangunan Teknologi Perindustrian seperti Program Kem Sains, pameran Projek Reka Cipta, Program Celik IT, Program Kesedaran Teknologi Maklumat, Program Kem IT dan Program Kesedaran Sains. Sebanyak RM10 juta telah diperuntukkan bagi tujuan untuk menjalankan rancangan pelaksanaan Program Pembangunan Staf Guru Sains untuk tempoh 1998 hingga 2000 ini.

Isu kurikulum persekolahan. Yang Berhormat Tuan Abdillah bin Abdul Rahim ingin penjelasan sama ada pendidikan keusahawanan dimuatkan di dalam kurikulum pendidikan. Tuan Yang di-Pertua, komponen keusahawanan ada terdapat dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup, Perdagangan dan Simpan Kira Ekonomi Asas. Selain itu, dalam aktiviti kokurikulum unsur-unsur keusahawanan diterapkan dalam koperasi

sekolah dan Program Usahawan Muda anjuran Kementerian Pembangunan Usahawan dan sektor swasta.

Untuk makluman Yang Berhormat Datuk Ghazi bin Haji Ramli yang ingin mengetahui status pelaksanaan sekolah bestari pada tahun ini iaitu tahun 2000, telah dilaksanakan sebanyak 80 buah sekolah yang dipanggil Sekolah Rintis termasuk juga tiga buah di sekolah rendah. Di samping itu, kementerian mempunyai rancangan untuk pengajaran menggunakan komputer dan melengkapkan sekolah-sekolah dengan kemudahan, dengan izin, information, communication, technology melalui projek penyediaan infrastruktur dan fizikal. Menjelang tahun 2001, sebanyak 6,400 buah sekolah atau 75% daripada jumlah sekolah di seluruh negara dilengkapkan dengan komputer di bawah Program Perluasan Pengkomputeran, insya-Allah.

Mengenai pengajaran agama lain selain daripada Pendidikan Islam, untuk pengetahuan Yang Berhormat Puan Jaya Partiban, mengikut Akta Pendidikan 1966, Seksyen 51 jelas menyatakan bahawa pengelola institusi-institusi pendidikan bantuan kerajaan boleh mengadakan pengajaran bagi agama lain selain daripada agama Islam tetapi tidak boleh dibiayai dengan wang yang diperuntukkan oleh Parlimen.

Cadangan Yang Berhormat Puan Chew Poh Thoi agar sukatan pelajaran penulisan Bahasa Malaysia diberi penekanan di SRJK(C) memandangkan ramai murid yang gagal dalam mata pelajaran tersebut, maka perkara tersebut memang dalam pengetahuan Kementerian Pendidikan. Sehubungan itu, pihak sekolah perlu menggalakkan murid menggunakan bahasa tersebut sama ada secara lisan atau bertulis kerana kemahiran menguasai sesuatu bahasa hanya boleh dicapai apabila murid sendiri mempraktikkannya.

Berkaitan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan See Too Mee berhubung masalah kekurangan guru bahasa Cina, Kementerian Pendidikan sentiasa bersimpati. Di sini ingin saya jelaskan bahawa Kementerian Pendidikan telah melakukan pelbagai usaha untuk mengatasi masalah tersebut termasuk:

- (i) melonggarkan syarat kelayakan masuk ke maktab perguruan bagi menggalakkan lebih ramai pelatih pengkhususan Bahasa Cina;
- (ii) mengadakan dengan izin, *walk in interview* di samping itu mengambil guru sandaran tidak terlatih; dan
- (iii) melantik guru-guru kontrak.

Masalah yang timbul ialah kurangnya sambutan yang diterima daripada golongan muda yang berkecenderungan dalam pengajian Bahasa Cina yang berminat untuk mencebur diri dalam bidang perguruan ini.

Berhubung dengan masalah adanya guru-guru kontrak di Johor yang masih belum diterima mengajar, sukacita saya Yang Berhormat kalau dapat senarai nama guru dan sekolah tersebut dipanjangkan kepada pihak Kementerian Pendidikan supaya perkara ini dapat diatasi dengan segera.

Tuan Yang di-Pertua, isu penswastaaan bekalan makanan di asrama. Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman dan Yang Berhormat Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan telah mempersoalkan mengenai penswastaaan bekalan makanan ke sekolah berasrama penuh yang diberikan kepada kontraktor-kontraktor besar seperti MAS Catering dan Besta.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Dewan yang mulia ini, keputusan untuk melantik sebarang syarikat membekalkan makanan bukan di bawah bidang kuasa Kementerian Pendidikan. Walau bagaimanapun, Kementerian Pendidikan berpandangan bahawa sebarang kontraktor yang dilantik seharusnya dapat menyediakan sajian makanan mengikut spesifikasi yang ditetapkan dan yang penting para pelajar dapat kualiti yang baik dalam makanannya supaya seimbang dan sesuai dengan proses pembesaran mereka nanti. Sekiranya ada cadangan-cadangan yang membina dari pihak Ahli-ahli Yang Berhormat, kementerian ini bersedia untuk menimbangkannya, insya-Allah.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin minta laluan sedikit. Sebenarnya soalan itu bukan ditujukan kepada Kementerian Pendidikan. Dalam ucapan saya, saya tujukan kepada kerajaan, saya faham adakah perkara ini dikaji semula oleh EPU atau Jabatan Perdana Menteri kerana saya faham benar dari segi penswastaaan ini, ianya berkaitan dengan EPU sungguhpun ianya dalam bidang kuasa dan hal ehwal pendidikan. Jadi, kalau dapat pihak kerajaan menjawab jugalah soalan itu, tidak kiralah siapa.

**Datuk Abdul Aziz bin Shamsuddin:** Tuan Yang di-Pertua, dengan tidak ada merasa offence, saya mengakui kesilapan saya. Walau bagaimanapun, pihak kementerian akan berhubung dengan pihak EPU dan Kementerian Kewangan supaya perkara ini dapat kita selesaikan bersama.

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** [*Bangun*]

**Datuk Abdul Aziz bin Shamsuddin:** Isu pembangunan dan prasarana pendidikan .....

**Dato' Michael Chen Wing Sum:** Yang Berhormat, ....

**Datuk Abdul Aziz bin Shamsuddin:** Ada lagi? [*Ketawa*]

**Dato' Michael Chen Wing Sum:** ....Yang Berhormat Puan Jamilah binti Ibrahim meminta laluan.

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa tadi hampir-hampir Yang Berhormat Datuk hendak cakap habis mengenai education. Saya ada tanya mengenai pendidikan terencat akal. Kalau boleh saya hendak tahu jugalah mengenai terencat akal. Terima kasih.

**Datuk Abdul Aziz bin Shamsuddin:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Persediaan untuk anak-anak kita yang terencat akal, yang buta, yang pekak, yang bisu, semuanya berada dalam penguasaan Kementerian Pendidikan dan kita mempunyai Maktab Ilmu Khas untuk melatih guru-guru kita di Cheras supaya anak-anak ini tidak terbiar. Mungkin bilangannya bertambah setiap tahun tetapi kita akan berusaha supaya perkara ini dapat diatasi, okay. Terima kasih.

Isu-isu pembangunan dan prasarana pendidikan. Sebagaimana dalam perbahasan-perbahasan yang lepas di Dewan yang mulia ini, soal menyediakan kemudahan prasarana pendidikan mendapat tempat di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat. Antara yang menimbulkannya dalam perbahasan kali ini ialah Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Malek bin Haji Abdul Ghani, Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad bin Ismail, Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman, Yang Berhormat Datuk Christina Lorline Tibok Vanhouten, Yang Berhormat Puan Siti Hawa @ Karimah binti Mohd. Nor, Yang Berhormat Tuan Parasuraman a/l Sanasamy, Yang Berhormat Tuan Haji Karim bin Salleh, Yang Berhormat Tuan Khoo Lay Hin, Yang Berhormat Tuan Abdillah bin Abdul Rahim dan juga Yang Berhormat Datuk Long bin Jidin.

Isu yang dibangkitkan ialah mengenai pembinaan sekolah, bekalan elektrik, asrama, masalah sekolah di kawasan estet, pembinaan bilik darjah dan juga rumah-rumah guru. Oleh kerana terlalu panjang, jika dibuat penjelasan satu persatu, maka mungkin perkara ini tidak dapat diselesaikan. Saya ingin menegaskan memanglah menjadi agenda dan keutamaan kementerian ini untuk menyediakan kemudahan-kemudahan tersebut dan ia akan dilaksanakan mengikut permintaan dan keutamaan.

Selain itu juga ia bergantung kepada kemampuan kewangan kerajaan, selain itu juga ia bergantung kepada tempat-tempat yang ditentukan nanti. Pada masa ini Kementerian Pendidikan sedang meneliti keperluan sebenar untuk dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Kelapan. Marilah kita sama-sama berdoa semoga negara kita terus maju dalam ekonomi dan stabil dalam politiknya supaya cita-cita kita untuk melahirkan kecemerlangan dalam pendidikan dapat dilaksanakan dengan jayanya, insya -Allah.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahajalah yang dapat saya jelaskan mengenai perkara-perkara yang menyentuh Kementerian Pendidikan yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator kita sekalian. Perkara-perkara yang tidak sempat saya jelaskan kali ini akan diberi perhatian dan tindakan sewajarnya nanti, insya -Allah. Sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua rakan saya Ahli-ahli Yang Berhormat, yang telah memberikan sokongan berterusan, teguran yang membina dan pandangan yang positif kepada Kementerian Pendidikan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Michael Chen Wing Sum:** Yang Berhormat dari Kementerian Penerangan menjawab.

**4.09 ptg.**

**Timbalan Menteri Penerangan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Penerangan semasa membahaskan Belanjawan ini.

Yang Berhormat Puan Nosimah binti Hashim mencadangkan supaya Kementerian Penerangan membanyakkan aspek pengetahuan dan pendidikan dalam siaran televisyen sebagai usaha untuk mengatasi masalah sosial di kalangan masyarakat.

Untuk makluman Yang Berhormat, RTM merupakan media elektronik yang berperanan menyampaikan maklumat serta mesej-mesej semasa kerajaan dari dalam dan luar negara melalui rancangan-rancangan yang berkonsepkan kepada *infotainment dan edutainment*, dengan izin. Sebagai media rasmi kerajaan, TV1 dan TV2 sentiasa menampilkan ciri-ciri kepimpinan, menyampai dan menyalurkan maklumat tentang dasar-dasar kerajaan dengan tepat dan jelas. RTM sentiasa peka kepada

perkembangan isu semasa dan menitik berat dalam aspek pengetahuan dan pendidikan yang merupakan 78% isi kandungan rancangan TV1 dan 41.1% di TV2.

Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman menyatakan bahawa laman web Kementerian Penerangan masih menyatakan Dato' Mohamed Rahmat sebagai Menteri Penerangan. Laman web Kementerian Penerangan sentiasa dikemas kini setiap minggu. Manakala berita terkini dalam laman web tersebut dikemas kini setiap hari. Nama Dato' Mohamed Rahmat terdapat dalam senarai nama Menteri-Menteri Penerangan dan Yang Berhormat boleh mengikuti laman web ini di alamat [www.kempen.gov.my](http://www.kempen.gov.my).

Mengenai cadangan Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Malek bin Haji Abdul Ghani supaya RTM menyediakan program untuk mendidik pengguna. Suka saya jelaskan bahawa RTM telah pun menerbitkan rancangan bertajuk 'Kita Pengguna' yang disiarkan seminggu sekali selama satu jam setiap hari Isnin, jam 8 pagi hingga 9 pagi dalam satu slot Jendela Pagi. Kandungan rancangan ini terbahagi kepada tiga segmen iaitu Berita Pengguna, Tip Pengguna dan Isu-isu Pengguna. Maklumat mengenai pengguna juga dibuat hebahan dan disiarkan dalam berita semua stesen radio dan televisyen RTM.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Jaya Partiban pula, mencadangkan supaya pendidikan agama dan moral diadakan di Radio 6 sebagai usaha untuk mengelakkan generasi muda keturunan India dari terlibat dalam gejala sosial. Untuk makluman Yang Berhormat, bagi pendengar bukan Islam, Radio 6 ada menyiarkan rancangan berbentuk moral dalam kategori rancangan belia iaitu Belia Bergerak Maju setiap hari Ahad selama 55 minit mulai jam 5.05 minit petang hingga 6.00 petang. Dan, kandungannya termasuklah soal-soal remaja, kanak-kanak dan pendidikan. Selain itu Radio 6 juga menyiarkan rancangan berunsur moral, pendidikan dan pembangunan rohani dimuatkan dalam segmen antara jam 6.00 pagi hingga 9.00 pagi.

Mengenai cadangan supaya disediakan rancangan dalam bahasa Thai di stesen radio negeri di Alor Star, Kangar dan Kota Bharu untuk keturunan orang Siam oleh Yang Berhormat Dato' Charern Intachat. Suka saya jelaskan iaitu untuk makluman Yang Berhormat, pada masa sekarang semua stesen radio di negeri-negeri menggunakan Bahasa Melayu sepenuhnya. Walau bagaimanapun, siaran khas radio untuk orang-orang Siam ada terdapat sebagai salah satu bahasa siaran Suara Malaysia

atau dengan izin, *The Voice of Malaysia* yang telah wujud sejak 1 Januari 1972. Jangka masa siarannya ialah satu setengah jam sehari, disiarkan dari pukul 900 malam hingga 10.30 malam. Siaran ini disiarkan mela lui gelombang pendek 6100 kh 49 meter band. Ia boleh diikuti di sebelah utara Semenanjung Malaysia.

**Dato' Michael Chen Wing Sum:** Bolehkah Yang Berhormat Dato' Charern Intachat minta penjelasan.

**Dato' Charern Intachat:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Timbalan Menteri Penerangan yang memberi laluan kepada saya. Saya telah pun mengikuti siaran yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi. Sebenarnya siaran ini ialah untuk pendengar-pendengar di negara Thailand, dia bukanlah menyentuh tentang program untuk rakyat Malaysia. Terima kasih.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus :** Tuan Yang di-Pertua, saya fikir, Yang Berhormat ini pun ada bisik dengan saya tentang masalah ini dan saya maklum dan kita ada merundingkan di peringkat kementerian untuk mencari jalan yang sebaik mungkin untuk dapat menampung keperluan pendengar-pendengar yang ada di sekitar sempadan di sebelah utara ini. Cuma sama ada sesuai atau tidak sesuai diadakan dalam bentuk yang dihasratkan oleh Yang Berhormat itu, saya harap Yang Berhormat tolong sabar sikit, kita tengah cuba mencari jalan ini. Saya maklum tentang perkara ini.

Yang Berhormat Puan Hajah Puizah binti Haji Abu Kassim pula menyarankan supaya filem-filem ganas dihentikan tayangannya di televisyen bagi mengelakkan masalah gejala sosial. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua filem yang ditayangkan oleh RTM sudah ditapis unsur-unsur ganas, seram, seks dan pertentangan budaya selepas filem itu diluluskan oleh Lembaga Penapis Filem, Kementerian Dalam Negeri.

Yang Berhormat Dato' Ghazi bin Haji Ramli dan Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad bin Ismail telah membangkitkan soal penubuhan saluran RTM3. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Penerangan sedang mengkaji penubuhan saluran ini sebelum dibawa untuk pertimbangan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad bin Ismail juga menyentuh beberapa perkara tentang siaran RTM. Yang Berhormat telah mendakwa bahawa siaran-siaran sitkom RTM1 dan RTM2 tidak bermutu, ga gal menarik minat pengiklan berbanding dengan TV swasta dan mencadangkan supaya ia digantikan

dengan rancangan lain yang lebih bermutu atau RTM memendekkan sahaja masa siaran RTM.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, RTM telah mengambil tindakan untuk menggantikan semua sitkom yang tidak menarik secara berperingkat-peringkat sehingga semua bahan siaran yang diperolehi sebelum ia disiarkan. Sebagai contoh, beberapa sitkom seperti Gelora, Tok Moh dan Cam Ni Cam Tu telah pun ditamatkan siarannya.

Pandangan Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad bin Ismail agar RTM diberi suntikan baru untuk membolehkan ia bersaing dengan stesen televisyen swasta adalah dihargai. Sebagai media elektronik kerajaan, RTM masih mampu bertahan sebagai saluran televisyen dan radio yang diminati ramai. Dalam merancang masa depan operasinya, RTM mengutamakan kualiti bahan siaran dan kesesuaian peralatannya agar setanding dengan perubahan masa selain meningkatkan kemahiran semua peringkat kakitangan.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh Kementerian Penerangan semasa membahaskan Rang Undang-Undang Perbekalan tahun 2000. Jika ada mana-mana perkara yang dibangkitkan dan tidak dijawab di sini, saya beri jaminan bahawa segala pandangan dan teguran membina yang telah dikemukakan itu, Insya-Allah, akan diberi perhatian dan di mana yang munasabah dan sesuai diambil tindakan. Sekian, terima kasih.

**Dato' Michael Chen Wing Sum:** Saya minta Yang Berhormat dari Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menjawab.

**4.20 ptg.**

**Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Dr. Ng Yen Yen]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi cadangan, pendapat serta teguran-teguran yang membina dalam perbahasan ke atas perbekalan belanjawan yang menyentuh mengenai Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan sangat menghargai dan mengucapkan berbilang terima kasih atas cadangan Yang Berhormat Senator Datuk Zainudin bin Maidin mengenai penubuhan Muzium Rakyat di Baling, Kedah. Peristiwa dan kejayaan kita menghapuskan pengganas komunis

yang dianjurkan oleh Parti Komunis Malaya dahulu merupakan menjadi salah satu episod penting dalam sejarah negara ini. Kaitan peristiwa ini di Baling ialah usaha-usaha yang dilakukan oleh Kerajaan Tanah Melayu di bawah kepimpinan Tunku Abdul Putra mengadakan rundingan dengan para pemimpin Parti Komunis Malaya (PKM) di Sekolah Rendah Baling pada 28 dan 29 Disember 1955 bagi mencari jalan penyelesaian. Kegagalan perundingan tersebut telah membawa kepada peperangan habis-habisan rakyat dan kerajaan pada ketika itu bagi menghapuskan pengganas komunis dan ideologi komunis yang disokong oleh PKM.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian akan menentukan isu ini diambil tindakan oleh agensi-agensi terlibat agar peristiwa di Baling ini dapat diabadikan untuk difahami dan menjadi pengajaran kepada generasi akan datang. Dalam hal ini, satu jawatankuasa khas yang diwakili oleh agensi terlibat iaitu Jabatan Muzium dan Antikuiti, Jabatan Arkib Negara, Polis Diraja Malaysia, Kementerian Pendidikan dan Kerajaan Negeri Kedah akan dibentuk untuk membuat tindakan susulan ke arah penubuhan muzium atau apa jua cara lain yang sesuai bagi mengingati peristiwa tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator S. Parasuraman pula telah mencadangkan agar kementerian menambah tempat-tempat pelancongan, umpamanya membina water world, Malaysia disneyland, dengan izin, dan lain-lain untuk menambah bilangan pelancongan dengan kerjasama dari Kementerian Kerja Raya dan penerbangan Malaysia untuk menggalakkan pelancongan ke Malaysia Timur.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bahawa kementerian telah bersama dengan kerajaan-kerajaan negeri, sentiasa mengenal pasti tempat-tempat pelancongan yang berpotensi untuk dibangunkan dan dipromosikan bagi menarik ramai 'kedatangan' pelancong asing mahupun domestik. Tempat-tempat pelancongan yang dibangunkan ini, adalah berasaskan kepada cita rasa pelancong, imej dan kekuatan serta keunikan tempatan iaitu warisan, alam semula jadi, sosio budaya dan sejarah.

Selain daripada tempat-tempat pelancongan tersebut, kerajaan juga menggalakkan kepelbagaian pembangunan produk pelancongan lain terutamanya yang berasaskan kepada buatan manusia, dengan izin, man made attraction, seperti taman tema. Sehingga ini terdapat lapan buah taman tema yang mempunyai identiti tersendiri yang telah beroperasi di Malaysia seperti The Mines Wonderland, Genting Theme Park, Bukit Merah Water Park, Wet World Shah Alam dan sebagainya.

Tuan Yang diPertua, Yang Berhormat Senator Dato' Ghazi bin Haji Ramli mencadangkan kementerian terutamanya Panggung Negara supaya lebih menekankan dan menitikberatkan dari segi isi serta dapat memberi pendidikan ketika setiap kali mengadakan persembahan. Panggung Negara sentiasa berusaha untuk meningkatkan mutu persembahan dalam apa jua bidang yang diadakan iaitu bidang teater, muzik serta tari. Dalam usaha meningkatkan kualiti persembahan ini, sememangnya pihak Panggung Negara tidak pernah mengabaikan aspek isi serta pendidikan yang terkandung disebalik persembahan yang diadakan itu.

Sebagai contoh, pementasan teater '*Keris Sang Puteri*' telah memaparkan tentang pengorbanan rakyat demi kesetiannya terhadap negara serta '*Rubiah*' yang menekankan aspek keagamaan serta pegangan teguh kepada prinsip hidup. Bagi pementasan epik *Tun Perak* yang akan dipentaskan mulai 6 hingga 20 Mei tahun ini akan mengenengahkan aspek sejarah di mana selain daripada memberi pendidikan mengenai sejarah kesultanan Melaka, ia juga memaparkan tentang kesetiaan rakyat kepada pemimpin tanpa berbelah bagi.

Penekanan mengenai aspek pendidikan juga menjadi tanggungjawab Panggung Negara yang disalurkan melalui beberapa aktiviti lain yang diadakan seperti bengkel-bengkel berkaitan dengan bidang muzik, teknikal, tari, teater dan sebagainya yang dianjurkan oleh Panggung Negara sendiri serta kerjasama dengan Akademi Seni Kebangsaan dan juga pihak swasta.

Tuan Yang diPertua, Yang Berhormat Dato' Ghazi pun mencadangkan agar Dasar Kebudayaan Kebangsaan dikaji semula kerana telah berlaku banyak perubahan. Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana begitu prihatin terhadap pencapaian Dasar Kebudayaan Kebangsaan. Kementerian sentiasa meneliti dan mengkaji pelaksanaan Dasar Kebudayaan Kebangsaan pada setiap masa khususnya ketika Malaysia menuju sebagai negara maju, sebagaimana matlamat Wawasan 2020.

Tiga prinsip utama dasar ini iaitu berasaskan kebudayaan rakyat asal rantau ini, unsur-unsur kebudayaan etnik rakyat Malaysia lain yang sesuai dan wajar diterima menjadi unsur Kebudayaan Kebangsaan dan Islam menjadi unsur yang penting dalam pembentukan Kebudayaan Kebangsaan sentiasa relevan dengan kemajuan negara. Menyedari bahawa kebudayaan adalah sesuatu yang dinamik dan rakyat Malaysia terdiri daripada berbilang kaum, mewarisi dan mempunyai

kebudayaan yang tersendiri serta atas prinsip Rukun Negara dan Perlembagaan Malaysia, maka Dasar Kebudayaan Kebangsaan yang sedia ada masih digunakan. Beberapa unsur penyatuan dan persamaan nilai dasar bangsa Malaysia iaitu hubungan kekeluargaan yang erat, kepercayaan kepada nilai-nilai baik agama, toleransi antara kaum, ilmu sebagai dasar kehidupan rakyat dan penerimaan sains dan teknologi yang sesuai dari dalam dan luar negeri merupakan unsur penyatuan rakyat Malaysia yang merdeka dan bersedia menghadapi cabaran dan perubahan termasuklah globalisasi mengikut acuan kita sendiri.

Selain daripada itu, Yang Berhormat juga telah mencadangkan agar kementerian mewujudkan kumpulan pemikir, dengan izin, think tank bagi menyediakan rancangan strategik, budaya dan seni.

Tuan Yang diPertua, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan sememangnya mempunyai kumpulan pemikir, iaitu Majlis Penasihat Kebangsaan Berkenaan Kebudayaan (MPKKBK) yang diwujudkan semenjak tahun 1976. Keahlian MPKKBK terdiri dari pemikir-pemikir budaya yang pakar dalam bidang masing-masing seperti Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Awang Had Salleh, Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Abdul Kadir Talib, Yang Berbahagia Profesor Mohamad Haji Salleh. Peranan MPKKBK ialah menasihati kementerian sama ada secara memberi pandangan atau syor terutama dalam hal-hal berkaitan dengan pembangunan kebudayaan dan pembinaan bangsa Malaysia yang beridentitikan budaya Malaysia.

Selain di peringkat kementerian sendiri terdapat juga agensi-agensinya di bawah kementerian yang mempunyai kumpulan pemikir atau penasihat dengan keahlian yang berbeza dan mengikut bidang masing-masing seperti Lembaga Amanah Balai Seni Lukis untuk Balai Seni Lukis, di antara ahlinya adalah Tan Sri Kamarul Ariffin bin Mohd. Yassin, Yang Mulia Dato' Raja Arshad bin Raja Tun Uda dan Puan Sharifah Zuria Syed AlJefri. Juga untuk Akademi Seni Kebangsaan adalah Majlis Penasihat ASK dan ahli antaranya ialah Tan Sri Dato' Dr. Awang Had Salleh, Dr. Arif Ahmad dan Encik Johari Salleh Untuk Jabatan Arkib Negara kita ada Lembaga Penasihat Jabatan Arkid Negara dan antara ahlinya ialah Tan Sri Abdullah bin Haji Mohd. Saleh, Profesor Dato' Zainal Abidin bin Abdul Wahid dan Dato' Haji Omar Mohd. Hashim. Kementerian sedar akan pentingnya kumpulan pemikir ini dan sehingga ini sumbangan kumpulan tersebut amat membanggakan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Ghazi telah meminta kementerian diharap dapat menyelaraskan pelbagai kumpulan seni teater yang ada agar mereka menonjolkan isu-isu teater yang dapat menyampaikan mesej yang baik kepada masyarakat. Kementerian sentiasa menyelaras dan memantau aktiviti dan persembahan kumpulan seni teater di negara ini supaya sentiasa peka dan mengikut garis panduan pentas yang dikeluarkan oleh kementerian ini serta yang diarah oleh pihak berkuasa tempatan yang mengeluarkan permit cukai hiburan dan dipanjangkan text script atau sinopsis cerita yang akan dipentaskan kepada Jabatan Polis Diraja Malaysia apabila diperlukan dari masa ke masa.

Pihak kementerian ini melalui Bahagian Kebudayaan di dalam usaha membangunkan teater di negara ini telah mengatur beberapa aktiviti seperti pekan teater di negeri dan juga di kebangsaan serta mengadakan bengkel dan seminar yang berkaitan dengan kepimpinan persatuan, penulisan skrip, pengarah, lakonan dan teknikal produksi. Panggung negara pula mengadakan persembahan teater bermutu tinggi dari dalam dan luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini juga di dalam membangunkan persatuan-persatuan teater di negara ini telah membantu penubuhan Majlis Teater Malaysia (Tema), iaitu sebuah badan induk yang menjadi penemuan kepada kumpulan-kumpulan teater di seluruh Malaysia. Tema sentiasa bekerja rapat dengan kementerian untuk memantau dan menyelaras kegiatan kumpulan teater supaya tidak mendatangkan apa-apa kesan negatif kepada masyarakat, sebaliknya mengetengahkan martabat dan identiti bangsa melalui seni persembahan teater yang bermoral dan bermutu tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, Yang Berhormat Datuk Ghazi juga mencadangkan ada usaha mewujudkan perkampungan hiburan, entertainment village - e-village dengan izin, perlulah berteraskan kekuatan budaya dan seni Malaysia di samping membuat persediaan yang rapi dalam usaha membina perkampungan hiburan ini. Konsep ini ....

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin buat lalu sedikit. Kita memang sudah prihatin dengan kecanggihan istana budaya yang dibuat oleh kerajaan yang menelan belanja RM210 juta dan kita pun sudah dijemput untuk menyaksikan sedikit-sebanyak. Tetapi soalnya, seperti yang disebutkan dalam Dewan yang mulia ini, pemasaran, kegiatannya masih lembab. Ia

mungkin ada program yang begitu banyak tetapi saya hendak tanya adakah pihak kementerian mempunyai mailing list dengan izin. Saya tidak pernah tahu, cuma baca surat khabar dari segi programnya, macam saya sebut di Petronas, ia ada mailing listnya. Sebab itulah harga RM210 pun orang pergi, yang RM30 yang dibuat oleh istana budaya tidak ramai orang pergi sungguhpun mutunya mungkin baik. Jadi, saya hendak tanya pihak kerajaan dengan wujud persatuan, karyawan, kecanggihan, teknologi yang tinggi, adakah ia dipasarkan bila kita adakan program tahunan, pasarlah beritahu orang ramai, orang-orang yang minat pada seni dan sebagainya, para akademik dalam mailing listnya? Terima kasih.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz, memang untuk kejayaan istana budaya, kementerian bersetuju sangat pemasaran itu sangat mustahak. Jadi, sekarang kita ada buat kaji dan sekarang kita akan mendirikan satu bidang pasaran untuk istana budaya.

Tuan Yang di-Pertua, konsep e-village dicadangkan oleh Multimedia Development Co-orporation adalah satu venue bagi pembikinan filem bertempat di Multimedia Super Corridor yang menyerupai Universal Studio di Hollywood. Perkara ini adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Penerangan dan Kementerian Penerangan akan bekerjasama dengan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dalam mewujudkan garis panduan terutama sekali yang berkaitan dengan budaya dan adat resam yang melambangkan identiti bangsa.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Ghazi turut meminta kementerian membuat kajian untuk mengetahui kehendak-kehendak sebenar pelancong asing seperti Arab, Jepun dan lain-lain lagi apabila datang ke Malaysia. Dimaklumkan bahawa Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menjalankan kajian pemergian pelawat asing sebanyak tiga pusingan setiap tahun bagi mendapatkan profail-profail pelancongan dari luar negara seperti Jepun, Taiwan, Hong Kong, Asia Barat dan sebagainya. Kebanyakan dari pelancong yang melawat Malaysia tertarik dengan masyarakat kita yang peramah, pantai yang indah serta keadaan yang selamat bagi para pelancong.

Yang Berhormat Senator Haji Abdul Malek bin Haji Abdul Ghani telah mencadangkan memperhebatkan usaha tarikan pelancongan negeri Perlis serta pembangunan industri pelancongan negeri tersebut. Tuan Yang di-Pertua, kementerian sentiasa berbincang dengan Kerajaan Negeri Perlis bagi meningkatkan

pembangunan produk-produk pelancongan di negeri ini supaya ianya boleh menjadi destinasi pelancongan yang digemari oleh pelancong-pelancong asing dan tempatan. Bagi memantapkan lagi industri pelancongan di negeri Perlis, kementerian menyediakan peruntukan pembangunan bagi membangunkan produk-produk pelancongan di negeri Perlis. Di bawah Rancangan Malaysia Keenam, kementerian telah memberikan peruntukan berjumlah RM8.1 juta bagi melaksanakan projek-projek pelancongan di antaranya seperti berikut:

- (i) mengindahkan pintu masuk dan pembinaan tandas awam di Padang Besar;
- (ii) menyediakan dan meningkatkan kemudahan-kemudahan pelancongan di Kuala Perlis, Hutan Lipur Wang, Mengkuang dan Bukit Kubu dan juga kemudahan-kemudahan di Gua Kelam dan lorong berjalan kaki di tangga.

Di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh pula, RM16.2 juta telah disediakan bagi pembangunan projek-projek termasuk pembangunan Taman Negeri Wang Kelian. Projek ini merupakan projek perintis ekopelancongan dan apabila siap projek ini dijangka akan dapat menarik lebih ramai pelancong-pelancong ke negeri Perlis. Projek-projek lain yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- (i) Taman Budaya Perlis yang diperuntukkan dekat RM7.6 juta;
- (ii) kemudahan penginapan di Bukit Air, peruntukan yang diberikan ialah RM4.5 juta; dan
- (iii) Muzium Sejarah Kota Kayang.

Pada masa ini, kementerian sedang meneliti permohonan projek-projek pembangunan 'RM4' dari Unit Perancang Ekonomi Negeri Perlis untuk diperakukan kepada agensi pusat.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Karim Ghani membangkitkan perkara mengenai penculikan di Pulau Sipadan. Kementerian yakin kes penculikan di Pulau Sipadan akan diselesaikan secepat mungkin demi kepentingan keselamatan para pelancong yang terlibat.

Kesan negatif kejadian ini kepada aliran pelancongan ke kawasan pada masa sekarang tidak begitu mudarat. Ini adalah kerana ianya merupakan isolated incident, dengan izin, di kawasan di mana jenis pelancongan yang dianjurkan amat khusus, specialized, iaitu scuba diving pelancongan, dengan izin. Pengunjung ke kawasan ini

biasanya perlu maklumat yang rapi dan menyeluruh. Sebagai contoh, jumlah pengunjung dari Jepun ke kawasan ini bagi *Golden Week Holidays* pada penghujung minggu yang lepas tetap berjalan seperti biasa. Walau bagaimanapun, media massa tempatan harus memainkan peranan supaya laporan mengenai kejadian ini dikawal supaya ianya tidak mengelirukan.

Yang Berhormat Datuk Haji Karim membangkitkan mengenai kesan layanan mesra bagi peringkat jumlah pelancong ke negara ini. Kementerian bersetuju sepenuhnya dengan Yang Berhormat. Malaysia merupakan destinasi pelancongan di mana tahap layanan ini dianggap sangat tinggi. Walau bagaimanapun, kementerian ini sedar bahawa terdapat ruang di mana layanan serta kemesraan di negara ini dapat dipertingkatkan lagi untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat pelancongan terbaik di rantau ini.

Kementerian sentiasa menekankan keperluan ini dan bekerjasama dengan pengusaha hotel dan agensi pelancongan bagi mengadakan latihan serta kempen-kempen mengenainya dari semasa ke semasa. Dan Yang Berhormat juga cadangkan kerja lima hari satu minggu. Kementerian akan memberi pertimbangan di atas cadangan Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata saya sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah turut serta dalam perbahasan yang menyentuh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan di Dewan yang mulia ini. Segala cadangan dan pandangan yang telah dibangkitkan akan diberi perhatian oleh kementerian saya dalam perancangan masa depan terutamanya dalam mempromosikan Malaysia sebagai satu destinasi pelancongan yang menjadi pilihan utama para pelancong serta untuk menjadi sektor industri pelancongan sebagai penyumbang utama kepada pendapatan negara. Sekian terima kasih.

**Dato' Michael Chen Wing Sum:** Saya minta Yang Berhormat dari Kementerian Sumber Manusia jawab dulu.

**4.45 ptg.**

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dr. Abdul Latif bin Ahmad]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbilang-bersang terima kasih kepada rakan-rakan Yang Berhormat Senator yang telah membahas dan membangkitkan isu-isu yang berkaitan dn Kementerian Sumber Manusia.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Dr. T. Marimuthu membangkitkan tentang isu graduan yang menganggur. Beliau meminta supaya kerajaan membuat analisis mengenai pengangguran graduan dan perlu dijelaskan bahawa peranan Kementerian Sumber Manusia lebih sebenarnya tertumpu kepada penyediaan perkhidmatan seperti perkhidmatan pekerjaan, penguatkuasaan undang-undang pemburuan dan perlesenan agensi pekerja swasta.

Objektif dan peranan KSM adalah untuk menyumbang kepada kestabilan pasaran pekerjaan. Di samping itu, isu kadar penempatan pencari kerja profesional oleh Jabatan Tenaga Rakyat di bawah kementerian ini adalah rendah kerana kurang kesecocokan di antara jawatan yang menjadi pilihan utama pencari kerja profesional dan kekosongan jawatan yang wujud di pasaran. Ini jelas bahawa masalah pengangguran siswazah berlaku tatkala negara dalam keadaan guna tenaga penuh.

Siswazah yang berkelayakan dalam *soft senses*, dengan izin adalah di antara mereka yang dilaporkan sukar mendapat pekerjaan. Apabila berlakunya masalah pengangguran siswazah ini dan tatkala ekonomi negara jelas semakin pulih ini sebab majikan masih berhati-hati untuk mengambil pekerja tambahan kecuali golongan terlibat secara langsung dalam operasi pengeluaran. Kadar gaji yang lebih tinggi bagi kategori profesional mungkin satu faktor di sebalik perkembangan ini.

Kementerian melalui Biro Ikhtisas Pekerjaan, Jabatan Tenaga Rakyat menyediakan perkhidmatan pekerjaan secara percuma kepada semua pencari kerja dan majikan. Pendaftaran pencari kerja profesional dan kekosongan jawatan boleh dilakukan di semua pejabat Jabatan Tenaga Rakyat. Di samping itu, kerajaan sedang membangunkan projek yang kita kenali sebagai Electronic Labour Exchange (ELX) yang kini dalam peringkat awal pelaksanaan merupakan satu langkah ke arah meningkatkan perkhidmatan pekerjaan yang dikendalikan oleh JTR. Ianya dijadualkan siap menjelang akhir tahun 2000. ELX akan berupaya menyediakan perkhidmatan secara online.

Bagi kumpulan siswazah terdapat juga perkhidmatan agensi pekerjaan swasta yang mengendalikan caj perkhidmatan kepada pencari kerja. Dalam memadankan siswazah dengan kekosongan jawatan, antara kaedah yang digunakan ialah menerbitkan iklan dalam radio dan juga Internet. Bagi perkhidmatan perkerjaan yang disediakan oleh JTR, pendaftaran pencari kerja dan kekosongan diuruskan melalui

sistem yang berkomputer iaitu Sistem Maklumat Perkhidmatan Pekerjaan (SMPP) akan tetapi selama ini penjadohan dibuat secara manual.

Di samping itu juga perlu dijelaskan tidak semua pencari kerja berdaftar dengan JTR dan tidak semua kekosongan jawatan dilaporkan kepada jabatan demikian. Sistem perkhidmatan pekerjaan JTR juga tidak berupaya mengenal pasti sama ada seorang pencari kerja sedang bekerja atau belum mempunyai pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Zainal Rampak membangkitkan isu pembuangan pekerja ESSO dan Mobil ekor dari percantuman. Adalah dimaklumkan bahawa lebih daripada 100 orang *downstream* telah ditamatkan perkhidmatan kerana percantuman di antara ESSO dan Mobil. Pembuangan kerja atas sebab kelebihan pekerja di 'Garden Sea' adalah satu perkara yang tidak dapat dielakkan apabila berlaku percantuman di antara syarikat-syarikat.

Namun begitu, kementerian akan sentiasa memastikan bahawa penamatan pekerja itu dilakukan mengikut lunas-lunas kemanusiaan dan mengikut prinsip perhubungan perusahaan yang telah diterima pakai dan ini termasuk menggunakan prinsip 'last in first out'. Mana-mana pekerja yang tidak berpuas hati dengan cara penamatan kerjanya boleh menuntut untuk dipulihkan pekerjaan seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Perhubungan Perusahaan 1967. Mengikut rekod Kementerian Sumber Manusia yang disediakan oleh Jabatan Buruh bagi tempoh 20 Disember 1999 sehingga 31 Disember 1999 seramai 175 pekerja dari Esso Production Malaysia Incorporation, Esso Borneo Sdn. Bhd. dan Esso Malaysia Bhd. telah terlibat dalam pemberhentian pekerja berikutan penyusunan semula organisasi syarikat berkenaan. Pada masa itu syarikat Mobil Malaysia Sdn Bhd. telah memberhentikan seramai 42 orang pekerja sehingga 31 Januari 2000 di atas sebab yang sama.

Yang Berhormat Senator Zainal juga menyentuh tentang skim penamatan perkhidmatan. Bagi cadangan penubuhan Skim Penamatan Perkhidmatan yang dibangkitkan, sebenarnya telah dibincangkan di dalam Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan pada tiga tahun yang lalu. Keputusan yang dibuat ialah supaya diperketatkan peruntukan Akta Kerja 1955 untuk menjamin pekerja dibayar faedah penamatan kerja seperti mana yang mereka layak di bawah undang-undang atau kontrak pekerjaan mereka.

Sehubungan itu pindaan telah dibuat pada Seksyen 31, Akta Kerja 1955 pada tahun 1998 dan dikuatkuasakan pada 1 Ogos 1998. Akta berkenaan akan dipinda

sekali lagi sepatutnya, Tuan Yang di-Pertua, kita bentangkan akta bagi bacaan kali kedua pada sesi Dewan Rakyat yang lalu tetapi oleh kerana banyak bil yang terpaksa kita bentangkan dalam waktu yang singkat maka ia ditunda pada bulan Julai ini. Akta berkenaan akan sekali lagi dipinda bagi menjamin pekerja mendapat hak mereka dalam keadaan di mana harta si berhutang dijual oleh receiver atau manager yang dilantik di bawah debenture tanpa melalui mahkamah.

Pembayaran faedah pemberhentian kerja akan membantu pekerja yang terlibat menyara hidup mereka sementara mendapat pekerjaan baru. Oleh kerana majikan sendiri terpaksa menanggung sepenuhnya bayaran faedah penamatan perkhidmatan apabila memberhentikan pekerja masing-masing, majikan perlu menimbangkan semasak-masaknya sebelum memberhentikan pekerja mereka. Jika kerajaan melaksanakan cadangan supaya pekerja mencarum kepada skim penamatan perkhidmatan seperti yang dicadangkan, adalah yang dikhuatiri majikan tidak akan teragak-agak untuk membuang pekerja mereka kerana bayaran faedah penamatan perkhidmatan turut ditanggung oleh pekerja.

Sehubungan dengan cadangan supaya Skim Penamatan Perkhidmatan diletakkan di bawah Perkeso, ianya adalah bercanggah dengan matlamat penubuhan Perkeso itu sendiri yang berupa Skim Perlindungan Bencana Kerja dan bukan Skim Kehilangan Kerja.

Yang Berhormat Senator Zainal juga membuat cadangan untuk menghapuskan sistem pajakan. Ingin dimaklumkan dalam Dewan yang mulia ini bahawa di bawah sistem pekerjaan yang wujud satu kontrak perkhidmatan atau contract of service, dengan izin, wujud di antara dua pihak di mana satu pihak bersetuju di ambil sebagai pekerja manakala satu lagi pihak menjadi majikan. Di bawah skim atau sistem pajakan pula ia merupakan satu bentuk perniagaan di mana perjanjian di antara pemajak dan yang menerima pajakan bukanlah merupakan satu kontrak pekerjaan.

Walau bagaimanapun sekiranya pemajak menggaji pekerja untuk menguruskan kerja-kerja yang terlibat, maka pemajak adalah dianggap sebagai majikan di bawah undang-undang sekiranya pekerja-pekerja itu diambil bekerja di bawah kontrak perkhidmatan dan itu tertakluk di bawah undang-undang buruh. Sistem pajakan ini lazimnya wujud untuk kerja-kerja yang bermusim atau dalam keadaan hasilnya tidak tetap di bawah sistem negara yang mengamalkan demokrasi

adalah tidak wajar mewujudkan undang-undang yang menyekat sistem perusahaan bebas atau free enterprise seperti sistem pajakan.

**Tuan Zainal bin Rampak:** Minta laluan. Terima kasih Yang Berhormat. Maksud saya kontrak sistem ini memang benar kalau sesebuah syarikat memang benar ada mewujudkan kontrak sistem bila mana seseorang pekerja bekerja dan di antara seorang pekerja dengan pekerja yang lain.

**Dr. Abdul Latiff bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, kuat sedikit boleh?

**Tuan Zainal bin Rampak:** Apa yang saya maksudkan dalam kenyataan saya ialah pekerja tersebut telah bekerja dalam sebuah syarikat dan bila telah bekerja dan telah ada kesatuan, syarikat mengubah sistem dia daripada sistem makan gaji diubah dan dijadikan sistem kontrak. Itu maksud saya yang sebenarnya. Jadi, ini yang saya maksudkan supaya sistem ini satu daripadanya dihapuskan. Kedua, tidak harus wujud sistem kontrak walaupun kata Yang Berhormat tadi memang sudah menjadi amalan biasa wujudnya sistem kontrak di sesebuah syarikat yang wujud me ngikut keadaan syarikat berkenaan.

Jadi untuk jangka panjang kalau kontrak sistem itu berada, besar kemungkinan jaminan kerja tidak ada, satu, dan juga cagaran berkenaan KWSP, tanggungan untuk KWSP dan juga Socso tidak ada. Jadi dari segi keselamatan masa depan pekerja tidak terjamin. Itu yang saya mencadangkan supaya sistem kontrak ini dihapuskan. Terima kasih.

**Dr. Abdul Latiff bin Ahmad:** Apa pun, Tuan Yang di-Pertua, dua isu di sini iaitu satu isu kontrak dan satu lagi pekerja yang digajikan untuk kerja-kerja pajak tersebut. Selagi mereka itu digelar pekerja dan digajikan untuk membuat kerja-kerja tertentu di dalam masa yang tertentu maka ia tertakluk kepada undang-undang perburuhan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Aziz mencadangkan supaya kerajaan mengadakan Pusat Maklumat Kebangsaan mengenai sumber manusia. Perkara ini sedang dirancang dan dikendalikan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri di bawah projek Asean Development Bank. Di samping itu Kementerian Sumber Manusia juga sedang merancang untuk mengadakan program yang saya sebutkan tadi, ELX di mana kita boleh mendapat banyak maklumat-maklumat yang confidential dan sulit, untuk kita merancang bukan sahaja jangka pendek, sederhana tetapi juga jangka panjang mengenai sistem

sumber manusia agar kita tidak tercari-cari maklumat-maklumat atau data-data umpamanya berapa orang sistem analisis yang berada di Malaysia, dengan hanya tekan sahaja satu butang kita dapat maklumat tersebut.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Karim mencadangkan supaya kerajaan melalui Kementerian Pendidikan dan Kementerian Sumber Manusia memandu IPTS dan IPTA dalam menyediakan kursus yang relevan dan peka terhadap kehendak pasaran tenaga kerja di Malaysia adalah satu cadangan dan respons yang amat baik. Bagaimanapun kerajaan sentiasa memberi perhatian dan telah mengambil langkah-langkah tertentu mengenai perkara tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perancangan dan unjuran mengenai keperluan tenaga kerja memang dibuat dalam setiap rancangan program pembangunan lima tahun seperti RMK6, RMK7 dan RMK8. Bagi Kementerian Sumber Manusia jenis latihan kemahiran yang diadakan di institusi-institusi latihan adalah berdasarkan jenis kemahiran yang diperlukan oleh industri. Kursus-kursus yang dijalankan di institusi-institusi latihan yang terletak di bawah Jabatan Tenaga Rakyat khususnya ILP, Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (SIAS), Pusat Latihan Teknologi Tinggi ('Attack' Advance Technology Centre dan Institut Teknikal Jepun Malaysia (JMTI) bidang-bidang khusus latihan adalah mengikut keperluan industri negara sebagaimana digariskan oleh Pelan Tindakan Pembangunan Teknologi Perindustrian (PTPTP) dan Pelan Induk Perindustrian Kedua (IMP2) iaitu teknologi pengeluaran berotomasi, teknologi bahan termaju, teknologi elektronik dan teknologi maklumat. Semua ini adalah bagi memenuhi keperluan tenaga kerja bagi pembangunan negara berasaskan ekonomi, perindustrian dan IT.

Selain daripada itu, Jabatan Tenaga Rakyat (JTR) juga menjalankan kajian mengesan ke atas graduan-graduan lepasan ILP pada setiap tahun bagi mengetahui kedudukan relevansi kursus berbanding keperluan tenaga kerja semasa. Dalam kajian itu JTR dapat maklumat berkaitan dengan penggunaan kemahiran diterima di ILP di dalam pekerjaan mereka, tempoh menunggu mendapat pekerjaan dan gaji diterima setelah menerima latihan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan S. Parasuraman membangkitkan tentang cuti perayaan Thaipusam. Ingin saya maklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa mengikut Akta Kerja 1995 yang dikuatkuasakan oleh Jabatan Buruh, setiap majikan dikehendaki memberi pekerja-pekerja mereka sekurang-

kurangnya 10 hari cuti am bergaji penuh setahun. Daripada sepuluh itu, empat cuti am itu wajib diberikan kepada hari-hari berikut:

- (i) Hari Kebangsaan
- (ii) Hari Keputeraan Yang Di-Pertuan Agong
- (iii) Hari Keputeraan Raja-raja atau Yang Di-Pertuan Negeri atau Hari Wilayah Persekutuan; dan
- (iv) Hari Pekerja.

Selain daripada empat cuti yang diwajibkan tersebut, majikan bolehlah memilih enam hari lagi daripada senarai cuti am yang diisytiharkan oleh Kerajaan Persekutuan dan juga kerajaan negeri. Bagi negeri-negeri di mana Thaipusam tidak diisytiharkan sebagai cuti am, majikan dan pekerja boleh bersetuju untuk memilih hari Thaipusam sebagai cuti. Adalah diperhatikan bahawa tempat-tempat kerja di mana ramai pekerja beragama Hindu bekerja, majikan memberikan pelepasan kepada pekerja untuk merayakan Thaipusam seperti yang diamalkan di sektor perladangan.

Yang Berhormat Senator Puan Nosimah membangkitkan tentang isu gangguan seksual, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tidak perlu saya panjangkan lagi kerana isu tersebut sudah saya jawab panjang lebar dalam soalan Jawab Lisan pada 27 April yang lalu.

Akhir sekali saya mengucapkan banyak-banyak terima kasih kepada rakan-rakan Yang Berhormat yang memberi lontaran idea dan buah fikiran bagi memastikan Kementerian Sumber Manusia akan terus dapat berfungsi dan bergerak bagi memastikan.....

**Tuan Haji Gapar bin Gurrohu:** Saya minta laluan sedikit. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Menyentuh tentang hari Thaipusam. Kita rasa kementerian juga sedar bahawa di akhir-akhir ini ada banyak permintaan daripada pekerja-pekerja kilang menyediakan tempat sembahyang bagi yang beragama Islam dan ada di antara majikan yang langsung tidak melayan tuntutan ini. Bagaimana pandangan ataupun pendirian kementerian dari segi menyediakan kemudahan-kemudahan tempat ibadah seumpama ini di kilang-kilang kita yang semakin bercambah sekarang.

**Dr. Abdul Latiff bin Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Haji Gapar, dia memang prihatinlah sebab dia Pengerusi Masjid Taman Kasih, Kluang. Saya pergi ke masjid dia, Tuan Yang di-Pertua, memang cantiklah.

Buat masa ini memang tidak ada perundangan atau akta yang mewajibkan kilang-kilang atau premis-premis perkhidmatan menyediakan tempat ibadah khususnya surau. Kita di kementerian sentiasa menggunakan suasana kesederhanaan, persuasive dan perbincangan di antara majikan dengan pekerja, supaya wujud suasana harmoni dan suasana tenteram, rasa seronok hendak ke tempat kerja.

Cadangan Yang Berhormat itu amat baik. Kita akan memantau setakat mana keberkesanan suasana persuasive yang wujud di antara majikan dan juga pekerja bagi menubuhkan surau-sarau agar selain daripada mementingkan produktiviti, pekerja juga ada kesempatan menunaikan tanggungjawab, *hablum minallah*, hubungan antara dia dengan Tuhan dapat dilaksanakan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi mengucapkan banyak-banyak terima kasih atas cadangan-cadangan tersebut. Kita di Kementerian Sumber Manusia akan memastikan suasana harmoni. Cuaca keharmonian di antara kerajaan, majikan dan pekerja sentiasa kita pelihara supaya dapat kita capai Wawasan 2020.

Sekian terima kasih.

**Dato' Michael Chen Wing Sum:** Saya minta Yang Berhormat dari Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menjawab.

**5.08 ptg.**

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Datuk Haji Zainal bin Dahalan]:** Tuan Yang di-Pertua, dalam masa yang agak terhad ini saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada beberapa orang Ahli Yang Berhormat Senator yang telah pun membangkitkan isu-isu yang melibatkan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar ketika membahaskan Rang Undang-undang Belanjawan 2000 dalam Dewan yang mulia ini.

Izinkan saya untuk memberi penjelasan terhadap perkara-perkara yang telah disentuh oleh Ahli Yang Berhormat Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor yang telah meminta penjelasan mengenai adakah Kerajaan Malaysia terpaksa menanggung keseluruhan kos bagi pembersihan tumpahan minyak dan juga pencemaran yang dilakukan oleh kapal-kapal yang terbabit serta jumlah kos yang dibelanjakan setakat ini untuk tujuan tersebut.

Ahli Yang Berhormat berkenaan juga ingin mengetahui bilangan kes kemalangan termasuk tumpahan minyak yang berlaku di Selat Melaka dan seluruh pesisir pantai dan laut yang mengelilingi Malaysia dan perancangan atau tindakan

yang diambil terhadap pencemaran di laut supaya ianya tidak akan menjejaskan pendapatan nelayan dan mengganggu kesihatan para penduduk khususnya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor, kos pembersihan tumpahan minyak akan ditanggung oleh pemilik kapal berkenaan melalui peruntukan undang-undang Seksyen 47, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, Pindaan 1996 yang membolehkan kerajaan membuat tuntutan kos pembersihan tumpahan minyak terhadap pemilik kapal atau pihak insurans yang mewakili pemilik kapal berkenaan.

Selain membuat tuntutan melalui undang-undang negara, terdapat juga rejim antarabangsa iaitu International Convention on Civil Liability for Oil Pollution Damage ('CLC') tahun 1999, dengan izin, dan juga International Convention On The Establishment of International Fund for Compensation for Oil Pollution Damage Fund 1971 yang telah diterima pakai oleh Kerajaan Malaysia pada 6 April 1995 juga membolehkan tuntutan kos pembersihan tumpahan minyak dibuat terhadap pemilik kapal tangki minyak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini dianggarkan sejumlah RM9,406,837.76 telah dibelanjakan untuk kerja-kerja pembersihan tumpahan minyak yang berlaku iaitu di antara tahun 1976 hingga April tahun 2000. Kerajaan telah merekodkan sejumlah 469 kes pencemaran tumpahan minyak termasuk kes kemalangan kapal yang menyebabkan tumpahan minyak berlaku. Suka saya maklumkan bahawa bagi mengatasi masalah pencemaran tumpahan minyak di laut, kerajaan telah mewujudkan satu pelan yang dikenali sebagai Rancangan Kontingensi Kebangsaan Kawalan Tumpahan Minyak pada tahun 1976 yang mana ahli-ahli jawatankuasa terdiri dari pelbagai agensi kerajaan dan swasta.

Setiap negeri di Malaysia juga telah mewujudkan satu jawatankuasa pembersihan pantai untuk menangani tumpahan minyak yang terdampar di pantai negeri masing-masing. Untuk mengawal pencemaran tumpahan minyak di laut, kerajaan juga mengadakan beberapa perjanjian persefahaman antara negara jiran Asean yang lautnya bersempadan bagi mengatasi masalah pencemaran tumpahan yang berlaku di sempadan perairan kedua-dua negara. Antara perjanjian tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Di peringkat ASEAN, "Oil Spill Response Action Plan" (OSRAP);

- (ii) “Standard Operating Procedure For Joint Oil Spill in The Straits of Malacca and The Straits of Singapore”;
- (iii) “Standard Operating Procedure For Malaysia and Brunei Darussalam”; dan
- (iv) “Co-operative Network For Oil Spill Counter Measure in The Lombok, Malacca Straits and Sulawesi Sea”.

Bagi meningkatkan lagi kawalan terhadap pencemaran tumpahan minyak, kerajaan juga telah menerima pakai konvensyen antarabangsa iaitu:

- International Convention For The Prevention of Pollution From Ships (1973) as Modified By Protocol of 1978 ataupun MRPOL 73/78, dengan izin, dan
- International Convention on Oil Pollution Preparedness Response and Co-operation 1990 (OPRC)

Seterusnya untuk penjelasan kepada Ahli Yang Berhormat Senator Dato’ Haji Ahmad bin Ismail, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar sentiasa menjalankan penguatkuasaan ke atas pembangunan di lereng-lereng bukit bagi projek-projek yang tertakluk kepada Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti-aktiviti Yang Ditetapkan), Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling 1997 ataupun perintah EIA. Di samping itu, kementerian ini juga sedang mengkaji semula perintah EIA yang diantaranya termasuk pembangunan di lereng bukit yang kini masih belum tertakluk kepada perintah EIA. Langkah ini bertujuan untuk mengurangkan kesan kepada alam sekitar dan kejadian hakisan tanah dan tanah runtuh.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, masalah penguatkuasaan di antara Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri dapat diselesaikan melalui forum-forum, di antaranya Mesyuarat Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri, Majlis Tanah Negara, Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan dan Mesyuarat Menteri-menteri dan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang bertanggungjawab mengenai hal ehwal alam sekitar.

Suka saya maklumkan bahawa kerajaan memang tidak menggalakkan pembangunan di kawasan bukit terutamanya yang mempunyai cerun melebihi 25 darjah. Bagi perumahan yang perlu dijalankan, kerajaan telah menyediakan garis panduan pembangunan di kawasan bukit yang menetapkan kriteria bagi mengawal aktiviti pembangunan di kawasan tersebut. Kementerian ini juga telah menerbitkan

garis panduan mencegah dan mengawal hakisan tanah dan kelodakan bagi membantu pemaju, kontraktor, perunding dan agensi-agensi kerajaan dalam membuat pembangunan tanah dan menggariskan prinsip-prinsip dan amalan baik untuk meminimumkan, minimize, dengan izin, hakisan tanah dan kelodakan semasa dan selepas pembangunan.

Akhirnya, kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Chia Chui Ket Melanie, mengenai program menggalakkan saintis dan juga pakar teknologi Malaysia yang berada di luar negara untuk kembali ke Malaysia. Untuk makluman Yang Berhormat, memanglah kita menggalakkan para saintis dan pakar teknologi Malaysia yang kini bekerja ataupun bertugas di luar negara untuk pulang berkhidmat di tanah air dengan memberikan beberapa galakan seperti:

- (i) menawarkan beberapa insentif istimewa kepada saintis Malaysia di luar negara untuk kembali bertugas di Malaysia, termasuklah dari segi tangga gaji yang sesuai dengan kelayakan dan pencapaian serta pengalaman di negara asing di mana saintis tersebut bertugas. Elaun perumahan, elaun untuk bayaran anak-anak dan ganjaran ataupun *gratuity* setelah saintis tamat perkhidmatan dengan sempurna dan beberapa elaun yang lain;
- (ii) mewujudkan persekitaran dan juga kemudahan-kemudahan yang sesuai sepertimana yang sedang dilaksanakan oleh kerajaan mewujudkan Multimedia Super Corridor dan juga kawasan-kawasan seperti Cyberjaya dan ini mungkin menggalakkan satu suasana di mana para saintis suka untuk bertugas dan berkhidmat;
- (iii) mengadakan *database* rakyat Malaysia di luar negara yang berminat berkhidmat di Malaysia. Langkah ini adalah bagi mengenalpasti jumlah saintis Malaysia yang berada di luar negara. Walau bagaimanapun, yang terakhir sekali adalah
- (iv) bergantung kepada minat dan kesedaran yang ada kepada mereka untuk kembali berkhidmat di tanah air sendiri, walaupun dalam beberapa hal dari segi pendapatan, memanglah berbanding dengan pendapatan yang mereka terima di luar agak

kurang tetapi dengan kemudahan-kemudahan yang sedang dilaksanakan oleh kerajaan, kita berharap mereka akan kembali untuk berkhidmat bagi memajukan tanah air kita, Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan sebanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dan pandangan-pandangan serta teguran yang lain yang mungkin tidak dapat saya sentuh dalam penggulungan ini, kita akan mengambil ingatan dan perhatian untuk tindakansewajarnya. Terima kasih.

**Dato' Michael Chen Wing Sum:** Saya minta Yang Berhormat dari Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan menjawab.

**5.17 ptg.**

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Peter Chin Fah Kui]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu bagi pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Jamilah binti Ibrahim, Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng, Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad bin Ismail, Yang Berhormat Tuan Haji Abdillah bin Abdul Rahim, Yang Berhormat Tuan Khoo Lay Hin, Yang Berhormat Tuan Haji Gapar bin Gurrohu, Yang Berhormat Puan Jaya Partiban, Yang Berhormat Tuan Hassan bin Shukri, Yang Berhormat Puan Chew Poh Thoi dan Yang Berhormat Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor yang telah membahaskan isu-isu berhubung kementerian ini.

Saya ingin menjawab mengikut isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Terutamanya mengenai isu perumahan. Tuan Yang di-Pertua, berhubung isu kemudahan-kemudahan awam di kawasan perumahan kos rendah, ia memang diambil kira oleh kerajaan negeri semasa meluluskan sesuatu permohonan pembangunan bagi pemaju swasta. Antara lain, pemaju perumahan akan diminta menyediakan Dewan Gunasama dan kemudahan riadah. Mengenai trek basikal, pihak berkuasa tempatan akan cuba menyediakan dan mengubahsuai bahu jalan yang sedia ada untuk menjadikan trek berkenaan.

Mengenai sistem pendaftaran berkomputer rumah kos rendah, semua kerajaan negeri sedang melaksanakannya dalam pemilihan calon untuk projek perumahan kos rendah. Dengan ketelusan yang terdapat dalam sistem ini, dakwaan ketidakadilan dalam pemilihan calon akan dihapuskan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

kerajaan juga sedang mengkaji cadangan mewajibkan pembinaan rumah kos sederhana di setiap projek perumahan. Dengan usaha sedemikian, saingan untuk permintaan rumah kos rendah dapat dikurangkan.

Dalam setiap perintah pembangunan projek perumahan, pembangunan campuran memang digalakkan bagi mewujudkan komuniti yang seimbang dan mengelakkan rasa cemburu dan iri hati di kalangan rakyat.

Berhubung prestasi pembinaan rumah kos rendah di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, sukalah saya memaklumkan sehingga Mac tahun ini sebanyak 15,607 unit telah siap dibina, 26,708 unit dalam peringkat pembinaan, 8701 unit dalam awal pelaksanaan dan 4,662 unit dalam proses tender.

Tuan Yang di-Pertua, teknologi baru serta bahan pembinaan tempatan memang digalakkan dalam industri pembinaan. Di samping itu, kementerian ini telah memperkenalkan program kerosakan sifar dalam pembinaan perumahan dan program koordinasi modular dalam industri perumahan bagi menjamin teknologi baru dan kualiti pembinaan dalam industri perumahan negara. Bagi mereka yang kurang mampu membeli rumah, program perumahan rakyat atau PPR sememangnya adalah untuk disewakan kepada mereka di bandar-bandar besar.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai sistem 'bina dan jual' memang ada pemaju yang telah mengamalkan konsep ini. Bilangan di sektor swasta tidak banyak tetapi kebanyakan agensi kerajaan dan badan berkanun mengamalkannya. Sebagai galakan kepada pemaju swasta, kerajaan memberi pengecualian daripada syarat lesen dan permit di bawah Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Perlesenan) 1966 bagi pemaju yang menjual rumah yang sudah mempunyai sijil kelayakan menduduki.

Mengenai projek terbengkalai, kerajaan memang berusaha memulihkan projek-projek terbengkalai. Daripada 493 projek terbengkalai dari tahun 1989 sehingga 1999 sebanyak 317 atau 64% projek telah berjaya dipulihkan melibatkan 58,371 pembeli dan kos projek ketika itu dianggarkan RM3,079.57 juta.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai aduan pembeli pada tahun 1999 sebanyak 1,991 aduan diterima dan sebanyak 55% aduan-aduan dapat diselesaikan tanpa perlu tindakan sivil atau di mahkamah. Kementerian ini sedang mengkaji semula Akta Pemaju Perumahan yang sedia ada demi meningkatkan perlindungan bagi pembeli rumah.

Bagi menjawab tentang isu kerajaan tempatan, Tuan Yang di-Pertua, mengenai pengurusan sisa pepejal di kawasan pihak berkuasa tempatan seluruh negara, saya suka memaklumkan penswastannya telah diputuskan oleh kerajaan. Sebanyak 4 buah konsortium telah dipilih berdasarkan wilayah. Keempat-empat konsortium tersebut telah melalui penilaian Jawatankuasa Teknikal dan Kewangan sebelum dipilih oleh kerajaan bagi melaksanakan penswastan pengurusan sisa pepejal ini. Antara perkara yang diambil kira sewaktu penilaian tersebut ialah keupayaan syarikat memikul tanggungjawab untuk melaksanakan penswastan dengan jaya. Dengan yang demikian, adalah tidak benar kerajaan tidak melaksanakan kajian yang teliti sebelum pemilihan konsortium dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan juga sedar masalah banjir kilat yang sering dihadapi bandar-bandar besar di negara ini. Ianya bukan sahaja berpunca dari sistem perparitan yang tidak mencukupi tetapi juga sikap orang ramai yang suka membuang sampah ke dalam sistem aliran sehingga menyebabkan aliran air longkang tersumbat dan menyebabkan banjir kilat bila hujan lebat. Kerajaan sentiasa berusaha mempertingkatkan dan memperbaiki sistem perparitan sedia ada di negara ini melalui peruntukan kepada pihak berkuasa tempatan. Walau bagaimanapun, usaha kerajaan ini akan menjadi sia-sia sahaja sekiranya orang-orang awam tidak memberi kerjasama untuk menjaga kebersihan parit dan longkang yang dibina. Kerajaan juga telah mensyaratkan supaya semua pembangunan perlu mematuhi garis panduan dan peraturan-peraturan tertentu terutamanya dalam aspek kerja-kerja tanah bagi mengelakkan kejadian banjir kilat. Walau bagaimanapun .....

**Dato' Michael Chen Wing Sum:** Yang Berhormat, boleh berhenti sekejap, satu usul dibangkitkan oleh Yang Berhormat.

### USUL

#### **WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh]:** Tuan Yang di-Pertua,

Menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 11(1), saya mohon mencadangkan supaya Majlis hari ini tidak ditangguhkan sehingga jam 6.00 petang.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Dato' Michael Chen Wing Sum:** Ahli-ahli Yang Berhormat, usul di hadapan Majlis ini hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

*Perbahasan disambung semula.*

**Dato' Michael Chen Wing Sum:** Yang Berhormat, sila.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan memandang berat kejadian tanah runtuh akibat pembangunan di lereng-lereng bukit. Sehubungan itu, kementerian ini telah meminda Akta Jala n, Parit dan Bangunan tahun 1974 untuk mengetatkan kerja-kerja tanah dan bangunan dari aspek keselamatan dan kestabilan. Di samping itu juga kementerian ini telah mengedarkan garis panduan pembangunan di kawasan bukit yang menggariskan syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh pemaju-pemaju berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan isu cyber café, kerajaan telah pun membuat keputusan untuk tidak mengenakan kawalan dengan tujuan mengelakkan penggunaan teknologi maklumat khususnya sistem internet. Kerajaan memang menyedari bahawa terdapat pemilik-pemilik café cyber yang telah menyalahgunakan kelonggaran ini dengan menjalankan kegiatan haram lain seperti perjudian dan membenarkan pengunjung melayari laman pornography surfing, dengan izin. Oleh itu beberapa tindakan telah dan sedang diambil oleh pihak-pihak seperti Kementerian Kewangan supaya undang-undang mengenai perjudian diperkemas.

Mengenai kampung baru, kerajaan berpandangan peruntukan pembangunan kepada kampung-kampung baru adalah memadai untuk meningkatkan taraf dan kualiti hidup penduduk. Sekiranya peruntukan itu tidak mencukupi, peruntukan dari agensi-agensi lain akan disalurkan seperti dari Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pendidikan dan pihak berkuasa tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya mengenai isu kebomgaan. Kerajaan amat prihatin mengenai kemampuan bomba memadam kebakaran di bangunan-bangunan tinggi dan kawasan setinggan.

Pelbagai langkah diambil untuk mengatasi kebakaran di kawasan setinggi dan kepadatan tinggi seperti menjalankan pemeriksaan di kawasan setinggi yang berkepadatan tinggi, memberi ceramah tentang pencegahan kebakaran dan menjalankan penubuhan jawatankuasa keselamatan kebakaran.

Mengenai pencegahan kebakaran di bangunan-bangunan yang tinggi melalui Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984, kerajaan telah mensyaratkan supaya semua bangunan tinggi memasang sistem pemasangan tetap seperti sistem penyembur air automatik, sistem pancur basah dan kering, sistem pengesan haba dan asap dan sistem-sistem lain yang berkaitan untuk meningkatkan keselamatan di bangunan-bangunan tinggi.

Anggota-anggota pasukan bomba dan penyelamat juga telah diberi latihan untuk mengendalikan peralatan-peralatan canggih bagi melawan kebakaran di bangunan-bangunan tinggi. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia juga telah dibekalkan dengan jentera sky lift dan turntable ladder di samping dua buah helikopter yang dilengkapi dengan meriam air (water cannon) bertujuan untuk memadam kebakaran dan penyelamatan di bangunan tinggi.

Di kawasan-kawasan pedalaman pula, kerajaan telah menggalakkan penubuhan pasukan bomba sukarela untuk membantu mengawal kebakaran sebelum ketibaan pasukan bomba. Bantuan latihan dan peralatan memadam kebakaran juga diberi kepada pasukan bomba sukarela tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, mengenai isu pembedung khususnya soalan penswastan perkhidmatan pembedung. Sukalah saya menyatakan konsesi kepada Syarikat Indah Water Konsortium Sdn. Berhad (IWK) masih berjalan walaupun kerajaan bercadang mengambil kepentingan dalam syarikat tersebut. Projek penswastan ini tidak dianggap gagal kerana perkhidmatan pembedung yang diberikan adalah jauh lebih baik daripada sebelum penswastan dilaksanakan.

Masalah yang dihadapi adalah syarikat konsesi tidak dapat kerjasama sebahagian pengguna tidak menjelaskan bil mereka. Tanpa sumber kewangan yang mencukupi kesemua rancangan pembangunan tidak dapat dilaksanakan.

Walau bagaimanapun, kerajaan telah pun melantik juruperunding menjalankan kajian semula sektor pembedung ini bagi memastikan program pembangunan sektor ini tidak terjejas. Kajian dijangka akan dapat disiapkan pada pertengahan tahun ini dan segala syor akan dipertimbangkan sebelum dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, setakat inilah sahaja saya boleh menjawab petang ini. Jikalau ada teguran-teguran, pandangan-pandangan dan pertanyaan-pertanyaan yang saya tidak sempat menjawab, saya ingin menjamin kepada Ahli-ahli Yang Berhormat semua perkara tersebut sudah diambil kira dan diberi perhatian yang sewajarnya oleh kementerian saya. Sekian, terima kasih.

**Dato' Michael Chen Wing Sum:** Saya minta Yang Berhormat Menteri Pertahanan menjawab.

**5.35 ptg.**

**Menteri Pertahanan [Dato' Seri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan Belanjawan Negara 2000 di peringkat dasar di Dewan yang mulia ini, yang sedikit sebanyak telah menyentuh bidang tugas Kementerian Pertahanan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjelaskan cadangan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Zainal Rampak, ingin saya nyatakan di sini bahawa Kementerian Pertahanan amat prihatin terhadap kebijakan para anggota tentera terutamanya yang berkaitan dengan skim perkhidmatan ATM.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat banyak elaun dan kemudahan yang telah disediakan oleh kerajaan untuk anggota ATM. Elaun-elaun dan kemudahan ini disediakan khusus untuk ATM dengan mengambil kira keanehan yang wujud dalam perkhidmatan ATM. Namun demikian, beberapa elaun dan kemudahan tersebut mungkin perlu dikaji dari masa ke semasa untuk memastikan bahawa kadarnya adalah selaras dengan kehendak semasa. Pada masa ini, Kementerian Pertahanan sedang bekerjasama dengan agensi-agensi Pusat, khususnya Kementerian Kewangan dan Jabatan Perkhidmatan Awam untuk mengkaji semula beberapa elaun yang difikirkan sudah sampai masanya elaun-elaun ini dikaji semula. Adalah diharapkan, sekiranya elaun-elaun tersebut mempunyai justifikasi ataupun asas yang kukuh, maka ianya akan dapat dipertimbangkan oleh kerajaan tidak beberapa lama lagi.

Merujuk kepada cadangan kedua dari Ahli Yang Berhormat, iaitu agar Kementerian Pertahanan melanjutkan umur persaraan anggota ATM secara kontrak, suka saya menjelaskan di sini bahawa setakat ini tidak terdapat sebarang peruntukan di dalam Akta Angkatan Tentera 1972 atau peraturan-peraturan yang digubal di

bawahnya yang membolehkan perkara ini dilaksanakan. Secara umumnya, tempoh perkhidmatan bagi anggota-anggota ATM adalah berbeza menurut pangkat dan jenis pentauliahannya yang dianugerahkan kepada mereka oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Bagi anggota yang berpangkat pegawai, tempoh perkhidmatan mereka boleh dilanjutkan sekiranya masih dikehendaki dan diperlukan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Walau bagaimanapun, bagi anggota lain-lain pangkat, di mana perkhidmatan permulaan mereka adalah selama 12 tahun dan masih berminat untuk terus berkhidmat dengan ATM, mereka boleh membuat permohonan untuk menyambung perkhidmatan sehingga 15 tahun dan seterusnya kepada 21 tahun sehinggalah mencapai umur persaraan iaitu 50 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai latihan kepada para pesara ATM. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kebanyakan anggota ATM memperolehi kebolehan dalam pelbagai bidang semasa dalam perkhidmatan dan ini membantu mereka apabila bersara kelak.

Walau bagaimanapun, bagi bakal pesara yang tidak mempunyai sebarang kemahiran, Kementerian Pertahanan telah memperkenalkan Skim Latihan Peralihan menerusi Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT) yang menawarkan pelbagai jenis kursus kemahiran sebagai persediaan kepada bakal pesara ATM. Kursus-kursus ini akan dipelbagaikan dan akan ditambah dengan jenis-jenis kursus yang selaras dengan kehendak pasaran ataupun, dengan izin, market driven. Kementerian juga akan memperkenalkan kursus-kursus yang bercorak ICT yang mempunyai nilai pasaran yang tinggi supaya mereka akan dapat mencebur diri di dalam ekonomi bermaklumat atau k-ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Zainal Rampak turut mencadangkan agar pesara ATM diserapkan dalam perkhidmatan polis. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pesara ATM adalah layak untuk memohon bagi memasuki mana-mana perkhidmatan yang ditawarkan di dalam perkhidmatan awam. Walau bagaimanapun, kemasukan ke mana-mana perkhidmatan termasuk perkhidmatan polis adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh skim-skim perkhidmatan berkenaan.

**Dato' Michael Chen Wing Sum:** Yang Berhormat Menteri, boleh beri laluan?

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang diPertua, saya minta laluan sedikit. Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pertahanan. Sekarang ini di sekolah-sekolah, kita dapati dari segi disiplin amat berkurangan sehinggakan wujud statement yang besar mengatakan gangsterism, sungguhpun Menteri Pendidikan mengikut katanya tadi 0.3%. Soalnya sekarang kebanyakan askar-askar yang bersara ini boleh atau tidak mereka ini kita serapkan ke sekolah-sekolah berasrama penuh dahulu, seperti yang saya sarankan dalam Dewan yang mulia ini, supaya model Maktab Tentera Diraja di mana kurikulumnya juga mencerminkan kedisiplinan yang boleh dibawa oleh bekas-bekas perajurit daripada ATM. Kalau sekiranya semua sekolah-sekolah asrama penuh MRSM dan sebagainya mempunyai tenaga semacam ini dan juga sekolah-sekolah lain, saya yakin tahap pencapaian di sekolah dari segi disiplin akan meningkat. Terima kasih.

**Dato' Seri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang diPertua, pada dasarnya, Kementerian Pertahanan menerima baik cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat Senator Dato' Abdul Aziz supaya kita menawarkan khidmat pesara-pesara ATM untuk menjadi jurulatih di sekolah-sekolah kita. Sama ada perkara ini boleh dilaksanakan, ia tertakluk kepada pengwujudan jawatan-jawatan tertentu, seperti jawatan kontrak yang mungkin boleh ditawarkan kepada mereka. Sekiranya langkah ini diambil oleh Kementerian Pendidikan, saya percaya ramai di antara pesara-pesara ATM ini boleh kita gunakan kepakaran mereka untuk mengembangkan lagi bilangan pelajar-pelajar yang boleh kita serapkan sebagai anggota kadet dan sebagainya. Ini sebagai langkah untuk mempertingkatkan keadaan disiplin di sekolah-sekolah.

Tuan Yang diPertua, merujuk kepada ucapan Yang Berhormat Senator Tuan Mustafa Kamal yang meminta penjelasan dari Kementerian Pertahanan mengenai kedudukan kapal frigate yang dikatakan bermasalah teknikal. Sebenarnya, frigate-frigate ini telah pun diterima dan sedang bertugas dengan begitu baik.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kedua-dua frigate yang kita terima dari United Kingdom iaitu KD Lekiu dan KD Jebat adalah merupakan yang paling canggih dalam kategori masing-masing. Masalah yang timbul adalah berkaitan dengan sistem combat pemerintahan dan kawalan iaitu sistem notisnya yang memakan masa lebih daripada yang dijangkakan oleh pihak kontraktor. Dan berikutan dengan kelewatan ini, kontraktor yang berkenaan telah dikenakan liquidated

damages, Tuan Yang di-Pertua, yang berjumlah hampir RM124 juta. Jadi, pada masa sekarang, kedua-dua buah frigate itu sedang berjalan dengan baik dan tidak ada masalah yang berbangkit.

Yang Berhormat Senator Datuk Christina Lorline Tibok Vanhouten meminta agar Kementerian Pertahanan mempertingkatkan pengawasan di sekitar perairan timur negeri Sabah berikutan kejadian yang berlaku di Pulau Sipadan baru-baru ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkara ini ada kaitan dengan masalah tuntutan terhadap Pulau Sipadan dan Ligitan yang telah dibuat oleh negara Indonesia. Dan berdasarkan kepada persefahaman waktu perkara ini diputuskan oleh International Court of Justice (ICJ), kedua-dua negara telah bersetuju untuk mengekalkan status quo terhadap kedudukan kedua-dua pulau tersebut.

Namun demikian, bagi Kerajaan Malaysia pengertian status quo tidak bererti bahawa semestinya membawa maksud kita mengurangkan tahap keselamatan di kedua-dua pulau itu sehingga boleh mendedahkan pulau itu kepada ancaman lanun dan sebagainya. Walaupun kita telah mengurangkan penempatan anggota-anggota keselamatan di pulau-pulau tersebut berikutan dengan persefahaman tersebut, tetapi dengan berlakunya kejadian baru-baru ini, maka kita akan memperkuatkan lagi penempatan anggota-anggota keselamatan termasuk pihak polis, tentera darat, tentera laut dan sebagainya supaya kawalan keselamatan itu adalah pada tahap yang membolehkan Kerajaan Malaysia memberi jaminan bahawa, insya-Allah tidak akan berlaku perkara ancaman lanun terhadap pelancong-pelancong kita dan sebagainya.

Ini kita telah ambil keputusan dan kita berharap Kerajaan Indonesia memahami akan tindakan yang dibuat oleh Kerajaan Malaysia dan tidaklah disalahertikan sebagai tidak menghormati persefahaman status quo terhadap Pulau Ligitan dan Sipadan itu.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, kita juga akan menggubal pelan tindakan supaya kita dapat mempertingkatkan bilangan aset yang boleh kita gunakan di kawasan tersebut. Namun demikian, saya ingin menyatakan bahawa kawalan terhadap perairan Sabah ini merupakan satu perkara yang amat sukar hendak dilakukan pada tahap yang begitu efektif kerana keluasannya amat luas dan aset kita adalah terhad. Namun kerajaan telah bersetuju supaya ditingkatkan dan kita akan bekerjasama dengan Polis Diraja Malaysia terutama sekali Marine Police untuk melaksanakan kehendak ini berdasarkan kepada perkembangan semasa.

Tuan Yang di-Pertua, .....

**Datuk Zainudin bin Maidin:** Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mengambil kesempatan ini, boleh atau tidak Yang Berhormat Menteri Dato' Seri Mohd. Najib memberitahu keadaan, the latest situation, dengan izin, tentang kedudukan di Pulau Sipadan sekarang, kalau boleh diberitahu kepada Dewan ini.

**Dato' Seri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, kita telah mengambil beberapa tindakan selain daripada seorang Menteri dan Timbalan Menteri telah ditugaskan ke negara Filipina untuk berjumpa dengan Presiden dan Menteri Pertahanan dan pihak-pihak yang berkenaan dan dengan kehadiran Ketua Polis Negara, kita juga telah mengambil keputusan untuk menghantar Panglima Angkatan Tentera Malaysia kerana operasi yang dilakukan di Filipina ini adalah di bawah kawalan Angkatan Tentera dan bukan oleh pihak polis.

Jadi, pihak Filipina lebih serasi mengadakan hubungan dengan Angkatan Tentera Malaysia sebagai counter part mereka dan Panglima Angkatan Tentera sedang berada di negara tersebut, di Filipina dengan beberapa pegawai yang lain untuk mengadakan perbincangan, rundingan dan menekankan bahawa walaupun kita tidak ada hasrat hendak campurtangan dalam urusan dalaman, tetapi kita berharap mereka sentiasa meletakkan keselamatan orang-orang tebusan itu sebagai satu perhatian utama dan tidak semata-mata hendak menjalankan tindakan operasi ketenteraan sehingga boleh menjejaskan keselamatan orang-orang tebusan kita. Ini adalah gesaan kita dan kita berharap bahawa Kerajaan Filipina akan mengambil kira hasrat dan niat baik kita.

Di samping itu, kita akan gunakan apa jua saluran yang mungkin boleh digunakan oleh kita dan pada masa ini kita tidak dapat mengesahkan laporan yang telah disiarkan oleh CNN bahawa dua orang telah terkorban, satu terkena peluru dan yang satu lagi kerana serangan jantung. Kedua-dua kejadian ini tidak boleh kita sahkan pada masa sekarang dan mungkin lewat hari ini ataupun pagi esok, mungkin ada berita yang terkini.

Namun demikian, segala usaha yang termampu akan kita lakukan dan kita berharap kerjasama daripada pihak Kerajaan Filipina dan juga orang yang telah ditugaskan oleh Kerajaan Filipina iaitu Nur Misuari sebagai orang perantaraan untuk membantu kita dalam menyelamatkan orang-orang tebusan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih di atas segala pandangan, cadangan yang telah dikemukakan dan Kementerian Pertahanan akan memberi perhatian yang sebaik mungkin kepada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat. Terima kasih.

**Dato' Michael Chen Wing Sum:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar akan menjawab.

**5.49 petang.**

**Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar [Dato' G. Palanivel]:**

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam membincangkan isu-isu pembangunan infrastruktur, ekonomi, pembasmian kemiskinan dan pentadbiran yang terletak di bawah bidang kuasa Kementerian Pembangunan Luar Bandar semasa Perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2000 berlangsung.

Segala komen dan ulasan Ahli-ahli Yang Berhormat menunjukkan betapa prihatin dan komitment serta sokongan padu Ahli-ahli Yang Berhormat bersama-sama Kementerian Sumber Manusia bagi menjayakan pembangunan di kawasan luar bandar selaras dengan falsafah dan strategi baru pembangunan luar bandar tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, sepanjang perbahasan ini, isu-isu mengenai infrastruktur dan kemudahan asas luar bandar, RISDA, Program Pemulihan Rumah dan KEMAS telah menarik minat enam orang Ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, dua orang Ahli Yang Berhormat telah membincangkan mengenai pekebun kecil getah. Mereka ialah Yang Berhormat Senator Tuan Mustafa Kamal Mohd. Nawi dan Yang Berhormat Senator Tuan Lim Eng Kok

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan amat peka terhadap sumbangan masyarakat kampung seperti pekebun kecil getah dalam bidang pertanian dan mengambil segala daya usaha untuk membolehkan mereka menikmati taraf hidup yang lebih baik. Di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar, disediakan program-program pembangunan infrastruktur untuk dinikmati oleh masyarakat kampung melalui Program Jalan Luar Bandar, Program Bekalan Elektrik Luar Bandar, Program Bekalan Air Luar Bandar, Projek Jalan Kampung dan Projek Jalan - KESBAN.

Manakala khususnya bagi pekebun kecil getah, antara langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan ialah:

- (i) melaksanakan Skim Khas Pembelian Getah (SKPG) mulai September 1999;
- (ii) menyediakan peruntukan untuk pelaksanaan Program Mengurus Semula Kebun Terbengkalai;
- (iii) meneruskan Program Bantuan Tanam Semula dengan peruntukan RM201 juta pada tahun 2000;
- (iv) menggalakkan penggunaan Teknologi Torehan Berintensiti Rendah (LITS) dengan menyediakan peruntukan RM80 juta;
- (v) mewujudkan aktiviti-aktiviti ekonomi tambahan secara komprehensif dan tersusun dengan menyediakan peruntukan RM120 juta; dan
- (vi) mewujudkan Jawatankuasa Antara Empat Menteri Mengenai Masa Depan Pekebun Kecil dan Industri Getah dan Jawatankuasa Meningkatkan Pendapatan Pekebun Kecil Getah (JKMPPG).

Tuan Yang di-Pertua, soalan yang dibincangkan oleh Yang Berhormat Lim Eng Kok berkenaan dengan Skim Tanaman Semula Getah kepada kelapa sawit oleh RISDA hendaklah diagihkan kepada pekebun-pekebun getah sama ada mereka yang menyertai koperasi atau tidak.

Pada tahun 2000, kerajaan telah memperuntukan RM201.1 juta untuk program tanam semula dengan matlamat keluasan 45,000 hektar. Pekebun kecil yang memiliki kebun getah yang tua dan berumur lebih daripada 25 tahun adalah layak untuk mendapat bantuan tanam semula. Di bawah Program Tanaman Semula, pekebun kecil dibenarkan untuk memilih jenis tanaman yang lebih menguntungkan.

Walau bagaimanapun, selaras dengan dasar pembangunan kerajaan mas a kini, pekebun kecil adalah digalakkan untuk melaksanakan Program Penanaman Semula Secara Berkelompok dan diurus mengikut kaedah pengurusan ladang. Pelaksanaan program ini dilaksanakan melalui RISDA, Koperasi Pekebun Kecil, agensi kerajaan seperti FELDA dan FELCRA atau kumpulan pekebun yang dinamik. Pendekatan secara berkelompok ini adalah merupakan 70% daripada matlamat Program Tanam Semula tahun 2000. Namun demikian, bagi pekebun kecil yang mampu

melaksanakan Program Tanam Semula Secara Persendirian, 30% diperuntukan di bawah pendekatan ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Siti Hawa berkenaan dengan berlakunya kekosongan kakitangan KEMAS, hanya jawatan Pemaju Masyarakat Tabika yang diisi. Manakala pemaju masyarakat jurusan lain tidak dapat dibuat perlantikan, adalah tidak benar.

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi tempoh 1999, kementerian telah membuat pengisian jawatan seperti berikut:

- i. Penyelia Kanan - 40 jawatan
- ii. Penyelia - 114 jawatan
- iii. Pemaju Masyarakat - 1,350 jawatan

Daripada 1,350 pemaju masyarakat yang dilantik bagi tahun 1999, 604 orang dilantik sebagai Pemaju Masyarakat Tabika dan selebihnya daripada Pemaju Masyarakat pelbagai jurusan.

Bagi tahun 2000, kementerian telah mengiklankan tawaran jawatan di akhbar tempatan pada 18 April 2000 dan tarikh tutupnya pada 9 Mei 2000 bagi pengisian jawatan tersebut:

- i. Penyelia Kanan - 14 jawatan
- ii. Penyelia - 56 jawatan
- iii. Pemaju Masyarakat - 600 jawatan

Daripada 600 jawatan Pemaju Masyarakat, 400 jawatan terdiri daripada Pemaju Masyarakat Tabika, manakala selebihnya adalah pemaju masyarakat pelbagai jurusan. Pengisian jawatan Pemaju Masyarakat Tabika lebih ramai berbanding pengisian pemaju masyarakat jurusan lain kerana ianya lebih mendesak bagi memenuhi keperluan pendidikan pra-sekolah khususnya di luar bandar.

Sukacita saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat, pengisian jawatan tersebut adalah berdasarkan keperluan kepada negeri-negeri dan mengambilkira peruntukan kewangan yang ada. Proses pengisian jawatan dibuat melalui iklan disiarkan di akhbar tempatan. Calon-calon yang dipilih adalah mengambilkira kelayakan dari segi kelulusan akademik, pengalaman, kemahiran, pengetahuan, serta melalui proses temuduga.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad Ismail telah membangkitkan soal penyediaan komputer kepada Tabika KEMAS. Untuk

makluman Yang Berhormat, kerajaan sememangnya telah menyediakan komputer kepada Tabika KEMAS mulai tahun 1998. Antara tahun 1998 hingga 2000, sebanyak 196 buah komputer telah dibekalkan kepada KEMAS di seluruh negara. KEMAS akan sentiasa meningkatkan penyediaan komputer dari masa ke semasa kepada Tabika KEMAS di seluruh negara yang berjumlah 7,725 buah tabika. Dalam tempoh RMK8 sebanyak 5,000 buah komputer dirancang akan dibekalkan ke Tabika-tabika KEMAS di seluruh negara mengikut keutamaan. Bagi memastikan keberkesanan penggunaan komputer dalam pelajaran dan pembelajaran di tabika, Pemaju-pemaju Masyarakat Tabika telah diberi latihan dalam penggunaan komputer melalui kursus-kursus yang dianjurkan oleh pihak KEMAS.

Yang Berhormat juga membangkitkan isu agar pegawai-pegawai KEMAS yang bertaraf kontrak diserapkan ke jawatan berpencen. Cadangan tersebut adalah merupakan cadangan yang baik tetapi ianya perlu dikaji dari pelbagai aspek. Kerajaan sememangnya sentiasa memberi perhatian terhadap kebajikan pegawai-pegawai KEMAS yang bertaraf kontrak. Usaha-usaha telah dibuat untuk memberi mereka skim perkhidmatan yang selesa. Mulai 1 April 1996, perkhidmatan kakitangan kontrak telah disandarkan kepada Skim Perkhidmatan dan Gred Gaji Sistem Saraan Baru (SSB) sejajar dengan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 3 Julai 1996, di mana kakitangan kontrak pada masa ini telah mendapat kenaikan Elaun Tahunan sehingga tanggungaji maksimum serta Imbuhan Tetap Perumahan seperti yang dinikmati oleh kakitangan tetap.

Untuk makluman Yang Berhormat, di bahagian Kemajuan Masyarakat (KEMAS) sememangnya terdapat jawatan-jawatan tetap. Oleh itu pegawai-pegawai kontrak yang mempunyai syarat-syarat kelayakan yang dikehendaki, berpengalaman dan telah menunjukkan khidmat yang cemerlang adalah diberi peluang untuk memasuki ke jawatan tetap tersebut.

Yang Berhormat Senator Datuk Joseph Balang Seling telah membangkitkan isu tentang kekurangan jalan khususnya jalan kampung yang baik di Sarawak lantas mencadangkan supaya kementerian ini membuat perancangan yang teliti dan berterusan dari tahun ke tahun berhubung dengan pembinaan jalan-jalan kampung di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh, sehingga tahun 1999, kementerian telah pun membelanjakan sebanyak RM60.904 juta bagi

melaksanakan 965 projek jalan kampung sepanjang 749 kilometer di seluruh negeri Sarawak. Kementerian menyedari masih terdapat banyak lagi jalan yang perlu dinaikkan taraf. Walau bagaimanapun, disebabkan peruntukan yang terhad, maka pelaksanaan projek perlu dibuat secara berperingkat-peringkat mengikut keutamaan yang disusun oleh pihak negeri.

Kementerian merancang untuk meneruskan pelaksanaan projek ini di bawah tempoh Rancangan Malaysia Kelapan. Untuk tujuan tersebut, pihak negeri telah mengenalpasti dan menyusun senarai projek yang akan dilaksanakan bagi tempoh tersebut.

Yang Berhormat Datuk Joseph Balan Seling dan Datuk Christina Tibok Vanhouten telah membangkitkan isu-isu seperti berikut; beliau membangkitkan isu mini hidro yang tidak berfungsi dengan baik di Bario dan meminta kementerian membantu dengan memperbaiki mini hidro berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian sedia maklum akan kekurangan keupayaan sistem micro hydro hybrid yang dilaksanakan di Bario, Sarawak. Pada masa ini, sebuah syarikat juruperunding sedang menjalankan kajian bagi mengesyorkan kepada kerajaan tentang cara-cara mengatasi masalah yang berbangkit agar sistem tersebut berjalan seperti mana sepatutnya.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh, peruntukan bekalan elektrik luar bandar yang telah diluluskan untuk negeri Sabah berjumlah RM197.5 juta. Amaun ini telah berupaya melaksanakan 374 projek dengan memberi manfaat kepada 30,000 pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya terdapat isu-isu yang disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak sempat dijawab, kementerian akan mengambil perhatian dan tindakan yang sewajarnya demi untuk memaju, membangun dan menentukan kemajuan penduduk-penduduk luar bandar di seluruh negara. Sekian, terima kasih.

**Dato' Michael Chen Wing Sum:** Ahli-ahli Yang Berhormat Mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 10.00 pagi, esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.02 petang.*

4 Mei 2000

**AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob, P.S.M., P.M.K., S.P.M.K., Dato' Bentara Kanan, S.M.T., P.G.D.K., D.A. (Dilantik)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri,  
Dato' Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman,  
D.H.M.S., S.I.M.P., D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Dilantik)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi,  
Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.  
(Dilantik)
- “ Menteri Pendidikan,  
Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamed, P.S.M., D.P.M.N.,  
D.P.C.M. (Dilantik)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri,  
Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia (Dilantik)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Michael Chen Wing Sum  
(Dilantik)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan,  
Datuk Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S. (Dilantik)
- “ Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)
- “ Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)
- “ Tuan Haji Abdul Malek bin Haji Abdul Ghani (Perlis)
- “ Tuan Haji Abdul Wahid bin Varthan Syed Ghany (Dilantik)
- “ Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)
- “ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K.,  
B.K.M. (Kedah)
- “ Tuan Benedict Bujang Tembak (Sarawak)
- “ Dato' Charern Intachat, D.S.D.K., A.M.N., B.C.K. (Dilantik)
- “ Dr. Charlie Chau-Lap Chang (Dilantik)
- “ Puan Chew Poh Thoi (Dilantik)
- “ Puan Chia Chui Ket (Dilantik)
- “ Dato' Dr. Chin Fook Weng (Pulau Pinang)
- “ Datuk Christina Lorline Tibok @ Christine Vanhouten (Sabah)
- “ Puan Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)
- “ Tuan Haji Gapar bin Gurrohu (Dilantik)
- “ Datuk Ghazi @ Hasbullah bin Haji Ramli, D.P.M.S., D.I.M.P.  
(Selangor)

Yang Berhormat Tuan Hassan bin Haji Shukri (Terengganu)

- “ Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan (Melaka)
- “ Tuan Ho Lim Teck (Melaka)
- “ Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor (Kelantan)
- “ Puan Hajah Che Jam binti Haron (Dilantik)
- “ Puan Jamilah binti Ibrahim (Kelantan)
- “ Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye (Dilantik)
- “ Puan Jaya Partiban (Dilantik)
- “ Datuk Joseph Balan Seling (Dilantik)
- “ Datuk Haji Karim Ghani (Sabah)
- “ Tuan Haji Karim bin Salleh (Perlis)
- “ Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)
- “ Tuan Khoo Lay Hin (Dilantik)
- “ Dato’ Lee Pit Chern (Negeri Sembilan)
- “ Tuan Lim Eng Kok (Dilantik)
- “ Datuk Long bin Jidin (Dilantik)
- “ Tuan Marimuthu a/l Nadeson, A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Dato’ Dr. T. Marimuthu (Dilantik)
- “ Dato’ Haji Mazlan bin Abu (Johor)
- “ Puan Hajah Melati binti Ali (Pahang)
- “ Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi, A.M.P., P.P.N., P.J.K. (Perak)
- “ Datuk Nor Azah binti Awin (Dilantik)
- “ Datuk Norjan binti Khan Bahadar (Dilantik)
- “ Puan Nosimah binti Hashim (Dilantik)
- “ Tuan Parasuraman a/l Sanasamy @ Sinnasamy (Kedah)
- “ Puan Hajah Puizah @ Faezah binti Haji Abu Kassim (Dilantik)

Yang Berhormat Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan (Dilantik)

- “ Puan Safinah binti Jusoh (Terengganu)
- “ Puan See Too Mee (Johor)
- “ Puan Siti Hawa @ Karimah binti Mohd. Nor (Dilantik)
- “ Tuan Tan Ek Huat (Perak)
- “ Dato' V.K.K. Teagarajan, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Datuk Tee Thiong Hock, D.S.S.A., S.S.A., A.M.N., P.J.K. (Selangor)
- “ Dato' Ting Check Sii, D.I.M.P. (Dilantik)
- “ To' Puan Wan Seri @ Wan Asiah binti Ahmad (Dilantik)
- “ Datuk William Lau Kung Hui (Dilantik)
- “ Tuan Zainal bin Rampak (Dilantik)
- “ Datuk Zainudin bin Maidin (Dilantik)
- “ Tuan Zakaria bin Arshad (Negeri Sembilan)

**DEWAN NEGARA**

**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

**Setiausaha Dewan Negara:**

Abdullah bin Abdul Wahab

**Ketua Penolong Setiausaha:**

Zamani bin Haji Sulaiman

Haji Mustakin bin Selamat

Shahrom bin Haji Hasan

**Penolong Setiausaha:**

Haji Mustafa bin Abdul Rahman

Ruhana binti Abdullah

Riduan bin Rahmat

**BENTARA MESYUARAT**

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali

Mejar (B) Zakaria bin Salleh

Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN DOKUMENTASI**

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd. Hassan

Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop

Mohamed bin Osman

Norishah binti Mohd. Thani

Shamsina binti Janor

Ramlah binti Mohd. Yusuff

Jamilah Intan binti Haji Bohari

Khairul Azila binti Haji Khairuddin

Nurziana binti Ismail

Noor Effarizan binti Mat Satib

Taharah binti Mohamed

Nik Elyana binti Ahyat

Mashitah binti Kamaruddin

Abu Bakar bin Hasan

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN MESIN CETAK**

Kamal bin Oyub

Haji Latif bin Ismail

Kamaroddin bin Mohd. Yusof

**PARLIMEN KESEPULUH**

**PENGGAL KEDUA**

MESYUARAT PERTAMA

---

**Jilid II**

**Bil. 10**

**Rabu**

**3 Mei 2000**

---

**K A N D U N G A N**

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**(Halaman 1)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Perbekalan 2000 (Halaman 25)

**USUL:**

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat (Halaman 113)

